

## **BAB 4**

### **DAPATAN KAJIAN**

#### **4.1 Pendahuluan**

Bab ini memberi fokus terhadapuraian yang dibuat secara terperinci mengenai dapatan kajian. Data diperoleh melalui tiga sumber iaitu pemerhatian, temu bual dan analisis dokumen. Seramai 28 partisipan terlibat dalam kajian ini iaitu, tujuh tujuh orang pensyarah-penyelia praktikum dan 21 orang GBKSR yang menjalani latihan praktikum. Data-data yang diperoleh dianalisis secara manual mengikut prosedur program Nvivo.

#### **4.2 Dapatan Kajian**

Keseluruhan perbincangan mengenai dapatan kajian dibahagi kepada dua bahagian. Bahagian pertama perbincangan berdasarkan dapatan kajian bagi soalan kajian 1 dan 2, manakala bahagian ke dua perbincangan dapatan kajian berdasarkan dapatan kajian bagi soalan kajian 3. Keseluruhan dapatan kajian dalam bab ini adalah hasil daripada respon kedua-dua partisipan iaitu primer dan sekunder. Tiga soalan kajian adalah (1) Bagaimakah proses pelaksanaan penyeliaan praktikum GBKSR?, (2) Apakah bentuk-bentuk amalan pensyarah-penyelia semasa menyelia praktikum GBKSR? dan (3) Bagaimakah bentuk matriks penyeliaan praktikum GBKSR? Dapatan yang dipaparkan dalam bab ini menggambarkan interpretasi penyelidik daripada data yang diperoleh dalam bentuk pemerhatian, temu bual dan dokumen dan dihuraikan berdasarkan urutan soalan

kajian. Dapatan kajian bagi soalan kajian 1 dan 2 dipaparkan dalam bentuk rajah pokok (Lampiran K).

Lampiran K menunjukkan satu tema, tiga subtema, 18 kategori, 20 subkategori, 11 elemen dan dua subelemen. Bahagian berikut memperincikan setiap dapatan berdasarkan tiga soalan kajian secara berasingan. Tema yang muncul ialah tatacara pengurusan dan penstrukturran penyeliaan praktikum GBKSR. Tiga subtema, iaitu fasa sebelum, semasa dan selepas penyeliaan. Lapanbelas kategori terdiri daripada penstrukturran dan kontrak penyeliaan, orientasi konteksual, penyeliaan klinikal, penyeliaan pentadbiran, penyeliaan program, penyeliaan kemahiran bimbingan di dalam kelas, penyeliaan secara langsung, penyeliaan secara bertulis, penyeliaan secara rakaman, penyeliaan secara langsung dan rakaman, amalan mendidik, amalan sebagai kaunselor, amalan menilai, amalan berunding, amalan sebagai model, amalan mengarah, penilaian dan kontrak penutup.

Manakala 20 subkategori terdiri daripada proses kaunseling, aplikasi teori kaunseling, kemahiran kaunseling, buku rekod aktiviti dan jurnal, sistem fail, pengurusan dan keceriaan bilik B&K, promosi perkhidmatan B&K, program keibubapaan, pendidikan kerjaya, kemahiran generik, rekod aktiviti dan jurnal, verbatim dan folio, memberi peneguhan, menegur dan memberi cadangan, memberi contoh, memberi ingatan, memberi maklum balas untuk peningkatan kemahiran, membantu guru pelatih menghadapi kebimbangan, penilaian ormatif dan sumatif, dan penamatan.

Elemen terdiri daripada kemahiran membina hubungan, meneroka masalah, mengenal pasti masalah, mengambil tindakan, kemahiran refleksi, kemahiran menyoal, kemahiran membuat rumusan, kemahiran mencatat nota, kemahiran menghadapi peperiksaan,

penamatan minor dan penamatan major. Manakala subelemen terdiri daripada refleksi isi dan refleksi perasaan.

#### 4.2.1 Pelaksanaan proses penyeliaan praktikum GBKSR

**Soalan Kajian Pertama:** Bagaimakah proses pelaksanaan penyeliaan praktikum GBKSR?

Dapatan kajian bagi menjawab soalan kajian pertama dipaparkan dalam bentuk rajah pokok (Lampiran L)

Huraian dapatan kajian bagi menjawab soalan kajian pertama dibuat berdasarkan dapatan daripada data primer dan disokong oleh data sekunder. Dapatan menunjukkan muncul satu tema, tiga subtema, 12 kategori, 14 subkategori, 11 elemen dan dua subelemen.

##### *4.2.1.1 Tema: Tatacara Pengurusan Dan Penstrukturran Penyeliaan Praktikum GBKSR*

Tatacara pengurusan penyeliaan merujuk kepada sistem yang diamalkan oleh pensyarah-penyelia dalam menstrukturkan proses penyeliaan praktikum GBKSR. Ianya berkait rapat dengan kaedah penyusunan dan fasa-fasa dalam proses menyelia praktikum GBKSR. Respon partisipan kajian menunjukkan ciri-ciri persamaan secara khusus dalam fasa-fasa penyeliaan. Terdapat tiga subtema dalam fasa penyeliaan iaitu (1) sebelum penyeliaan, (2) semasa penyeliaan dan (3) selepas penyeliaan. Setiap subtema ini dibincangkan secara terperinci di bahagian berikut.

### *Subtema 1: Fasa Sebelum Penyeliaan*

Di bawah subtema fasa sebelum penyeliaan terdapat satu kategori iaitu penstrukturran dan kontrak penyeliaan. Dapatan kajian berhubung dengan kategori ini diuraikan di bawah.

#### *Kategori penstrukturran dan kontrak penyeliaan.*

Penstrukturran penyeliaan merujuk kepada cara-cara bagaimana proses penyeliaan praktikum GBKSR disusun atau diorganisasikan. Manakala kontrak penyeliaan merujuk kepada suatu keadaan persetujuan bersama antara pensyarah-penyelia dengan guru-guru pelatih dalam hal-hal yang berkaitan dengan proses penyeliaan. Persetujuan ini diperoleh melalui majlis taklimat yang disampaikan oleh unit kaunseling IPG kepada semua GBKSR. Tujuannya untuk memberi gambaran awal tentang pelaksanaan keseluruhan penyeliaan praktikum GBKSR.

Analisis data menunjukkan kategori ini muncul dalam tujuh partisipan. Sebagai contohnya, data daripada sumber pemerhatian di dua buah IPG iaitu IPG A dan B mengesahkan perjalanan taklimat praktikum. Penyampaian taklimat ini selaras dengan garis panduan yang dikeluarkan oleh BPG yang bertajuk “Garis Panduan Praktikum Latihan Perguruan Praperkhidmatan berkuatkuasa mulai Februari 2005” Nombor rujukan dokumen ialah KP.(BPG) 9561/Jld.71(18) DR01-(17/1). Dokumen ini mengandungi 43 muka surat yang memuatkan pelbagai perkara yang berkaitan dengan latihan praktikum. Isi taklimat berfokus kepada konsep, objektif, prosedur dan peranan serta tanggungjawab pelajar. Perkara ini terkandung pada muka surat 1 hingga 20.

Hal ini diperkuuhkan dengan analisis data temu bual. Hasil temu bual dengan empat partisipan primer iaitu B, D, E dan G mengesahkan bahawa taklimat kepada guru-guru pelatih merupakan perkara wajib dilakukan sebelum guru pelatih keluar ke medan praktikum. Sebagai contohnya partisipan G memberi jawapan berikut :

“ ... memang tuan (penyelidik) taklimat tadi adalah perkara wajib yang diberikan kepada semua pelatih yang akan keluar berpraktikum.. ini arahan daripada BPG...” RG(1)-I-8/2(9-12)

Data pemerhatian menunjukkan taklimat diadakan dalam sebuah bilik khas yang berukuran 30 kaki lebar dan 30 kaki panjang, lengkap dengan kemudahan asas seperti penghawa dingin, pembesar suara dan LCD serta sebuah komputer riba. Seramai 20 orang GBKSR hadir. Taklimat disampaikan oleh ketua unit kaunseling IPG berkenaan.

Untuk mengesahkan kandungan taklimat, penyelidik meminta satu salinan bahan yang diedarkan kepada pelajar. Tajuk bahan tersebut ialah “Pelaksanaan Praktikum GBKSR Ambilan Jun 2010”. Sambil mendengar taklimat yang disampaikan, penyelidik membelek-belek salinan buku panduan yang bertajuk “Garis Panduan Praktikum Latihan Perguruan Praperkhidmatan Berkuatkuasa Mulai Februari 2005”. Bagi tujuan pengesahan kandungan taklimat yang disampaikan, penyelidik bertanyakan pada dua orang pensyarah-penyelia iaitu A dan C. Respon pensyarah-penyelia A adalah seperti berikut:

“...sebelum pergi ke praktikum kita perlu ada sesi *briefing* tentang praktikum. Di mana mereka dikehendaki mengisi borang kolaborasi. Sebelum pergi kena siapkan folio-folio. Apa dalam folio saya tengok lah. Persediaan dia orang saya tandatangan *and than* saya berilah aspektasi saya terhadap mereka. Saya melihat kamu nanti secara kasar macam mana dan saya punya ketua unit penyelarasaran menekankan penyeliaan klinikal katanya. Maknanya *before*, semasa dan selepas satu sesi kaunseling itulah saya terangkan kepada dia orang...” RA(1)-I-20/1(122-127)

Manakala respon berikut diberikan oleh pensyarah-penyelia C.

Saya buat taklimat secara menyeluruh apa yang perlu mereka lakukan dalam tempoh 12 minggu praktikum di sekolah. Jadi saya telah maklum kepada mereka tentang persediaan seperti segi fail-fail kaunseling individu dan kumpulan, berapa sepatutnya dia kena buat sesi kaunseling dalam seminggu sama ada individu atau kelompok, dari segi kehadiran, peraturan lain dan sebagainya. Dalam taklimat itu, jadual lengkap penyeliaan juga diaghikan kepada guru pelatih..." RC(1)I-25/1(20-26).

Analisis dokumen jadual penyeliaan membuktikan semua guru pelatih menerima maklumat awal tentang pelaksanaan penyeliaan. Ia merangkumi aspek apa yang akan diselia, bila penyeliaan dilakukan, bagaimana cara dan siapakah penyelia yang terlibat. Maklumat-maklumat ini ditulis dalam sehelai kertas bersaiz A4 dan diedarkan kepada setiap guru pelatih sebagai rujukan.

#### *Subtema II : Fasa Semasa Penyeliaan*

Proses penyeliaan melibatkan tiga fasa iaitu sebelum, semasa dan selepas. Tempoh paling penting dan bermakna bagi seseorang pensyarah-penyelia dan yang diselia ialah fasa semasa penyeliaan. Subtema ini menjadi subtema utama dalam keseluruhan dapatan kajian. Ini kerana dapatan daripada subtema ini memberi banyak maklumat untuk menjawab tiga soalan kajian. Dalam subtema ini muncul 9 kategori (orientasi kontekstual, penyeliaan klinikal, penyeliaan pentadbiran, penyeliaan program, penyeliaan kemahiran bimbingan dalam kelas, penyeliaan secara langsung, penyeliaan secara bertulis, penyeliaan secara rakaman dan penyeliaan secara langsung dan rakaman); 12 subkategori (proses kaunseling, aplikasi teori kaunseling, kemahiran kaunseling, penyeliaan buku rekod aktiviti dan jurnal, penyeliaan sistem fail, pengurusan dan keceriaan bilik bimbingan dan kaunseling, promosi

perkhidmatan bimbingan dan kaunseling, program keibubapaan, pendidikan kerjaya, kemahiran generik, rekod aktiviti dan jurnal, dan verbatim dan folio; dan sembilan elemen (membina hubungan, meneroka masalah, mengenal pasti masalah, membuat keputusan, kemahiran refleksi, kemahiran menyoal, kemahiran membuat rumusan, kemahiran mencatat nota dan kemahiran menghadapi peperiksaan dan dua subelemen (refleksi isi dan refleksi perasaan). Huraian seterusnya berdasarkan dapatan analisis data mengenai aspek yang muncul dalam subtema II

#### *Kategori Orientasi Kontekstual*

Orientasi kontekstual merujuk kepada pengenalan terhadap sesuatu tempat atau program yang baru. Kategori ini melibatkan induksi kepada pihak sekolah yang menjadi lokasi guru pelatih menjalani praktikum. Induksi kepada pihak sekolah merujuk kepada suatu proses penyampaian maklumat melalui pertemuan rasmi antara pensyarah-penyelia dan guru pelatih sebagai satu pihak dengan pihak pentadbir sekolah serta guru pembimbing sebagai satu pihak yang lain. Tujuan utama adalah untuk memberi peluang kepada para pensyarah-penyelia “melapor diri” secara rasmi sebelum memulakan aktiviti penyeliaan. Analisis data menunjukkan orientasi kontekstual diamalkan oleh semua pensyarah-penyelia. Setiap pertemuan dihadiri penyelidik, pentadbir sekolah, guru pembimbing dan guru pelatih.

Pensyarah-penyelia memperkenalkan ahli-ahli yang hadir kepada pentadbir sekolah. Penyelidik diperkenalkan nama dan tujuan kedatangan bersama dengan ahli. Induksi yang diberikan kepada pentadbir berfokus kepada peranan dan tanggungjawab pihak sekolah dan guru pembimbing dalam aspek penyeliaan praktikum GBKSR. Data daripada analisis

sumber dokumen menunjukkan kandungannya selaras dengan buku panduan pelaksanaan praktikum yang dikeluarkan oleh BPG. Hal ini dapat dilihat pada subtajuk peranan dan tanggungjawab guru pembimbing dan pihak sekolah iaitu pada muka surat 9 hingga 11. Dalam taklimat tersebut pensyarah-penyelia hanya membaca semula apa yang ditulis dalam buku panduan tersebut. Pada masa sama kelihatan guru besar membelek-belek buku panduan berkenaan pada muka surat berkenaan untuk memastikan mereka memahami dengan lebih jelas.

Daripada tujuh buah sekolah yang diadakan taklimat induksi didapati tiga buah sekolah iaitu sekolah A, C dan E dihadiri sendiri oleh guru besar manakala empat buah sekolah iaitu sekolah B, D, F dan G dihadiri oleh guru penolong kanan. Tujuan pertemuan adalah untuk memaklumkan tanggungjawab guru besar dan guru pembimbing peringkat sekolah terhadap guru pelatih sepanjang tempoh praktikum. Data temu bual mengesahkan perkara ini sebagaimana contoh petikan perbualan antara penyelidik dengan pensyarah-penyelia C:

“Saya jumpa tu untuk bagi taklimat lah, saya bagi peraturan dari segi peranan dia, peranan guru besar, apa peranan yang patut di berikan kepada guru pelatih yang berada di situ, dari segi bimbingan dari segi penyeliaan guru bimbingan penyeliaan tersebut berapa kali, 3 kali ke, dari segi elaun atau bayaran dia...” C(1)I-25/1(70-74)

“Pelajar, penyelia, guru pembimbing dan guru besar sekali lah. Kita bagi taklimat supaya pelajar ni diberitahu hak limitasi yang diberi kepada dia seperti waktu mengajar, waktu buat kaunseling dan minta kerjasama pihak sekolah membenarkan beliau melibatkan diri dalam aktiviti program perhimpunan dan sebagainya...” RC(1)I-25/1(74-82)

Hal ini diperkuuhkan melalui sumber pemerhatian dan analisis dokumen. Sebagai contohnya dokumen catatan lapangan oleh penyelidik adalah seperti berikut:

“Alhamdullillah nampaknya pemerhatian awalan saya Berjaya...nampaknya pensyarah-penyelia telah menyampaikan taklimat dengan berkesan sekali.. permulaan kutipan data berjaya” DTR/04(25/1)

#### *Kategori-Kategori Jenis Penyeliaan*

Di bawah subtema semasa penyeliaan muncul empat kategori jenis penyeliaan iaitu (1) klinikal, (2) pentadbiran, (3) program, dan (4) kemahiran bimbingan di dalam kelas. Berikut penerangan terperinci bagi setiap dapatan berasaskan kategori-kategori jenis penyeliaan. Analisis data menunjukkan terdapat empat kategori penyeliaan, 14 subkategori, 17 elemen dan dua subelemen. Jadual 4.1 menunjukkan kekerapan kategori jenis penyeliaan GBKSR.

Jadual 4.1

#### *Kekerapan Kategori Jenis Penyeliaan*

Bil	Tema	Kekerapan	Peratus
1	Klinikal	26	40.00
2	Pentadbiran	26	40.00
3	Program	8	12.4
4	Kemahiran bimbingan dalam kelas	5	7.6
Jumlah		65	100.00

#### *Penyeliaan Klinikal*

Analisis data menunjukkan kategori penyeliaan klinikal muncul sebanyak 26 kali atau 40% daripada keseluruhan kategori yang muncul dalam kategori penyeliaan. Jadual 4.2 menunjukkan kekerapan subkategori di bawah kategori penyeliaan klinikal.

Jadual 4.2

Kekerapan Subkategori Dalam Penyeliaan Klinikal

Bil	Subkategori	Kekerapan	Peratus
1	Proses kaunseling	17	65.3
2	Kemahiran kaunseling	8	30.7
3	Aplikasi teori kaunseling	1	4.0.
Jumlah		26	100

Jadual 4.2 menunjukkan tiga subkategori penyeliaan klinikal iaitu proses kaunseling, kemahiran kaunseling dan aplikasi teori kaunseling. Huraian secara teperinci bagi setiap subkategori tersebut pada bahagian selanjutnya.

*Subkategori proses kaunseling*

Proses kaunseling merujuk kepada tahap-tahap dalam melaksanakan sesi kaunseling. Ia bermula dengan membina hubungan, meneroka masalah, mengenal pasti masalah, membincang alternatif, membuat keputusan dan mengambil tindakan. Dapatan kajian menunjukkan subkategori proses kaunseling mengandungi empat elemen. Elemen-elemen tersebut ialah (1) membina hubungan, (2) meneroka masalah, (3) mengenal pasti masalah dan (4) membuat keputusan. Jadual 4.3 menunjukkan kekerapan elemen dalam subkategori proses kaunseling. Setiap elemen diperincikan pada bahagian berikut.

Jadual 4.3

### Kekerapan Elemen Dalam Subkategori Proses Kaunseling

Bil	Elemen Proses kaunseling	Kekerapan	Peratus
1	Membina hubungan	4	23.5
2	Meneroka masalah	4	23.5
3	Mengenal pasti masalah	5	29.5
4	Membuat keputusan	4	23.5
Jumlah		17	100

#### *Elemen membina hubungan*

Membina hubungan dalam konteks kaunseling merujuk kepada usaha-usaha yang diambil oleh seseorang kaunselor untuk mewujudkan suasana pertemuan kondusif dan mendapat kepercayaan daripada klien. Ianya berlaku pada awal pertemuan antara kaunselor dengan klien untuk menjalin dan menstrukturkan hubungan (Amla, Zuria, & Salleh, 2009). Tujuan utama membina hubungan ialah untuk mewujudkan kepercayaan dan keyakinan antara klien dengan kaunselor. Kewujudan elemen membina hubungan terbukti apabila pensyarah-penyelia menunjukkan kemesraan wajah yang tenang dan senyuman serta kedudukan badan mereka yang mendongak sedikit ke arah yang diselia semasa mengadakan perbincangan.

Hasil analisis data menunjukkan elemen ini muncul sebanyak tiga kali iaitu pada pemerhatian kedua pensyarah-penyelia B dan pemerhatian pertama pensyarah-penyelia C dan F. Sebagai contoh, pensyarah-penyelia B dan C mempamerkan wajah tenang dan mesra melalui senyuman pada bibir kedua-dua setiap kali menyatakan sesuatu kepada GP6 dan GP7. Selain itu kemesraan juga terbukti melalui kedudukan badan pensyarah-penyelia yang membongkak ke arah guru pelatihnya. Apabila ditanya dalam temu bual tentang

sebab pensyarah-penyelia sentiasa menampulkan wajah manis dan membongkak ke arah guru pelatih, pensyarah-penyelia tersebut memberi jawapan yang hampir sama iaitu untuk menunjukkan contoh yang betul kepada guru pelatih dalam aspek membina hubungan dengan kliennya. Contohnya pensyarah-penyelia B memberi respon seperti berikut:

“...Jadi, semasa dia menjalankan sesi tersebut, ada perkara-perkara yang dilakukan kesilapan oleh pelatih. Jadi, saya menegur bagaimana, contohnya bagaimana dia membuat membina hubungan dengan ataupun *rapport* dengan pelajar ataupun dengan klien. Kita mesti sentiasa tenang dan bermanis muka apabila berhadapan dengan klien, kedudukan badan juga penting.. harus dongak sikit ke arah klien. Ada dalam kalangan pelatih ini, dia terus masuk je kepada pokok perbincangan tentang klien tu ...dia tak bina hubungan terlebih menyebabkan klien tu rasa tertekan...”  
RB(2)I-18/2(100-105).

Hal ini disokong oleh catatan nota lapangan yang dihasilkan penyelidik seperti berikut:

“... sepanjang tempoh pemerhatian saya yang mengambil masa lebih kurang 40 minit menunjukkan bahawa penyelia telah berjaya mewujudkan hubungan yang baik dengan guru pelatihnya...dan barulah saya faham akan tujuan dia berbuat demikian iaitu untuk memberi contoh teladan kepada pelatihnya kaedah yang betul untuk mewujudkan hubungan dengan klien ...” DTR04 (20/1)

Seterusnya dapatan ini diperkuuhkan dengan sumber data daripada analisis dokumen iaitu borang PR1/BK dan catatan dalam buku rekod aktiviti kepunyaan guru pelatih masing-masing. Sebagai contohnya pensyarah-penyelia F memberi ulasan berikut kepada guru pelatihnya.

... satu usaha yang baik. Jelas anda berusaha mempamerkan usaha yang baik untuk mewujudkan hubungan berkesan dalam membina hubungan dengan klien anda ... libatkan *body language* di samping perkataan-perkataan yang sesuai ketika memulakan sesi kaunseling...DR04-(8/2)

#### *Elemen meneroka masalah*

Meneroka masalah merujuk kepada usaha untuk mendalami atau memperincikan satu-satu isu yang dihadapi oleh seseorang klien. Tujuan penerokaan masalah ialah untuk memberi kefahaman yang lebih terhadap sesuatu isu bagi memudahkan kaunselor membuat analisis sebab dan akibat bagi isu. Ia juga memberi gambaran menyeluruh tentang masalah dihadapi dan menyediakan ruang yang luas dalam mengatur strategi mengatasinya. Dapatkan menunjukkan bahawa elemen meneroka masalah menjadi aspek yang diselia oleh pensyarah-penyelia tertentu. Ini terbukti dengan teguran pensyarah-penyelia supaya membuat penerokaan dengan memberi perhatian pada aspek apa, kenapa dan kesan satu-satu isu terhadap klien.

Elemen meneroka masalah muncul pada empat pensyarah-penyelia iaitu C, E, F dan G. Analisis data daripada sumber pemerhatian menunjukkan elemen ini wujud pada pemerhatian kedua bagi pensyarah-penyelia C dan masing-masing pada pemerhatian pertama bagi pensyarah-penyelia E, F dan G. Dalam pemerhatian kedua pensyarah-penyelia C, penyelidik memerhatikan pensyarah-penyelia menyelia GP8 yang sedang menjalankan sesi kaunseling dengan seorang murid tahun lima. Nama pelajar tersebut ialah Ali (bukan nama sebenar). Ketika sesi berjalan, penyelidik melihat pensyarah-penyelia menulis sesuatu pada sehelai kertas. Penyelidik mengambil ingatan bahawa dalam temu bual yang diadakan selepas sesi pemerhatian, penyelidik akan bertanyakan tentang catatan tersebut iaitu, apakah yang dicatat dan tujuan catatan dibuat. Selepas sesi kaunseling berakhir satu perbincangan diadakan antara pensyarah-penyelia C dengan GP8 dalam bilik kaunseling sekolah berkenaan.

Dalam perbincangan tersebut penyelidik mendengar kata-kata pensyarah-penyelia yang bertanyakan GP8 tentang sebab dia terdiam seketika selepas sesi membina hubungan. Hal ini disokong oleh rakaman catatan penyelidik yang memerhatikan bahawa pada saat berkenaan memang GP8 dalam keadaan diam. GP8 menjawab bahawa dia terdiam kerana tidak tahu apa yang nak dibuat selepas klien menceritakan dia bermasalah dengan ibu dan bapanya. Pensyarah-penyelia C menyatakan bahawa sesi tak boleh berhenti di situ sebaliknya guru pelatih perlu meneroka dengan lebih luas tentang punca, kesannya dan status semasa pada klien kesan daripada isu tersebut. Berikut adalah dialog antara pensyarah-penyelia C dengan GP8 yang dirakamkan penyelidik.

Pensyarah-penyelia C: "...tahniah awak berjaya mengadakan sesi kaunseling dengan baik dalam kebanyakan hal. Tetapi saya nak fokuskan kepada aspek penerokaan masalah ... tadikn awak nampaknya kaku selepas murid mengatakan dia ada masalah dengan ibu bapanya... awakpun terdiam seketika ... apa yang difikirkan masa tu?..."

GP8: "...Saya tak tahu macam mana nak teruskan sesi kaunseling tersebut. Maksud saya bila murid menyatakan ada masalah dengan ibu bapanya, saya fikir saya kena cepat-cepat bagi nasihat agar sesi cepat tamat..."

Pensyarah-penyelia C: "...Ok macam ni... awak sepatutnya minta klien awak jelaskan lebih lanjut apa yang dimaksudkan dengan masalah dengan ibu bapanya ... minta dia cerita dengan terperinci aspek apa, apa punca dan kesan kepada klien ..." RC(2)O-22/2(3).

Analisis data temu bual menyokong dapatan ini apabila penyelidik bertanyakan pensyarah-penyelia tentang perkara yang ditulis sewaktu memerhati pelatihnya mengadakan sesi kaunseling. Berdasarkan soalan yang ditanya, pensyarah-penyelia menjelaskan bahawa dia membuat catatan tentang perkara yang akan ditanya pada pelatihnya dalam perbincangan yang akan diadakan iaitu tentang proses penerokaan masalah yang kurang mantap.

Analisis dokumen juga menunjukkan bahawa pensyarah-penyelia C memandang serius dan memberi fokus kepada elemen penerokaan masalah. Ini berdasarkan ulasan pensyarah-penyelia dalam buku rekod aktiviti kepunyaan GP8 seperti berikut:

...tahniah.. umumnya proses kaunseling berjalan dengan baik. Walau bagaimanapun aspek penerokaan masalah belum sampai ke tahap cemerlang. Anda harus memperuntukan sedikit masa untuk meneroka masalah klien anda. Jangan cepat-cepat bagi nasihat untuk menghabiskan sesi... DR07-(25/1).

Demikian juga pemerhatian pertama yang dibuat ke atas pensyarah-penyelia E dan F membuktikan ke dua-dua pensyarah-penyelia tersebut memberi fokus kepada elemen meneroka masalah. Hal ini disahkan melalui analisis dokumen yang berkaitan. Didapati bahawa pensyarah-penyelia membuat komen atau ulasan yang hampir sama pada buku rekod aktiviti GP13 dan GP16. Mereka melahirkan harapan agar guru pelatih memberi fokus untuk meningkatkan tahap kefahaman dalam aspek meneroka masalah.

Ini berbeza dengan pensyarah-penyelia G apabila beliau memberi pujian dan mengucapkan syabas kepada GP19 kerana dapat membuat penerokaan yang baik dalam sesi kaunseling. Perbezaan tahap penguasaan proses meneroka masalah dilihat daripada analisis data sumber dokumen. Semakan dokumen borang PRI/BK menunjukkan guru pelatih kepada penyelia E dan F mendapat pencapaian tahap tiga iaitu pencapaian sederhana sebaliknya guru pelatih di bawah pensyarah-penyelia G memperoleh tahap empat iaitu pencapaian baik dalam kebanyakan aspek.

### *Elemen mengenal pasti masalah*

Mengenal pasti masalah merujuk kepada usaha-usaha yang dilakukan oleh kaunselor dalam mengenal pasti masalah sebenar yang dihadapi klien. Hasil analisis data menunjukkan elemen mengenal pasti masalah muncul sebanyak lima kali iaitu pada pensyarah-penyelia A, B, D, E dan G. Analisis data pemerhatian menunjukkan elemen ini semuanya muncul pada pemerhatian pertama bagi semua pensyarah-penyelia tersebut. Hal ini menunjukkan bahawa elemen mengenal pasti masalah dalam proses kaunseling merupakan elemen penting dan diberi keutamaan oleh pensyarah-penyelia. Ini terbukti melalui analisis data temu bual pensyarah-penyelia A yang mengakui bahawa dia memandang serius terhadap elemen meneroka masalah para pelatihnya.

Manakala analisis pemerhatian pada pensyarah-penyelia E pula memperlihatkan elemen meneroka masalah diberi fokus. Ini berdasarkan data pemerhatian penyelidik yang mendapati GP14 berada dalam keadaan teragak-agak sewaktu cuba meneroka masalah yang dihadapi kliennya. Hal ini terbukti melalui penampilan wajahnya yang tidak yakin di samping dahinya berkerut-kerut menandakan dia menghadapi masalah. Penampilan wajah pelatih ini terserlah sewaktu kliennya menyatakan seperti berikut :

“...saya ni cikgu banyak masalah yang saya hadapi, dengan rakan, ibu bapa dan guru matematik saya...” RE(1)O-28/1(3).

Sebaik sahaja mendengar kata-kata klien tersebut GP14 tidak berkata apa-apa. Sikap ini mengesahkan bahawa dia sukar untuk membantu kliennya mengenal pasti masalah sebenar yang dihadapi. Demikian juga data daripada analisis dokumen mengesahkan berlaku

penyeliaan terhadap elemen mengenal pasti masalah. Contohnya data yang diperoleh melalui semakan borang PR1/BK kepunyaan GP10. Dalam borang tersebut pensyarah-penyelia D telah memberi ulasan seperti berikut:

... cuba lagi. Aspek meneroka masalah menjadi lebih berkesan jika cikgu empati terhadap isu yang dibawa oleh klien... DR04-(28/1).

Hal ini diperkuuhkan lagi melalui data yang diperoleh daripada analisis temu bual penyelidik dengan pensyarah-penyelia G seperti berikut:

“... proses mengenal pasti masalah merupakan proses penting dan perlu dikuasai oleh seseorang bakal guru kaunseling...” RG(1)O-8/2(22-23).

#### *Elemen membuat keputusan*

Membuat keputusan merupakan fasa penting dalam satu-satu sesi kaunseling. Ia merujuk kepada usaha-usaha yang diambil oleh klien terhadap sesuatu perkara atau alternatif yang telah dibincang dan dipersetujui bersama antara klien dengan kaunselor. Elemen membuat keputusan muncul dalam empat sesi penyeliaan iaitu pensyarah-penyelia A, C, D dan G.

Bagi pensyarah-penyelia A dan D elemen membuat keputusan muncul pada pemerhatian pertama dan pada pensyarah-penyelia G muncul pada pemerhatian dua. Manakala bagi pensyarah-penyelia C, elemen ini muncul dalam pemerhatian ketiga. Sebagai contohnya, hasil analisis data pemerhatian menunjukkan pensyarah-penyelia C banyak membuat teguran dan komen apabila GP9 gagal melaksanakan proses membuat keputusan dengan berkesan. Bahkan beliau tidak jemu-jemu memberi bimbingan dan contoh mengenai cara-cara menyempurnakan fasa membuat keputusan.

Salah satu daripada contoh teguran yang dibuat oleh pensyarah-penyelia C selepas sesi kaunseling adalah seperti berikut:

“... (nama guru pelatih) awak tidak boleh buat begitu... membuat keputusan bermaksud klien dibimbang mengenal pasti keputusan yang akan diambil selepas membuat pertimbangan sewajarnya... jadi dalam kes tadi (nama klien) kena dibantu macamana kaedah yang boleh diambilnya untuk merapatkan semula hubungannya yang renggang dengan ayahnya... awak boleh sarankan contohnya.. balik dari sekolah tengah hari nanti terus ke rumah, dan cium tangan ayahnya.. sambil minta maaf. Kan dalam perbincangan tadi dia mengaku tidak pernah berbuat seperti itu sebelum ini... ” RC(3)O-10/4(4)

Data pemerhatian dan temu bual bersama partisipan sekunder dan analisis dokumen berkaitan mendapati penyeliaan dalam aspek membuat keputusan yang dilaksanakan oleh pensyarah-penyelia G berbeza dengan pensyarah-penyelia C. Pensyarah-Penyelia C memberi komen atau teguran secara langsung. Sebaliknya pensyarah-penyelia G banyak menggunakan pendekatan refleksi kendiri. Beliau meminta GP21 menyatakan kekuatan dan kelemahan sendiri daripada sesi yang dijalankan khasnya dalam aspek membuat keputusan. Selepas pelatih mengemukakan refleksinya barulah dia memberikan pandangan terhadap *performance* pelatihnya. Hasil analisis dokumen mendapati pensyarah-penyelia G menggunakan senarai semak sewaktu menjalankan proses penyeliaan di lokasi praktikum. Tajuk senarai semak ialah “Senarai semak proses kaunseling” yang mengandungi beberapa perkara. Antaranya ialah fasa membuat keputusan. Hal ini selaras dengan nota lapangan yang dihasilkan penyelidik seperti berikut:

“... saya dapat cara penyeliaan yang diamalkan oleh pensyarah-penyelia G adalah lebih sistematik dan teratur. Dengan adanya senarai semak – memberi panduan yang jelas sebagai panduan semasa menjalankan penyeliaan ...” DTR04-(11/3)

Data daripada analisis temu bual menunjukkan elemen mengambil keputusan adalah penting. Mengikut pensyarah-penyelia A elemen ini merupakan tunjang kepada objektif sesi kaunseling. Beliau melihat tugas membantu guru pelatih membuat keputusan adalah tugas utama dan perlu diberi perhatian. Ini bagi membolehkan guru pelatihnya muncul sebagai seorang guru GBKSR berkesan.

Data daripada analisis dokumen menyokong kenyataan tersebut. Contohnya borang PR1/BK yang dilengkapkan oleh pensyarah-penyelia D dan catatan pada ruangan pensyarah-penyelia pada buku rekod aktiviti GP12 membuktikan berlakunya perkara ini. Semasa membuat penilaian dalam borang PR1/BK, beliau membuat catatan seperti berikut:

... fasa mengambil keputusan kurang mantap dan anda boleh memperbaikinya lagi... DR04-(28/1)

#### *Subkategori kemahiran kaunseling*

Kemahiran kaunseling merujuk kepada kebolehan kaunselor menggunakan beberapa kemahiran tertentu dalam sesi kaunseling yang dijalankan. Dalam proses kaunseling kemahiran ini adalah “strategi” untuk “menambat hati” klien supaya kaunselor dapat terus membantunya (Amla et al., 2009). Dalam subkategori kemahiran kaunseling muncul tiga elemen iaitu (1) kemahiran membuat refleksi, (2) kemahiran menyoal dan (3) kemahiran membuat rumusan. Jadual 4.4 menunjukkan kekerapan elemen dalam subkategori kemahiran kaunseling.

Jadual 4.4

Kekerapan Elemen Dalam Subkategori Kemahiran Kaunseling

Bil	Elemen Dalam Kemahiran kaunseling	Kekerapan	Peratus
1	Kemahiran membuat refleksi	4	50
2	Kemahiran menyoal	2	25
3	Kemahiran membuat rumusan	2	25
	Jumlah	8	100

Jadual 4.4 menunjukkan kemahiran membuat refleksi merupakan elemen yang paling banyak muncul iaitu sebanyak empat kali (50%) manakala kemahiran menyoal dan membuat rumusan masing-masing muncul dua kali (25%). Di bawah adalah penerangan lanjut mengenai elemen kemahiran membuat refleksi, menyoal dan membuat rumusan.

*Elemen kemahiran membuat refleksi*

Kemahiran membuat refleksi merujuk kepada kebolehan dan kecekapan seseorang kaunselor menyebut semula apa yang dinyatakan oleh klien. Elemen ini merupakan elemen paling popular kerana empat kali muncul. Ianya muncul dalam dua subelemen iaitu refleksi isi dan refleksi perasaan. Hal ini boleh dilihat dalam Jadual 4.5.

*Subelemen refleksi isi*

Jadual 4.5 menunjukkan elemen kemahiran refleksi muncul dalam dua subelemen iaitu refleksi isi dan refleksi perasaan. Subelemen ini muncul dalam jumlah kekerapan yang sama iaitu masing-masing sebanyak dua kali atau 50%. Refleksi isi merujuk kepada pernyataan semula tentang isi atau maklumat yang dibuat oleh guru kaunseling atau kaunselor. Ianya disebut secara ringkas, padat dan tepat tanpa menjelaskan maksud sebenarnya. Hasil daripada analisis data pemerhatian, temu bual dan dokumen yang dilakukan terhadap pensyarah-penyelia A dan B membuktikan wujudnya penyeliaan kemahiran refleksi isi.

**Jadual 4.5**

**Kekerapan Subelemen Dalam Elemen Kemahiran Membuat Refleksi**

Bi	Subelemen Dalam Kemahiran Refleksi	Kekerapan	Peratus
1	Refleksi isi	1	50
2	Refleksi perasaan	1	50
	Jumlah	2	100

Data daripada pemerhatian kedua pensyarah-penyelia A dan B menunjukkan berlaku penyeliaan elemen kemahiran refleksi. Dalam pemerhatian kedua yang dilakukan oleh penyelidik mendapati pensyarah-penyelia A berbincang rancak dengan GP3 tentang konsep refleksi. Perbincangan ini dilakukan selepas proses penyeliaan berjalan. Penyelidik memerhati dan mendengar GP3 mengemukakan pertanyaan kepada pensyarah-penyelia A sama ada refleksi yang dilakukan dalam sesi kaunseling sebelum itu betul atau salah.

Respon yang diberikan oleh pensyarah-penyelia A terhadap pertanyaan GP3 adalah seperti berikut:

Pensyarah-penyelia A: "... saya memang fokus kepada kemahiran refleksi tadi, hasilnya memang cikgu telah cuba membuat refleksi sebaik mungkin...tapi kurang tepat. Bila cikgu kata macam tadikan itu ... kurang tepat pada saya masih ada ruang untuk ditambahbaik. "

GP3: "... bagaimana cara betul.."

Pensyarah-Penyelia A: "...tadi saya dengar klien berkata bahawa dia sering dimarahi oleh bapanya kerana balik lewat ke rumah dan dah dua kali dia dipukul. Jadi dia serik untuk balik lewat ke rumah. Dia akan ponteng kelas tambahan sebelah petang untuk elak balik lewat..."

"untuk membuat refleksi isi cikgu boleh cuba jawab begini ... Jadi sekarang ni awak telah merancang untuk ponteng kelas petang bagi membolehkan awak balik awal supaya bapa tak marah..." Kalau *you* ada refleksi yang lebih baik lagi bagus...

"... yang cikgu kata klien tu bersedih .. tak betul, itu refleksi perasaan... klien tak kata dia sedih pun..." RA(2)-O17/2( ).

Analisis buku rekod aktiviti kepunyaan GP6 menyokong dapatan di atas. Selepas membuat semakan terhadap komen atau ulasan, penyelidik mendapati pensyarah-penyelia B mengucapkan tahniah atas kemampuan membuat refleksi isi dengan baik. Hal ini juga disokong oleh dapatan analisis dokumen jurnal guru pelatih. GP3 telah menulis komen seperti berikut :

"...kebuntuan saya dalam membezakan antara refleksi isi dengan perasaan sudah terjawab. Bimbingan yang telah diberikan pensyarah-penyelia (nama pensyarah-penyelia) tentang refleksi sungguh saya hargai..."  
DTR01-(17/2)

### *Subelemen refleksi perasaan*

Refleksi perasaan adalah pernyataan semula oleh guru bimbingan dan kaunseling atau kaunselor tentang perasaan dan sikap yang telah dinyatakan oleh klien yang biasanya secara tersirat. Tujuannya untuk memberi fokus kepada aspek perasaan dan sikap yang sedang dialami klien. Analisis data menunjukkan subelemen refleksi perasaan muncul sebanyak dua kali iaitu masing-masing pada pemerhatian kedua pensyarah-penyelia D dan F. Ianya mewakili 50% daripada keseluruhan kemahiran membuat refleksi. Hal ini dilihat daripada perbincangan antara pensyarah-penyelia D dan F dengan GP11 dan GP17. Perbincangan berlaku sebaik sahaja sesi kaunseling tamat. Dalam perbincangan tersebut GP11 mengemukakan kesnya yang gagal melaksanakan kemahiran refleksi dengan baik. GP11 telah awal-awal lagi mengakui kesukaran yang dihadapi dalam membuat refleksi perasaan dalam sesi kaunseling yang diadakan sebelum itu. Dalam sesi itu klien memberitahu GP11 bahawa dia tidak suka dengan sikap abangnya yang suka marah-marah ekoran daripada sifat dengki. Pada masa yang sama dia tidak mendapat pembelaan daripada ibu dan bapa. Lebih malang lagi apabila berlaku perbalahan di antara dia dengan abangnya, orang tuanya sering menyebelahi abangnya. Kesannya pelajaran merosot dengan teruk dan keputusan peperiksaan bulanan menjunam. Dia terfikir untuk lari dari rumah. Pensyarah-penyelia D menjawab bahawa isu yang dibawa oleh klien memang banyak dan berangkai serta agak sukar untuk membuat refleksi. Namun demikian, pensyarah-penyelia D cuba membantu GP11 membuat refleksi perasaan dengan berkata demikian:

“...okay kita reflek balik apa yang dikatakan oleh klien dan fokuskan kepada aspek perasaan dan sikap sahaja...nampak tak klien tadi berasa sedih dan marah pada abangnya, pada ibu dan bapanya, motivasi menurun dan mungkin dia ambil pendirian nak lari dari rumah ... jadi di situlah kita boleh buat refleksi perasaan...” DTR04-(22/2).

Hal ini diperkuuhkan dengan data daripada sumber dokumen. Selepas penyelidik membuat semakan jurnal GP11 didapati bahawa dia berasa satu kejayaan besar dalam membuat refleksi perasaan yang selama ini menjadi masalahnya semasa mengikuti kuliah di bilik darjah. Demikian juga data daripada sumber temu bual membuktikan wujudnya subelemen kemahiran membuat refleksi perasaan. Contohnya pengesahan yang dibuat oleh pensyarah-penyelia F yang menyatakan bahawa memang dia memberi fokus kepada aspek kemahiran membuat refleksi perasaan kerana aspek ini agak sukar dikuasai oleh GP18.

#### *Elemen kemahiran menyoal*

Kemahiran menyoal merujuk kepada kaedah atau teknik mengemukakan soalan dengan cara yang betul dan tepat mengikut suasana. Tujuannya untuk mendapatkan maklumat lebih tepat dan sahih melalui penjelasan lanjut dan terperinci daripada seseorang klien. Elemen kemahiran menyoal muncul dalam tiga penyeliaan iaitu pensyarah-penyelia D, E dan G. Bahagian ini akan membincangkan secara terperinci mengenai elemen kemahiran menyoal yang diselia sepanjang penyeliaan tersebut.

Data pemerhatian menunjukkan dengan jelas elemen kemahiran menyoal menjadi fokus dalam penyeliaan sesi kaunseling yang diadakan oleh pensyarah-penyelia D dan G. Semasa memerhati, menyelia, memantau dan menilai pelaksanaan sesi kaunseling yang dijalankan oleh GP11, penyelidik perhatikan pensyarah-penyelia D memegang sehelai kertas . Dapatan daripada analisis dokumen jelas membuktikan perkara ini. Kertas tersebut adalah senarai semak pemantauan kemahiran penggunaan soalan dalam sesi kaunseling. Senarai tersebut

dikeluarkan oleh jabatan kaunseling IPG tempat pensyarah-penyelia D bertugas. Butir-butir dalam senarai tersebut adalah seperti berikut: (1) soalan terbuka, (2) soalan tertutup, (3) kekerapan penggunaannya, dan (4) ruangan catatan untuk kegunaan pensyarah-penyelia membuat sebarang catatan mengenai perkara tersebut. Senarai semak digunakan sebagai instrumen untuk mengukur kompetensi GP11 dalam aspek kemahiran menyoal. Hal ini disahkan oleh pensyarah-penyelia dalam temu bual yang diadakan selepas pemerhatian.

Dalam pemerhatian yang dijalankan, penyelidik merakam dialog dalam sesi perbincangan antara pensyarah-penyelia D dengan GP11. Dialog tersebut adalah seperti berikut;

Pensyarah-penyelia D: "... Okay ... sekarang kita bincang sikit pelaksanaan sesi kaunseling tadi. Saya nak fokuskan perbincangan ini dalam aspek kemahiran menyoal sepanjang sesi tadi..."

GP10: "Okay... kemahiran menyoal ya encik ... tak tahulah betul atau tidak teknik menyoal yang saya gunakan."

Pensyarah-penyelia D: "Saya ada membuat analisis tentang amalan kemahiran menyoal kamu dalam sisi tadi" RD(1)O-28/1(5).

Data daripada pemerhatian kedua ke atas pensyarah-penyelia E mengesahkan dapatan di atas. Didapati bahawa pensyarah-penyelia E menggunakan senarai semak yang hampir sama seperti yang digunakan oleh pensyarah-penyelia D. Namun begitu semasa memerhati dan menyelia sesi kaunseling yang dikendalikan oleh GP15, pensyarah-penyelia E menggunakan kaedah tersendiri. Beliau berada pada bahagian belakang klien kepada GP15 sewaktu sesi kaunseling berjalan.

Dalam temu bual yang diadakan, penyelidik bertanyakan rasional dia berada pada posisi tersebut; beliau menjawab bahawa dengan kedudukan tersebut membolehkan dia

memandang dengan jelas tingkah laku GP15. Demikian juga GP15 dapat melihat pergerakan pensyarah-penyeliaanya. Tangan kanannya memegang dua helai kertas putih yang bersaiz A 4 yang disediakan lebih awal sebelum memulakan sesi penyeliaan. Pada kertas pertama tertulis perkataan SOALAN TERBUKA berwarna merah dan satu helai lagi tertulis perkataan SOALAN TERTUTUP berwarna biru. Pada peringkat awal penyelidik bertanya-tanya tentang sebab dia berada pada kedudukan tersebut dan fungsi dua helai kertas yang tertulis dengan perkataan SOALAN TERBUKA dan SOALAN TERTUTUP dan apa kaitannya dengan penggunaan warna yang berbeza bagi kedua-dua perkataan berikut. Hal ini terjawab dengan sendirinya apabila penyelidik melihat pensyarah-penyelia E mengangkat kertas-kertas tersebut pada waktu-waktu tertentu. Penyelidik membuat andaian bahawa tujuan beliau mengangkat kertas tersebut ialah untuk memberi arahan kepada pelatihnya supaya menggunakan soalan terbuka dan soalan tertutup. Dua helai kertas itu diberi kepada penyelidik sebagai bukti dokumen. Penyelidik membuat kesimpulan bahawa pensyarah-penyelia E seorang yang kreatif dalam menjalankan sesi penyeliaannya.

Hal ini digambarkan seperti dalam nota lapangan seperti berikut:

“...saya amat berpuas hati dengan pemerhatian yang dibuat pada hari ini. Ini kerana inilah kali pertama saya berjumpa dengan seorang pensyarah yang kreatif sewaktu menjalankan tugas penyeliaan. Pensyarah-penyelia E berjaya menggunakan ideanya untuk membuat teguran dan bimbingan kepada pelatih dalam soal kemahiran menyoal. Dia telah membuat teguran secara terus sewaktu sesi kaunseling berlangsung melalui perantara tanpa menggunakan bahasa lisannya. Dia bertindak sebagai pengarah sewaktu pelatihnya menjalankan sesi kaunseling tersebut. Inilah kekuatan pensyarah ini yang belum saya temui dalam empat pasangan penyeliaan sebelum ini...” DTR04-(28/1)

Pensyarah-penyelia E berkata kepada GP15 bahawa dia membuat pemerhatian yang teliti terhadap penggunaan soalan terbuka dan soalan tertutup. Dalam analisis yang dibuat berdasarkan senarai semak didapati GP15 menggunakan sekali soalan terbuka dan empat kali soalan tertutup. Pensyarah-Penyelia E menambah kata bahawa GP15 kurang menguasai kemahiran menyoal. Mengikutnya GP15 sepatutnya mengelak daripada menggunakan soalan tertutup sebaliknya lebih banyak menggunakan soalan terbuka.

Beliau memberi beberapa contoh perkataan yang boleh digunakan sebagai permulaan kepada soalan terbuka. Perkataan tersebut ialah jelaskan, bagaimana, apa pendapat kamu dan elakkan perkataan seperti apakah dan siapakah yang hanya memerlukan jawapan ya atau tidak. Fokus yang diberikan terhadap kemahiran menyoal ini adalah selaras dengan analisis dokumen yang dibuat penyelidik terhadap borang PR1/BK yang menetapkan salah satu elemen yang perlu diberi bimbingan dan seliaan adalah kemahiran menyoal.

Dapatan ini selari dengan catatan yang dibuat penyelidik dalam pemerhatian tersebut :

“...pemerhatian yang dibuat pada hari ini sangat berjaya. Ini kerana penyelia E telah menjalankan proses penyeliaan secara berkesan. Ini kerana kaedah yang digunakan lebih kemas dan sesuai serta mudah difahami oleh guru pelatihnya. Keberkesanan proses penyeliaan ini dibuktikan dengan penampilan wajah yang ceria oleh guru pelatihnya. Di samping itu guru pelatih tersebut menganggukkan kepala setiap kali dijelaskan oleh penyelianya: satu perlakuan yang membuktikan guru pelatih memahami apa yang ingin disampaikan oleh penyelianya. Hal ini berlaku mungkin disebabkan oleh penyelia E mempunyai pengalaman bertugas sebagai kaunselor dan pensyarah-penyelia kaunseling dan penyelia dalam tempoh yang lama iaitu selama 12 tahun. Tambahan pula beliau telah berjaya melahirkan 27 orang calon cemerlang dan kepujian praktikum dalam tempoh tiga tahun...” DTR04-(4/3)

Data daripada temu bual pensyarah-penyelia G menunjukkan bahawa memang dia memberi fokus kepada kemahiran menyoal. Ini kerana baginya, kemahiran menyoal sangat penting dalam satu-satu sesi kaunseling kerana kaedah menyoal yang betul menjadikan sesi kaunseling lebih jelas dan berfokus serta memberi kepuasan kepada klien. Tambahnya lagi aspek kemahiran menyoal ini diberi tumpuan setiap kali diadakan penyeliaan klinikal.

Katanya:

“...sejak saya menjadi pensyarah penyelia praktikum saya tidak pernah mengabaikan aspek ini...” RG(2)I-11/3(13 )

#### *Elemen kemahiran membuat rumusan*

Kemahiran membuat rumusan merujuk kepada kemampuan merumuskan isi-isi perbincangan yang berlaku sepanjang sesi kaunseling. Ianya bersifat pengulangan dan penjelasan semula apa yang diucapkan oleh klien. Rumusan terbahagi kepada dua bahagian iaitu rumusan kecil dan rumusan besar. Rumusan kecil merujuk kepada kesimpulan yang dibuat oleh kaunselor selepas satu-satu isu dibincangkan. Ini bermakna rumusan kecil boleh berlaku beberapa kali sepanjang sesi. Manakala rumusan besar merujuk kepada kesimpulan umum yang dibuat pada akhir sesi perbincangan iaitu sebelum penamatan sesi. Ia merupakan rumusan kepada kesimpulan-kesimpulan kecil yang dibuat sebelum itu. Rumusan besar berlaku hanya sekali sahaja dalam tempoh sepanjang sesi kaunseling berjalan.

Elemen kemahiran membuat rumusan muncul hanya dalam dua penyeliaan sahaja iaitu pada pemerhatian kedua pensyarah-penyelia C dan G. Penyelidik memerhati perbincangan

yang diadakan antara pensyarah-penyelia C dengan GP9 dan pensyarah-penyelia G dengan GP21. Dalam perbincangan tersebut pensyarah-penyelia tersebut membuat komen atau ulasan terhadap aspek kemahiran merumus yang dilakukan oleh guru pelatih masing-masing. Dalam perbincangan itu, pensyarah-penyelia menyatakan bahawa kemahiran merumus sangatlah penting dan harus dimiliki oleh seseorang GBKSR. Mendengar kata-kata itu guru pelatih mengangguk-angguk kepalanya tanda bersetuju dengan pendapat yang dinyatakan oleh penyelianya. Pensyarah-penyelia menambah komennya dengan menyatakan bahawa

“... rumusan yang awak buat tadi bagi saya bagus tetapi masih ada ruang untuk peningkatannya...” DTR04(8/4 )

Hal ini selaras dengan kata-kata pensyarah-penyelia C tentang perkara tersebut

“...memang dalam penyeliaan tadi, kalau tuan (penyelidik) perasan, tuan dapat perhatikan saya banyak memberi fokus kepada aspek kemahiran membuat rumusan. Sebagai contoh tadikan...saya ada membuat teguran apabila pelatih saya membuat rumusan yang silap. Dia masih keliru tentang perbezaan maksud rumusan kecil dan rumusan besar. Selain itu dia tidak faham juga bila masanya nak buat kedua-dua rumusan tersebut. Ini tak boleh jadi ni...” RC(3)I-10/4 (60-65)

Hal ini diperkuuhkan dengan dapatan daripada analisis dokumen kepunyaan pensyarah-penyelia G. Penyelidik mendapati pensyarah-penyelia G membuat catatan tentang kemahiran membuat rumusan yang ditunjukkan oleh GP21. Walaupun catatan yang dibuatnya agak ringaks tetapi sudah memadai untuk membuktikan fokusnya terhadap aspek ini. Catatan yang ditemui daripada buku catatan adalah seperti berikut: catatan 1: Rumusan kecil- Ok .. Catatan 2: rumusan kecil lebih baik. Catatan 3: Perlu ditegur. Catatan 4: dan

catatan 5: Ok Puas hati. Penyelidik memahami maksud semua komen ini setelah mendapat penjelasan daripada pensyarah-penyelia G dalam temu bual yang dijalankan selepas sesi penyeliaan. Selain daripada kemunculan subkategori proses dan kemahiran kaunseling, aplikasi teori juga menjadi aspek yang difokuskan dalam penyeliaan klinikal.

#### *Subkategori aplikasi teori kaunseling*

Aplikasi teori kaunseling merujuk kepada penggunaan teori kaunseling dalam satu-satu sesi kaunseling. Dalam kaunseling terdapat banyak teori yang boleh diaplikasi oleh kaunselor. Antara teori kaunseling yang popular ialah Teori Pemusatan Perorangan, *Rational Emotive Behavioral Therapy* (REBT), Adlerian dan Teori Transaksional. Dalam konteks penyeliaan praktikum GBKSR teori yang digunakan ialah REBT. Bahagian berikut menjelaskan secara terperinci dapatan terhadap penyeliaan yang dilakukan ke atas aplikasi teori dalam sesi kaunseling. Penggunaan teori kaunseling merupakan aspek yang paling kurang muncul dalam analisis yang dijalankan iaitu sekali sahaja. Ianya muncul pada pemerhatian ketiga pensyarah-penyelia B.

Data daripada sumber pemerhatian menunjukkan pensyarah-penyelia B memberi fokus kepada penggunaan teori REBT dalam penyeliaannya terhadap GP6. Selepas penyeliaan, sesi perbincangan diadakan. Perbincangan bermula dengan pensyarah-penyelia B meminta GP6 membuat refleksi tentang penggunaan teori dalam sesi kaunseling yang dijalankan. GP6 diminta menyatakan pandangannya tentang tahap kemampuannya mengaplikasi teori REBT dalam sesi kaunseling sebelum itu.

Bagi menjawab soalan tersebut, GP6 menyatakan bahawa dia berasa yakin semasa mengaplikasi teori itu. Apabila diminta penjelasan dengan lebih lanjut tentang penggunaan teori tadi, GP6 memberi penjelasan bahawa dia sudah bersedia dengan kerangka konsep teori REBT untuk digunakan kerana kes yang dibawa oleh klienya itu adalah kes yang sesuai dengan teori tersebut. Tambahan pula pertemuan itu merupakan pertemuan kedua selepas pertemuan pertama diadakan seminggu sebelum itu.

Dalam perbincangan tersebut, GP6 diminta melukis struktur teori REBT mengikut kefahamannya dan memadankan struktur pada teori REBT dengan isu yang dibincangkan dalam sesi kaunseling. Mendengar arahan itu GP6 terus melukis struktur teori REBT yang mengandungi elemen A (peristiwa berlaku), B (sistem kepercayaan), C (kesan yang menimpa klien akibat daripada sistem kepercayaan) D, (cabaran oleh kaunselor) dan E (kemunculan emosi baru). Selepas melukis struktur tersebut, GP6 dengan yakinknya menghuraikan lebih lanjut. Dalam huraian tersebut GP6 memadankan antara isu-isu yang timbul dalam sesi dengan kliennya dengan struktur A,B,C,D dan E dan memberi penjelasan lebih lanjut mengenai A,B, C, D dan E. Kelihatan pada masa itu pensyarah-penyelia B mengangguk-anggukkan kepala tanda setuju dan memahami penjelasan yang diberikan oleh GP6 satu persatu.

Hal ini diperkuahkan dengan analisis temu bual. Hasil analisis data temu bual bersama pensyarah-penyelia B mengesahkan yang GP6 berjaya mengaplikasi teori REBT dengan baik. Strukturnya betul dan padanan kes yang dilakukannya tepat. Pensyarah-penyelia B memberi pujian kepada GP6. Dapatkan ini disokong oleh data yang diperoleh melalui analisis dokumen. Penyelidik membuat semakan terhadap tiga dokumen yang berkaitan.

Pertama buku rekod aktiviti GP6, kedua, PR1/BK dan ketiga catatan jurnal yang dibuat GP6.

Data daripada dokumen catatan pensyarah pada buku rekod aktiviti GP6 menunjukkan pensyarah-penyelia B memberi ulasan atau komen yang positif terhadap kemampuan GP6 menggunakan teori REBT dalam sesi kaunseling. Pada borang PR1/BK pula pensyarah-penyelia B memberi penilaian tahap lima.

Data daripada sumber analisis jurnal guru pelatih menyokong dapatan ini. GP6 menulis seperti berikut:

...pada saya proses kaunseling yang saya jalankan hari ini berjalan dengan lancar. Saya dapati saya boleh menggunakan teori REBT dengan baik. Ini kerana saya memang suka dengan teori REBT. Semangat saya pada hari ini juga tinggi ... tak tahu kenapa ... tetapi mungkin juga kerana kedatangan pensyarah penyelia dan pensyarah luar yang membuat kajian tentang kaunseling.... DTR01-(1/3)

### *Penyeliaan Pentadbiran*

Gysbers dan Henderson (1998) menjelaskan bahawa penyeliaan pentadbiran berasaskan sesuatu yang boleh menjadi panduan melaksanakan kerja profesional kaunselor. Pelaksanaan kerja-kerja profesional kaunselor ini dibantu oleh penyediaan jadual kerja, sistem penyimpanan rekod dan dokumentasi dan sistem sokongan yang diwujudkan oleh pihak pentadbiran. Mengikut mereka lagi, matlamat penyeliaan pentadbiran adalah untuk mewujudkan kecekapan dalam melaksanakan tugas-tugas kaunseling di organisasi. Kaunselor sekolah seharusnya mampu melaksanakan tugas dengan baik dan berkesan

dalam hal yang berkaitan dengan pelajar, situasi, intervensi dan sesuatu yang berkait dengan dasar dan piawai. Melalui latihan dan pengalaman yang berterusan, pembentukan keputusan profesional berkualiti dalam kalangan kaunselor dapat ditingkatkan.

Penyeliaan pentadbiran adalah kategori yang penting. Kepentingan kategori ini berdasarkan kekerapan kemunculannya yang lebih tinggi berbanding dengan kategori penyeliaan lain. Analisis data menunjukkan kategori penyeliaan pentadbiran muncul sebanyak 26 kali atau 40% daripada keseluruhan kategori penyeliaan. Dalam kategori penyeliaan pentadbiran terdapat empat subkategori iaitu: (1) penyeliaan buku rekod aktiviti dan jurnal, (2), sistem fail, (3) pengurusan dan keceriaan bilik bimbingan dan kaunseling, dan (4) promosi perkhidmatan bimbingan dan kaunseling. Hal ini dapat dilihat pada Jadual 4.6.

Jadual 4.6

#### Kekerapan Subkategori Penyeliaan Di Dalam Kategori Penyeliaan Pentadbiran

Bil	Elemen Dalam penyeliaan pentadbiran	Kekerapan	Peratus
1	Semakan buku rekod aktiviti dan jurnal	9	34.7
2	Semakan sistem fail	8	30.7
3	Pengurusan dan keceriaan bilik B&K	7	27.0
4	Promosi perkhidmatan B&K	2	7.6
Jumlah		26	100

Jadual 4.6 menunjukkan empat subkategori yang muncul hasil analisis data iaitu (1) penyeliaan buku rekod aktiviti dan jurnal, (2) sistem fail, (3) pengurusan dan kecerian bilik bimbingan dan kaunseling, dan (4) promosi perkhidmatan bimbingan dan kaunseling. Dapatan daripada semua analisis data menunjukkan keempat-empat subkategori tersebut

muncul dalam setiap kaedah kutipan data iaitu melalui pemerhatian, temu bual dan analisis dokumen.

Ini menggambarkan bahawa elemen-elemen tersebut merupakan sesuatu yang penting dan perlu diberi keutamaan. Bahagian berikutnya akan menghuraikan secara terperinci mengenai dapatan kategori penyeliaan pentadbiran.

#### *Subkategori semakan buku rekod aktiviti dan jurnal*

Subkategori semakan buku rekod aktiviti dan jurnal merupakan subkategori penyeliaan yang paling popular berbanding dengan subkategori penyeliaan lain dalam kategori penyeliaan pentadbiran. Ini berdasarkan kemunculannya sebanyak sembilan kali atau 34.7% daripada keseluruhan kategori penyeliaan pentadbiran. Subkategori ini muncul pada pemerhatian dua bagi pensyarah-penyelia G dan pemerhatian ketiga bagi pensyarah-penyelia A,B,C,D. Bagi pensyarah-penyelia E dan F pula ianya muncul sebanyak dua kali iaitu pada pemerhatian tiga. Data daripada sumber pemerhatian mendapati kesemua tujuh pensyarah-penyelia membuat semakan secara terancang dan teliti terhadap dua aspek dalam buku rekod aktiviti dan jurnal iaitu format penulisan dan kandungannya.

Hal ini disokong oleh data daripada sumber analisis dokumen. Penyelidik telah membuat semakan pada buku rekod aktiviti dan jurnal dan mendapati ketujuh-tujuh pensyarah-penyelia menurunkan catatan atau ulasan masing-masing. Pensyarah-penyelia B, C dan E memberi ulasan yang hampir sama apabila mereka memuji dan mengucapkan syabas dan tahniah kerana guru pelatih mereka berjaya menguruskan buku rekod aktiviti dan jurnal

dengan baik. Hal ini jelas terpapar pada ruangan catatan pensyarah-penyelia pada buku rekod aktiviti guru pelatih masing-masing. Contohnya pensyarah-penyelia E menulis seperti berikut:

“...tahniah, laporan baik dan sesuai...” DR07-(4/3)

Analisis dokumen juga menyokong dapatan ini. Semakan yang dibuat terhadap borang PR1B/K yang diisi pensyarah-penyelia B, C dan E menunjukkan mereka memberi komen positif dan mengkategorikan hasil kerja guru pelatih dalam pencapaian tahap empat. Walau bagaimanapun pemerhatian penyelidik mendapati ulasan yang berbeza diberikan pensyarah-pensyarah-penyelia A, D, F dan G. Analisis dokumen iaitu catatan pensyarah-penyelia mendapati mereka rata-rata kurang berpuas hati dengan hasil kerja guru pelatihnya yang tidak menggunakan format yang betul dan tidak menyiapkan laporan untuk dua hari sebelumnya.

Ini selaras dengan komen penyelidik pada nota lapangan seperti berikut:

...saya hairan bagaimana perkara ini boleh berlaku adakah mereka (guru pelatih) tidak diberi penjelasan yang betul tentang cara-cara menulis laporan ikut format yang betul ataupun mungkin kerana masalah sikap yang kurang peka terhadap perkara ini. Terfikir juga di hati saya adakah mereka tidak bersedia dengan kedatangan pensyarah-penyelia pada hari tersebut atau mungkin kerana mereka pelatih lelaki yang ada kecenderungan melakukan kerja pada saat akhir... DTR04-(8/4)

#### *Subkategori penyeliaan sistem fail*

Sistem fail adalah bank maklumat bagi guru bimbingan dan kaunseling membuat rujukan, mendapatkan pelbagai maklumat terutama ketika personel diminta bagi menyediakan

laporan yang ditetapkan (Malek, 2007). Hasil analisis data menunjukkan subkategori sistem fail muncul sebanyak lapan kali. Jumlah ini mewakili 30.7% daripada keseluruhan subkategori dalam kategori penyeliaan pentadbiran.

Data daripada sumber pemerhatian menunjukkan semua pensyarah-penyelia memberi fokus terhadap subkategori pengurusan fail. Hal ini diperhatikan pada pemerhatian pertama dan kedua bagi pensyarah-penyelia A dan pemerhatian ketiga pada pensyarah-penyelia C, D, F dan G. Manakala pada pensyarah-penyelia E subkategori ini muncul sebanyak dua kali iaitu pada pemerhatian kedua dan ketiga. Hal ini terbukti apabila pensyarah-penyelia berkenaan meminta guru pelatih menunjukkan sistem fail di bilik bimbingan dan kaunseling. Fokus mereka terhadap tiga perkara iaitu (1) nama fail, (2) nombor rujukan, dan (3) kandungannya.

Hal ini dibuktikan melalui pemerhatian yang dibuat terhadap pensyarah-penyelia A, B dan C. Ketiga-tiga pensyarah-penyelia ini meminta guru pelatih masing-masing mengumpul semua fail yang disimpan di dalam bilik bimbingan dan kaunseling, kemudian memeriksanya satu persatu. Aspek yang disemak ialah nama fail, nombor rujukan dan kandungannya. Selepas membuat semakan didapati pensyarah-penyelia memberi komen sama ada secara lisan atau bertulis. Seterusnya sesi perbincangan diadakan.

Bagi sistem fail adalah lengkap, pujian diterima daripada pensyarah-penyelia manakala sistem fail yang kurang lengkap menerima teguran. Hal ini dilihat melalui analisis dokumen iaitu catatan yang dibuat pensyarah-penyelia di dalam buku rekod aktiviti kepunyaan guru pelatih masing-masing. Data daripada dokumen lain membuktikan berlakunya penyemakan

sistem fail. Hal ini jelas kelihatan pada borang PR1/BK di mana pensyarah-penyelia A, C dan E memberi komen positif terhadap guru pelatih mereka dan menilai pencapaian pada tahap lima.

Manakala pensyarah-penyelia B, D, F dan G memberi penilaian tahap empat. Data daripada temu bual mengesahkan perkara ini. Penyelidik bertanyakan soalan yang hampir sama kepada pensyarah-penyelia A, C dan E iaitu mengenai justifikasi memberi penilaian tahap lima; mereka memberi jawapan bahawa guru pelatih mereka memang layak dan wajar menerima penilaian tahap lima. Ini disebabkan mereka memenuhi semua kriteria apabila sistem fail yang dihasilkan mengandungi maklumat lengkap seperti sistem nombor yang betul dan kandungan yang lengkap dan tersusun rapi mengikut urutan nombornya secara menaik daripada kiri ke kanan.

Data pemerhatian membuktikan perkara ini apabila guru pelatih mereka didapati menyusun dengan kemas dan ditempatkan dalam suatu rak yang berada di penjuru kanan bilik kaunseling. Bukti kekemasan ini diperkuuhkan lagi hasil semakan fail yang dibuat penyelidik selepas temu bual bersama pensyarah-penyelia. Data daripada analisis dokumen iaitu catatan yang dibuat penyelidik mendapati guru pelatih mewujudkan empat jenis fail utama. Fail-fail tersebut diberi nama seperti berikut; (1) Fail Pengurusan Am, (2) Fail Bidang, (3) Fail Perkhidmatan Bimbingan dan Kaunseling, dan (4) Fail Dokumentasi. Semua fail tersebut kelihatan tersusun rapi di rak yang telah dikhaskan di bahagian kiri bilik bimbingan dan kaunseling sekolah tersebut.

### *Subkategori penyeliaan pengurusan dan keceriaan bilik bimbingan dan kaunseling*

Pengurusan dan keceriaan bilik merujuk kepada sistem pengurusan dan pentadbiran bilik bimbingan dan kaunseling yang diuruskan oleh guru pelatih agar berada dalam keadaan kemas dan sistematik. Ia melibatkan kawasan luar dan dalam bilik kaunseling. Subkategori pengurusan dan keceriaan bilik bimbingan dan kaunseling muncul sebanyak tujuh kali atau mewakili 27% daripada keseluruhan kategori penyeliaan pentadbiran. Data daripada sumber pemerhatian mendapati subkategori pengurusan dan keceriaan bilik muncul pada pemerhatian ketiga pada tujuh pensyarah-penyelia.

Data pemerhatian pensyarah-penyelia A, C, D dan F mendapati mereka menggunakan instrumen senarai semak kelengkapan bilik kaunseling. Data daripada analisis dokumen menyokong perkara ini apabila penyelidik mendapati memang terdapat senarai cadangan keperluan bilik bimbingan dan kaunseling dalam sukatan KPLI opsyen bimbingan dan kaunseling sekolah rendah. Data pemerhatian mendapati lima buah sekolah mempunyai kelengkapan asas yang mencukupi. Sekolah ini dibekalkan dengan kelengkapan asas seperti sebuah bilik khas yang dilengkapi dengan kipas, langsir, tikar getah atau karpet, almari besi, rak buku, sofa, ruang menunggu, bilik kaunseling individu dan bilik kaunseling kelompok. Selain itu terdapat papan notis bercermin di bahagian luar bilik tersebut. Manakala dua sekolah yang mempunyai kemudahan paling asas iaitu sebuah bilik berukuran 20 kaki lebar dan 20 kaki panjang. Bilik ini dibahagi dua bahagian iaitu bilik kaunseling individu dan satu bilik kaunseling kelompok. Di samping itu terdapat tikar getah, rak buku, almari kabinet dan satu set televisyen.

Ini berbeza dengan data yang diperoleh daripada sumber pemerhatian terhadap pensyarah-penyelia B, E dan G. Mereka sebaliknya menggunakan senarai semak yang telah diubah suai dengan memasukkan dua perkara tambahan dan logo IPG. Analisis data temu bual mengesahkan perkara ini. Menurut mereka, sebenarnya senarai semak itupun berasal daripada senarai yang dikeluarkan BPG tetapi diubah suai oleh unit bimbingan dan kaunseling agar lebih mantap dengan memasukkan beberapa perkara sebagai tambahan kepada maklumat sedia ada. Hal ini diperkuuhkan lagi oleh data daripada analisis dokumen. Penyelidik mendapati senarai semak kelengkapan bilik kaunseling yang disediakan oleh pihak IPG hampir sama dengan senarai semak yang dikeluarkan oleh BPG.

Data daripada pelbagai sumber mendapati pengurusan dan keceriaan di luar bilik kaunseling turut mendapat perhatian daripada pensyarah-penyelia. Analisis data pemerhatian menunjukkan semua pensyarah-penyelia memberi fokus terhadap aspek ini. Ini disokong oleh hasil analisis dokumen mendapati aspek yang diberi perhatian ialah carta organisasi, paparan maklumat-maklumat kerjaya dan akademik. Hal ini disokong oleh data yang diperoleh melalui temu bual. Semua pensyarah-penyelia telah mengesahkan bahawa menjadi tugas setiap pensyarah-penyelia membuat penyeliaan terhadap aspek pengurusan dan keceriaan bilik sama ada di bahagian dalam atau luar.

Sebagai contohnya berikut adalah respon daripada pensyarah-penyelia D:

”...saya lihat menyeluruh, dalam dan luar bilik kaunseling seperti carta organisasi, bagaimana fail-fail diwujudkan dan disusun, kita dah ajar semua ni dan masa praktikum kita nak tengoklah, berlaku ke tidak...”  
R(D)-I-1/4-(16-17)

Pernyataan ini disokong oleh data pemerhatian. Kelihatan bilik bimbingan dan kaunseling di tujuh buah sekolah yang menjadi lokasi praktikum dihias dengan baik. Ada tampilan bahan-bahan penting yang boleh menjadi rujukan kepada murid-murid di sekolah masing-masing.

*Subkategori promosi perkhidmatan bimbingan dan kaunseling*

Aspek lain yang menjadi fokus penyeliaan dalam kategori penyeliaan pentadbiran ialah promosi perkhidmatan bimbingan dan kaunseling. Promosi perkhidmatan bimbingan dan kaunseling merujuk kepada usaha-usaha yang diambil oleh GBKSR untuk memperkenalkan perkhidmatan bimbingan dan kaunseling kepada seluruh warga sekolah. Promosi ini boleh wujud dalam pelbagai bentuk sama ada bertulis ataupun lisan.

Analisis data menunjukkan subkategori ini muncul sebanyak dua kali atau mewakili 7.6% daripada keseluruhan subkategori di bawah penyeliaan pentadbiran. Subkategori ini muncul pada pemerhatian kedua pensyarah-penyelia E dan pemerhatian ketiga pensyarah-penyelia F. Data daripada sumber temu bual menunjukkan bahawa terdapat tiga elemen promosi yang dilaksanakan oleh guru pelatih iaitu hebahan melalui pamphlet atau brosur, hebahan dalam mesyuarat guru dan PIBG dan melalui poster-poster yang ditampal di dalam bilik darjah. Hal ini disahkan melalui semakan dokumen yang dibuat penyelidik. Penyelidik meminta pensyarah-penyelia memberikan satu salinan dokumen yang dibuat oleh guru pelatih masing-masing sebagai bahan bukti.

### *Penyeliaan Program*

Mengurus dan menganjur program merujuk kepada usaha-usaha yang diambil oleh guru pelatih dalam menjayakan pelaksanaan sesuatu aktiviti. Hasil analisis data mendapati kategori ini muncul sebanyak lima kali dan terdiri daripada dua subkategori iaitu (1) menganjur program keibubapaan dan (2) pameran pendidikan kerjaya. Jadual 4.7 menunjukkan kekerapan kemunculan subkategori di bawah kategori penyeliaan program.

Jadual 4.7

#### Kekerapan Subkategori Di Bawah Kategori Penyeliaan Program

Bil	Subkategori Penyeliaan Program	Kekerapan	Peratus
1	Menganjur program keibubapaan	2	40
2	Pameran pendidikan kerjaya	3	60
Jumlah		5	100

Jadual 4.7 menunjukkan kekerapan subkategori di bawah kategori penyeliaan program. Analisis data menunjukkan subkategori program keibubapaan muncul sebanyak dua kali atau mewakili 40.0%. Analisis data pemerhatian menunjukkan pensyarah-penyelia B, menyelia program keibubapaan dan pensyarah-penyelia G menyelia aktiviti pameran pendidikan kerjaya. Bahagian berikutnya menghuraikan secara terperinci setiap subkategori tersebut.

### *Subkategori program keibubapaan*

Analisis data mendapati subkategori ini muncul sebanyak dua kali iaitu pemerhatian dua pensyarah-penyelia A dan pemerhatian tiga pensyarah-penyelia C. Data daripada sumber permerhatian mendapati pensyarah-penyelia hadir bersama dalam majlis ceramah keibubapaan. Tajuk ceramah ialah “Tips Menjadi Ibu Bapa Cemerlang”. Penyelidik perhatikan majlis tersebut dihadiri oleh ibu bapa seramai 300 orang. Pensyarah-penyelia C memulakan sesi penyeliaannya dengan memerhati beberapa aspek atau perkara yang dilakukan oleh pelatihnya.

Ceramah bermula dengan ucapan aluan pengerusi majlis. Pensyarah-penyelia C kelihatan membuat persediaan untuk memerhati GP7 berceramah selepas itu. Penyelidik memerhatikan pada tangan pensyarah-penyelia terdapat sehelai kertas yang bertajuk senarai semak kemahiran ceramah. Analisis dokumen tersebut mengesahkan perkara ini. Senarai semak tersebut mengandungi 10 perkara yang dinilai oleh pensyarah-penyelia. Perkara-perkara tersebut ialah (1) nada suara, (2) *eye contact*, (3) penampilan diri, (4) kandungan, (5) laras bahasa, (6) ketepatan masa, (7) penglibatan audian, (8) unsur jenaka, (9) kedudukan badan, dan (10) penggunaan bahan bantu.

Selepas lebih kurang lima minit pengerusi majlis memberi kata-kata aluannya, beliau menjemput penceramah untuk menyampaikan ucapannya. Kelihatan pada waktu itu pensyarah-penyelia C memberi perhatian dan memandang ke arah penceramah sambil ditangannya memegang senarai yang disebut tadi. Semasa ceramah berjalan banyak masa diperuntukkan penyelidik untuk melihat, memerhati gerak geri dan apa sahaja tindakan

yang dibuat oleh pensyarah-penyelia C sama ada lisan ataupun bukan lisan. Penyelidik melihat pensyarah-penyelia C membuat catatan menggunakan pen berwarna merah pada sehelai kertas. Dalam masa sama ada ketikanya pensyarah-penyelia tersenyum, tergelak, bertepuk tangan dan menggeleng kepalanya. Penyelidik perhatikan tindakan pensyarah-penyelia ini ada kaitannya dengan aksi yang ditunjukkan oleh pelatihnya yang sedang berceramah. Begitulah aksi pensyarah-penyelia sehingga ceramah tamat.

Seterusnya penyelidik membuat pemerhatian terhadap perbincangan yang diadakan dalam bilik kaunseling antara pensyarah-penyelia C dengan GP7, GP8 dan GP9. Fokus perbincangan ialah kandungan senarai semak kemahiran berceramah. Analisis dokumen iaitu senarai semak kemahiran berceramah mengesahkan perkara ini. Didapati tiga kemahiran yang diberi teguran iaitu (1) nada suara, (2) laras bahasa, dan (3) unsur jenaka.

Hal ini dapat diperhatikan berdasarkan petikan dialog tersebut:

Pensyarah-Penyelia C: “... Okay ... tahniah cikgu. Umumnya cikgu dapat menyampaikan ceramah dengan agak baik. Namun beberapa perkara perlu diberi perhatian. Pertama nada suara. Saya perasan tadi cikgu, pertama nada suara harus ada intonasinya . . . tinggi dan rendah ikut kesesuaian. Laras bahasa harus sesuai. Kan ini sekolah kawasan bandar. Ibu bapa educated. Jadi laras bahasa harus selaras dengan tahap akademik mereka. Begitu juga dengan unsur jenaka . . . harus ada untuk elak jemu dalam kalangan audien ...” RC(3)0-10/4(4 ).

#### *Subkategori program pameran pendidikan kerjaya*

Pendidikan kerjaya merujuk kepada usaha-usaha yang diambil oleh seseorang kaunselor untuk menyampaikan maklumat berkenaan dengan kerjaya kepada para pelajar. Tiga tujuan

program pemeran pendidikan kerjaya diadakan iaitu: (1) mengenali dunia pekerjaan seperti bidang tugas dan syarat kemasukan, (2) untuk memberi motivasi belajar kepada murid-murid seterusnya menanam minat yang tinggi dalam pelajaran, dan (3) merapatkan hubungan antara pihak sekolah dengan AADK.

Analisis data menunjukkan subkategori pameran pendidikan kerjaya muncul sebanyak tiga kali iaitu pada pemerhatiaan ketiga pensyarah-penyelia B, G dan F. Data pemerhatian mendapati pensyarah-penyelia G berbincang dengan GP19, GP20 dan GP21 tentang pelaksanaan aktiviti tersebut. Fokus perbincangan tertumpu pada bagaimana pameran pendidikan kerjaya dapat mencapai tiga objektif yang digariskan. Tujuan pertama dapat dicapai melalui pendedahan pada kaunter pekerjaan dan setiap jenis pekerjaan tersebut telah sedia ada dalam pengetahuan murid. Pekerjaan tersebut ialah sebagai polis, jururawat, tentera, bomba, doktor dan guru. Murid-murid diberi tugas khusus oleh guru untuk mendapat maklumat tentang enam dunia pekerjaan tersebut melalui temu bual dengan penjaga kaunter.

Selain itu, rujukan pada gambar-gambar yang dipamerkan serta bahan-bahan edaran yang disediakan membantu pelajar mengenali dunia pekerjaan. Dengan mengetahui banyak maklumat tentang dunia pekerjaan, murid-murid akan bersemangat untuk belajar bagi mencapai cita-cita yang diidamkan. Apabila hal ini terjadi maka tujuan untuk membangkitkan semangat belajar dalam kalangan murid dapat dicapai.

Seterusnya untuk mencapai objektif ke tiga agak mudah. Mengikut pelatih tersebut, apabila berlangsungnya majlis seperti ini sudah tentu agensi berkenaan dan pihak sekolah

berhubung antara satu sama lain dan melalui perhubungan ini akan mengeratkan lagi perhubungan antara pihak sekolah dengan agensi berkenaan. Untuk mengesahkan dapatan daripada pemerhatian, penyelidik membuat analisis dokumen dan data daripada dokumen memperkuuhkan lagi hal ini. Contohnya pensyarah-penyelia membuat rumusan berikut dalam buku rekod aktiviti guru pelatih:

“...satu usaha yang amat baik sepanjang pengalaman saya penyelia latihan praktikum GBKSR. Ini menggambarkan komitmen tinggi pada pihak cikgu . . . tahniah ” DR07-(11/3)

Data daripada temu bual menyokong perkara ini apabila pensyarah-penyelia B menyatakan bahawa beliau amat berpuashati dengan penyeliaan yang diadakan apabila ditanya penyelidik tentang tahap pencapaian GP4 yang diselia dalam aspek pendidikan kerjaya. Analisis borang PR1/BK mengesahkan dapatan ini.

#### *Penyeliaan Kemahiran Bimbingan Dalam Kelas*

Kemahiran bimbingan dalam kelas merujuk kepada aktiviti yang diatur bertujuan untuk memberi panduan dan tunjuk ajar kepada murid-murid. Ianya dijalankan di kelas harian biasa. Tujuannya untuk meningkatkan pengetahuan dan kemahiran dalam kalangan murid-murid. Kategori penyeliaan kemahiran bimbingan di dalam kelas muncul sebanyak lima kali atau mewakili 7.6% daripada keseluruhan kategori jenis penyeliaan. Bimbingan dijalankan oleh guru pelatih kepada murid-murid dalam suatu masa tertentu, khususnya waktu kelas ganti. Kategori penyeliaan kemahiran bimbingan di dalam kelas muncul dalam satu subkategori iaitu kemahiran generik. Jadual 4.8 menunjukkan kekerapan elemen di bawah subkategori kemahiran generik. Subkategori kemahiran generik mengandungi dua

elemen iaitu kemahiran menghadapi peperiksaan muncul sebanyak tiga kali (60%) dan kemahiran mencatat nota sebanyak dua kali (40%).

Jadual 4.8

Kekerapan Elemen Di bawah Subkategori Kemahiran Generik

Bil	Elemen	Kekerapan	Peratus
1	Kemahiran menghadapi peperiksaan	3	60.0
2	Kemahiran mencatat nota	2	40.0
Jumlah		5	100

Bahagian berikut menerangkan secara terperinci tentang elemen kemahiran mencatat nota dan kemahiran menghadapi peperiksaan.

*Kemahiran menghadapi peperiksaan*

Kemahiran menghadapi peperiksaan merujuk kepada penguasaan pengetahuan tentang teknik menghadapi peperiksaan yang betul. Hasil analisis data menunjukkan elemen kemahiran menghadapi peperiksaan muncul sebanyak tiga kali iaitu pada pemerhatian kedua pensyarah-penyelia D, F dan G. Data daripada pemerhatian menunjukkan pensyarah-penyelia berada bersama di dalam dewan tempat berlangsungnya ceramah tersebut. Pensyarah-penyelia berada di belakang untuk membuat penyeliaan dan penilaian. Pada tangannya terdapat senarai semak sebagai panduan membuat pemerhatian dan penilaian. Selain itu pensyarah-penyelia D diberi salinan nota dalam bentuk *PowerPoint* yang bertajuk “Kemahiran Menghadapi Peperiksaan UPSR.” Manakala bagi pensyarah-penyelia

F pula tajuk bahan edaran adalah “Tipss Menghadapi peperiksaan UPSR bagi Tahun 5 dan 6”. Bagi GP19, GP20 dan GP21 di bawah pensyarah-penyelia G pula menamakan program mereka sebagai “Mengejar A- Kenapa dan Bagaimana”.

Penyelidik membuat analisis terhadap dokumen-dokumen berkenaan dan hasilnya mengesahkan berlaku aktiviti tersebut. Hal ini diperkuuhkan dengan dapatan hasil temubual antara penyelidik dengan pensyarah-penyelia G. Dalam temu bual yang diadakan beliau menegaskan bahawa setiap GBKSR harus mengadakan program menghadapi peperiksaan kepada calon UPSR di sekolah masing-masing.

#### *Elemen kemahiran mencatat nota*

Kemahiran mencatat nota merujuk kepada kemampuan seseorang pelajar membuat catatan bahan-bahan pembelajaran. Elemen penyeliaan kemahiran mencatat nota hanya muncul sekali iaitu pada pensyarah-penyelia F. Data daripada sumber pemerhatian menunjukkan penyeliaan aktiviti kemahiran belajar dilaksanakan sewaktu perbengkelan. Bengkel kemahiran mencatat nota memang berlaku. Ini dibuktikan menerusi pemerhatian yang dilakukan sewaktu pensyarah-penyelia F memerhati GP16, GP17 dan GP18 mengendalikan bengkel kemahiran mencatat nota kepada sekumpulan pelajar tahun enam. Bengkel itu diadakan di sebuah kelas yang mengandungi 20 orang murid iaitu 10 lelaki dan 10 perempuan. Untuk melaksanakan proses penyeliaan bengkel mencatat nota, pensyarah-penyelia F berada di kelas tersebut dari awal hingga akhir.

Semasa berada dalam bengkel tersebut penyelidik perhatikan pensyarah-penyelia F memberi fokus kepada dua perkara, pertama, kaedah agihan kumpulan dan kedua pengisian aktiviti. Selepas bengkel berakhir, perbincangan antara pensyarah-penyelia F dengan GP16, GP17 dan GP18 diadakan. Dalam perbincangan tersebut pensyarah-penyelia F memberi komen terhadap dua perkara iaitu kaedah agihan kumpulan dan pengisian aktiviti. Pensyarah-penyelia F memberi pandangan agar ahli kumpulan terdiri daripada pelajar yang mempunyai pelbagai tahap pencapaian iaitu tinggi, sederhana dan rendah. Alasan yang diberikan ialah untuk memastikan berlaku pertukaran idea dan pandangan dalam kalangan pelajar yang berbeza tahap kecerdasannya.

Selain itu, kumpulan yang terdiri daripada pelbagai pencapaian memberi peluang kepada pelajar yang sederhana dan rendah mempelajari sesuatu daripada pelajar yang berpencapaian tinggi. Katanya lagi sekaligus dapat mengeratkan perhubungan sesama pelajar. Demikian juga aspek kandungan bengkel. Data daripada sumber pemerhatian menunjukkan pensyarah-penyelia F memberi teguran secara lisan pada GP16, GP17 dan GP18. Ini dapat dibuktikan dengan kata-kata pensyarah-penyelia terhadap guru pelatih seperti berikut:

“...saya tengok tadi cikgu mampu menjalankan bengkel kemahiran mencatat nota dengan baik. Kawalan kelas okay, fokus pelajar baik, pelajar nampaknya seronok terutamanya sewaktu membuat pembentangan hasil perbengkelan pada akhir sesi...” RF(2)O-11/3(5 ).

Hal ini selaras dengan analisis data daripada sumber dokumen. Contohnya borang penilaian PR1/BK dan catatan pensyarah-penyelia pada buku rekod aktiviti GP17 seperti berikut mengukuhkan lagi dapatan ini.

...satu perkembangan baik dalam mengendalikan aktiviti (bengkel) seperti ini. Berlaku peningkatan ketara berbanding dengan penyeliaan pertama dulu... Tahniah.” DR07- (11/3).

Hal ini juga selaras dengan catatan jurnal yang ditulis oleh GP18 seperti di bawah:

. . . syukur alhamdullilah hari ini merupakan hari bahagia bagi saya. Ini kerana saya dapat menjalankan aktiviti bengkel mencatat nota dengan baik. Saya menjadi semakin bertambah semangat untuk melaksanakan aktiviti seumpama ini apabila mendapat sokongan kuat daripada pensyarah-penyelia praktikum saya. DTR01-(20/3).

#### *Kategori-Kategori Kaedah Penyeliaan*

Kaedah penyeliaan merujuk kepada cara yang digunakan oleh pensyarah-penyelia untuk membuat penyeliaan praktikum GBKSR. Hasil analisis data muncul empat kategori kaedah penyeliaan praktikum GBKSR. Pertama, penyeliaan secara langsung, kedua, kaedah penyeliaan bertulis, ketiga kaedah penyeliaan rakaman dan keempat kaedah penyeliaan gabungan antara secara langsung dengan rakaman. Jadual 4.9 menunjukkan kategori kaedah penyeliaan praktikum GBKSR .

Jadual 4.9

#### Kekerapan Kategori Kaedah Penyeliaan

Bil	Kategori Kaedah Penyeliaan	Kekerapan	Peratus
1	Secara langsung	33	50.3
2	Kaedah bertulis	30	46.7
3	Kaedah rakaman	1	1.60
4	Kaedah secara langsung dan rakaman	1	1.60
	Jumlah	65	100

Jadual 4.9 menunjukkan kekerapan kemunculan kategori kaedah penyeliaan. Kaedah penyeliaan secara langsung muncul sebanyak 33 kali (50.3%), kaedah bertulis 30 kali (46.7%), kaedah rakaman satu kali (1.6%) dan kaedah gabungan secara langsung dan rakaman satu kali (1.6%). Jumlah keseluruhan ialah 65 penyeliaan. Bahagian berikut membincangkan dapatan-dapatan dalam setiap kategori tersebut secara terperinci.

#### *Kaedah Penyeliaan Secara Langsung*

Kaedah ini merujuk kepada penyeliaan yang dibuat secara terus. Ia berbentuk penyeliaan *face to face*. Pensyarah-penyelia memberi perhatian terhadap apa yang sedang berlaku. Analisis data menunjukkan kaedah ini digunakan sewaktu pensyarah-penyelia menjalankan tugas penyeliaan klinikal, program dan kemahiran bimbingan di dalam kelas. Jadual 4.10 menunjukkan kekerapan kemunculan kategori penyeliaan secara langsung.

Jadual 4.10

#### Kekerapan Kategori Kaedah Penyeliaan Secara Langsung Dalam Aspek Penyeliaan Klinikal

Bil	Aspek Penyeliaan Klinikal	Kekerapan	Peratus
1	Proses kaunseling	15	68.2
2	Kemahiran kaunseling	6	27.2
3	Aplikasi teori	1	4.6
Jumlah		22	100

Jadual 4.10 menunjukkan kategori kaedah penyeliaan secara langsung muncul sebanyak 22 kali dalam penyeliaan klinikal iaitu dalam penyeliaan proses kaunseling sebanyak 15 kali

(68.2%), kemahiran kaunseling enam kali (27.2%) dan aplikasi teori kaunseling satu kali (4.6%). Bahagian berikut memperincikan dapatan-dapatan tersebut.

*Kaedah penyeliaan secara langsung dalam proses kaunseling*

Kategori ini muncul dalam empat elemen proses kaunseling iaitu membina hubungan sebanyak empat kali, meneroka masalah tiga kali, mengenal pasti masalah lima kali dan membuat keputusan tiga kali. Keseluruhannya sebanyak 15 kali. Data daripada sumber pemerhatian mengesahkan berlaku penggunaan kaedah penyeliaan secara langsung. Analisis data menunjukkan kesemua pensyarah-penyelia berada bersebelahan dengan guru pelatih masing-masing. Penyelidik memerhati dengan jelas kedudukan pensyarah-penyelia semasa membuat penyeliaan. Untuk memastikan kehadiran mereka tidak membawa gangguan kepada guru pelatih dan klien, penyelidik mendengar mereka meminta kebenaran untuk berada bersama dalam majlis atau sesi kaunseling tersebut. Selain daripada meminta kebenaran, pensyarah-penyelia turut menjelaskan tujuan mereka berada bersama dalam sesi kaunseling tersebut.

Sebagai contohnya pensyarah-penyelia B, C dan F menjelaskan tujuan mereka berada bersama dalam sesi kaunseling adalah untuk menyelia perjalanan sesi kaunseling dan memberi fokus kepada aspek membina hubungan. Penyelidik mendapat untuk melaksanakan penyeliaan secara langsung pensyarah-penyelia mengambil tindakan yang sama iaitu berada bersama dengan guru pelatih dan klien, meminta kebenaran terlebih dahulu dan menjelaskan tujuan mereka berada bersama. Pensyarah-penyelia tidak menggunakan kaedah ini tanpa kebenaran guru pelatih atau klien.

Sebagai contohnya dipetik kata-kata daripada pensyarah-penyelia B kepada GP4 :

“... cikgu, saya akan bersama cikgu selama sesi kaunseling ini berjalan. Tujuannya untuk melihat perjalanan sesi kaunseling dan saya akan memberi fokus kepada aspek membina hubungan..” DTR04-(18/2).

Hal yang sama juga berlaku pada pensyarah-penyelia C, E dan G. Mereka meminta kebenaran daripada guru pelatih dan klien masing-masing untuk menyelia aspek penerokaan masalah. Dapatan daripada analisis temu bual mengesahkan penggunaan kaedah penyeliaan secara langsung ini. Pensyarah-penyelia G memberi jawapan berikut kepada pertanyaan penyelidik tentang sebab menggunakan kaedah penyeliaan secara langsung. Katanya:

“...memang amalan popular saya menggunakan kaedah penyeliaan secara langsung kerana ianya lebih mudah untuk diamalkan. Yang penting guru pelatih dan klien diberitahu dahulu dan mereka boleh menerimanya...” RG(1)I-8/2(19-22).

Dapatan ini juga disokong oleh dapatan hasil analisis dokumen iaitu jurnal kepunyaan GP10 seperti berikut:

...pada mulanya saya rimas juga apabila pensyarah-penyelia ada bersama dalam sesi. Tapi selepas diberitahu akan tujuannya baru saya boleh terima sikit . . . maklumlah ini penyeliaan pertama saya . . . DTR01-(28/1)

#### *Kaedah penyeliaan secara langsung dalam penyeliaan program*

Kategori penyeliaan secara langsung muncul sebanyak lima kali dalam penyeliaan program iaitu dua kali pada penyeliaan program keibubapaan dan tiga kali pada penyeliaan program

pameran pendidikan kerjaya. Jadual 4.11 menunjukkan kekerapan kategori kaedah penyeliaan secara langsung dalam aspek penyeliaan program

Jadual 4.11

Kekerapan Kategori Kaedah Penyeliaan Secara Langsung Dalam Aspek Penyeliaan Program

Bil	Aspek Penyeliaan	Kekerapan	Peratus
1	Program keibubapaan	2	40.0
2	Pameran pendidikan kerjaya	3	60.0
	Jumlah	5	100

Bahagian berikut menghurai secara terperinci kaedah penyeliaan secara langsung dalam penyeliaan program.

#### *Kaedah penyeliaan secara langsung dalam program keibubapaan*

Subkategori penyeliaan secara langsung muncul pada pemerhatian dua bagi pensyarah-penyelia A dan pemerhatian tiga bagi pensyarah-penyelia C. Hasil analisis data pemerhatian menunjukkan pensyarah-penyelia berada bersama-sama dalam program keibubapaan yang berlangsung di dewan sekolah tempat guru pelatih menjalani latihan praktikum. Majlis bermula jam 9.30 pagi bagi pensyarah-penyelia A dan jam 10.00 pagi bagi pensyarah-penyelia C. Pemerhatian mendapati pensyarah-penyelia A berada di bahagian belakang ruang dewan sekolah tersebut. Sebelum memulakan majlis kedua-dua pensyarah-penyelia memaklumkan guru pelatihnya bahawa mereka akan bersama dalam dewan untuk melihat sendiri ceramah keibubapaan yang disampaikan.

Data daripada temu bual mengesahkan hal ini. Pensyarah-penyelia memaklumkan bahawa memang dia telah membuat temu janji sebelum itu. Guru pelatih ingin pensyarah-penyelialnya sendiri melihat mereka menyampaikan input kepada ibu bapa. Tajuk ceramah bagi kedua-dua guru pelatih tersebut ialah “Tips Menjadi Ibu Bapa Cemerlang.”

Maklumat daripada analisis dokumen menyokong dapatan ini. Penyelidik menyemak jurnal pelajar dan ulasan pensyarah-penyelia dalam buku rekod aktiviti GP1 dan GP7, GP8 dan GP9. Catatan oleh GP1 seperti berikut:

... ini pengalaman pertama saya menyampaikan ceramah dan diselia oleh pensyarah secara *direct* . Pada awalnya gementar juga sebab tengok pada muka pensyarah . . . maklumlah dia nak nilai saya . . . bagi markah . . .  
DTR07-(17/2)

Demikian juga data daripada sumber dokumen buku rekod aktiviti kepunyaan GP7, GP8 dan GP9. Semakan yang dibuat mendapati pensyarah-penyelia C membuat komen seperti berikut :

. . . tahniah, cikgu dapat menyampaikan ceramah dengan agak baik. Saya yakin cikgu boleh sampaikan dengan lebih baik jika saya tiada bersama. Penyeliaan secara langsung ini penting untuk saya mendapat gambaran secara dekat dan tepat . . . DR07-(10/4)

#### *Kaedah penyeliaan secara langsung dalam penyeliaan pameran pendidikan kerjaya*

Kategori penyeliaan secara langsung muncul pada pemerhatian tiga bagi pensyarah-penyelia G manakala pemerhatian dua dan tiga bagi pensyarah-penyelia B. Hal ini terbukti melalui analisis data pemerhatian. Penyelidik melihat pensyarah-penyelia B dan G masing-masing berada dalam majlis pameran pendidikan kerjaya yang diadakan di dewan sekolah

tempat guru pelatih mereka menjalani latihan praktikum. Data pemerhatian menunjukkan guru pelatih membawa pensyarah-penyalianya melawat kaunter-kaunter kerjaya yang disediakan oleh pihak-pihak berkenaan. Semasa meninjau dalam persekitaran dewan, kelihatan pensyarah-penyalia B bertanyakan GP4, GP5 dan GP6 tentang bagaimana program ini dapat mencapai objektif yang digariskan. Untuk menjawab soalan tersebut, pensyarah-penyalia B dibawa melawat enam kaunter kerjaya yang disediakan. Kaunter tersebut ialah (1) kaunter kerjaya polis, (2) kaunter kerjaya jururawat, (3) kaunter kerjaya tentera, (4) kaunter kerjaya bomba, (5) kaunter kerjaya doktor, dan (6) kaunter kerjaya guru.

Hal ini disokong oleh dapatan daripada analisis data temu bual. Dalam temu bual tersebut pensyarah-penyalia B dan G telah mengesahkan fokus penyeliaan masing-masing iaitu terhadap program pendidikan kerjaya. Dapatan ini turut disokong oleh dapatan analisis dokumen. Penyelidik telah membuat semakan dua jenis dokumen iaitu buku rekod aktiviti dan jurnal guru pelatih. Daripada semakan, jelas tertulis komen pensyarah-penyalia terhadap aspek program pendidikan kerjaya. Mereka memberi pujian di atas kejayaan GP4, GP5 dan GP6 dan GP19, GP20 dan GP21 yang dapat melaksanakan program pendidikan kerjaya dengan baik.

Demikian juga halnya dapatan daripada analisis jurnal guru pelatih. Mereka telah melahirkan rasa seronok di atas sokongan dan bimbingan yang diberikan oleh pensyarah-penyalia masing-masing sehingga program pameran pendidikan kerjaya dapat dijalankan dengan jayanya.

*Kaedah penyeliaan secara langsung dalam aspek penyeliaan kemahiran bimbingan dalam kelas.*

Kategori penyeliaan secara langsung muncul sebanyak lima kali dalam penyeliaan kemahiran bimbingan di dalam kelas iaitu dua kali pada penyeliaan kemahiran mencatat nota dan tiga kali pada penyeliaan kemahiran menghadapi peperiksaan. Jadual 4.12 menunjukkan kekerapan kategori kaedah penyeliaan secara langsung dalam aspek penyeliaan kemahiran bimbingan dalam kelas.

Jadual 4.12

Kekerapan Kategori Kaedah Penyeliaan Secara Langsung Dalam Aspek Penyeliaan Kemahiran Bimbingan Dalam Kelas

Bil	Aspek Penyeliaan	Kekerapan	Peratus
1	Kemahiran menghadapi peperiksaan	3	60.0
2	Kemahiran mencatat nota	2	40.0
Jumlah		5	100

Kategori kaedah penyeliaan secara langsung dalam kemahiran mencatat nota muncul sebanyak dua kali iaitu pada pemerhatian kedua bagi pensyarah-penyelia F dan G. Manakala dalam penyeliaan kemahiran menghadapi peperiksaan muncul pada pemerhatian kedua pada pensyarah-penyelia D, F dan G. Bahagian berikut menjelaskan tentang kaedah penyeliaan secara langsung dalam aspek kemahiran menghadapi peperiksaan dan mencatat nota.

*Kaedah penyeliaan secara langsung dalam kemahiran menghadapi peperiksaan*

Kemahiran menghadapi peperiksaan merujuk kepada penguasaan pengetahuan tentang teknik dan kemahiran menghadapi peperiksaan yang betul. Hasil analisis data menunjukkan

kategori penyeliaan secara langsung dalam kemahiran menghadapi peperiksaan muncul sebanyak tiga kali, iaitu pada pemerhatian kedua pensyarah-penyelia D, F dan G. Pemerhatian menunjukkan pensyarah-penyelia memilih untuk berada bersama dalam bilik kelas yang telah diubah suai menjadi dewan.

Proses penyeliaan dibuat secara terus. Hal ini disahkan melalui data temu bual apabila pensyarah-penyelia menyatakan bahawa dia sudah memaklumkan lebih awal kepada guru pelatih tentang penggunaan kaedah itu. Kelihatan pensyarah-penyelia D memerhati dengan penuh minat perjalanan ceramah tersebut. Di tangan pensyarah-penyelia terdapat satu senarai semak sebagai panduan membuat pemerhatian dan penilaian. Selain itu pensyarah-penyelia diberi salinan nota dalam bentuk *PowerPoint* yang bertajuk “Kemahiran Menghadapi Peperiksaan UPSR”. Manakala bagi pensyarah-penyelia F pula tajuk bahan edaran adalah “Tips Menghadapi peperiksaan UPSR bagi tahun Lima dan Enam”. Manakala bagi GP19, GP20 dan GP21 di bawah pensyarah-penyelia G pula menamakan programnya sebagai “Mengejar A- Kenapa dan Bagaimana”.

Penyelidik membuat analisis terhadap dokumen-dokumen tersebut dan didapati memang fokus kepada pengisian berkenaan ialah mengenai teknik menghadapi peperiksaan UPSR dan kaedah untuk mendapat skor A dalam semua mata pelajaran. Hal ini disokong oleh data yang diperoleh melalui temu bual. Dalam temu bual yang diadakan selepas sesi pemerhatian kedua-dua pensyarah-penyelia menjelaskan bahawa mereka memang memberi perhatian terhadap aspek menghadapi peperiksaan kerana ianya amat penting dikuasai oleh bakal calon UPSR.

### *Kaedah penyeliaan secara langsung dalam penyeliaan bengkel kemahiran mencatat nota*

Analisis sumber pemerhatian menunjukkan kaedah penyeliaan secara langsung memang dipraktikkan dalam penyeliaan kemahiran mencatat nota. Ianya muncul sebanyak dua kali iaitu pemerhatian kedua bagi pensyarah-penyelia F dan G. Sewaktu guru pelatih di bawah penyeliaan masing-masing mengisi slot bengkel kemahiran mencatat nota, kelihatan pensyarah-penyelia memberi perhatian serius. Hal ini disokong oleh data yang diperoleh melalui temu bual. Pensyarah-penyelia G mengesahkan bahawa penyeliaan secara langsung yang dijalankan memberi fokus kepada dua perkara, pertama kaedah agihan kumpulan dan kedua pengisian aktiviti sewaktu bengkel berjalan.

Selepas sesi bengkel berakhir, satu perbincangan antara pensyarah-penyelia dengan guru-guru pelatih diadakan. Perbincangan dibuat secara terus tanpa perantara. Hal ini diperkuuhkan melalui analisis data temu bual. Pensyarah-penyelia F contohnya, menjelaskan bahawa menggunakan kaedah penyeliaan secara langsung memberi banyak kelebihan. Antaranya ialah beliau dapat melihat perjalanan program yang betul-betul berlaku dan komen atau teguran boleh dibuat secara terus.

### *Kaedah Penyeliaan Secara Bertulis*

Kategori kaedah penyeliaan secara bertulis mengandungi tiga subkategori iaitu melalui kaedah rekod aktiviti dan jurnal, verbatim dan folio. Keseluruhan kategori ini muncul sebanyak 30 kali iaitu sembilan kali pada elemen buku rekod aktiviti dan jurnal, sekali pada verbatim dan 20 kali pada penyeliaan folio. Jadual 4.13 menunjukkan kekerapan subkategori dalam kategori kaedah penyeliaan bertulis.

Jadual 4.13

Kekerapan Subkategori Dalam Kategori Kaedah Penyeliaan Bertulis

Bil	Elemen Subkategori Penyeliaan Kaedah Bertulis	Kekerapan	Peratus
1	Buku rekod aktiviti & jurnal	9	30.0
2	Verbatim	1	3.3
3	Folio	20	66.7
Jumlah		30	100

*Subkategori kaedah penyeliaan bertulis buku rekod aktiviti dan jurnal*

Kategori kaedah penyeliaan menggunakan buku rekod aktiviti dan jurnal muncul sebanyak sembilan kali iaitu pada pemerhatian kedua bagi pensyarah-penyelia A, C dan G. Manakala pada penyeliaan B dan D aspek ini muncul pada pemerhatian tiga. Seterusnya muncul dua kali pada pensyarah-penyelia E dan F iaitu masing-masing pada pemerhatian tiga.

Analisis data daripada pemerhatian menyokong dapatan tersebut. Penyelidik yang sentiasa bergerak bersama-sama pensyarah-penyelia mendapati mereka memberi fokus kepada aspek penulisan semasa membuat semakan buku rekod aktiviti dan jurnal guru pelatih. Analisis sumber data pemerhatian menunjukkan pensyarah-penyelia meminta setiap orang guru pelatih menyerahkan buku-buku rekod dan jurnal untuk disemak. Hal ini dapat diperhatikan dengan jelas oleh penyelidik. Pensyarah-penyelia meneliti dengan serius kandungan buku rekod aktiviti dan jurnal yang ditulis oleh guru-guru pelatih mereka. Mereka kelihatan membelek-belek dan menyemak ayat demi ayat dalam jurnal bagi tiga orang guru pelatih di bawah seliaan mereka.

Data ini diperkuuhkan lagi dengan analisis sumber temu bual. Dalam temu bual, penyelidik telah dimaklumkan oleh para pensyarah-penyelia bahawa mereka membuat penyeliaan secara bertulis pada aspek ini. Tulisan atau komen yang dibuat berfokus kepada kekuatan dan kelemahan setiap guru pelatih. Tambah mereka hasil kerja bertulis ini akan dirujuk dan disemak hampir setiap kali datang menyelia. Semakan secara bertulis inilah bukti paling tepat berlakunya proses penyeliaan.

Hal ini disahkan melalui analisis dokumen iaitu catatan jurnal aktiviti-aktiviti yang dilakukan sepanjang hari dalam tempoh praktikum. Jurnal ini merupakan catatan harian yang ditulis oleh guru pelatih yang menyentuh pelbagai aspek termasuk kekuatan, kelemahan dan masalah-masalah yang dihadapi, cara-cara mengatasinya serta penambahbaikan yang dilakukan. Contoh catatan pada jurnal harian pelajar adalah seperti berikut:

... banyak pengalaman diperoleh hari ini. Pertamanya sebagai seorang guru pelatih . . . saya perlu banyak bertanya dengan pensyarah-penyelia di samping mengambil perhatian di atas komen bertulis yang dilakukannya . . . DTR01-(11/3)

#### *Subkategori kaedah penyeliaan bertulis menggunakan verbatim*

Verbatim merujuk kepada skrip sesi kaunseling yang disediakan oleh guru pelatih untuk dibincangkan bersama-sama pensyarah-penyelia. Elemen ini muncul sekali iaitu pada pemerhatian kedua pensyarah-penyelia G. Hal ini disahkan melalui analisis data pemerhatian. Penyelidik mendapati pensyarah-penyelia G meneliti skrip verbatim sesi

kaunseling individu yang disiapkan lebih awal oleh GP19. Skrip verbatim ditunjukkan kepada pensyarah-penyelia G untuk mendapat maklum balas. Penyelidik perhatikan perbincangan mereka berfokus pada kemahiran menyoal yang terdapat pada verbatim tersebut. Hal ini diperkuuhkan dengan data analisis dokumen iaitu skrip verbatim.

Hasil analisis dokumen skrip verbatim mengesahkan memang berlaku perbincangan berdasarkan verbatim tersebut. Hal ini dilihat pada ulasan dan catatan-catatan yang dibuat oleh pensyarah-penyelia G. Seterusnya disahkan oleh pensyarah-penyelia tersebut dalam temu bual yang diadakan selepas itu. Beliau menegaskan bahawa memang berlaku penyeliaan melalui semakan verbatim. Verbatim tersebut telah disediakan oleh guru pelatihnya terlebih dahulu. Kesimpulan ini diperkuuhkan oleh data dokumen apabila penyelidik meneliti ulasan yang diberikan oleh pensyarah-penyelia G pada buku rekod aktiviti kepunyaan G19 seperti berikut:

. . . verbatim yang dihasilkan baik. Soalan-soalan yang dikemukakan dalam sesi harus sesuai terutamanya dari segi soalan terbuka dan tertutup . . . DR07-(11/3)

#### *Subkategori kaedah penyeliaan folio*

Kaedah penyeliaan folio merujuk kepada sesi penyeliaan yang dibuat berdasarkan bahan-bahan dokumen yang dibuat secara bertulis dan didokumentasikan dalam satu folio. Elemen ini muncul sebanyak 20 kali. Jadual 4.14 menunjukkan kekerapan elemen penyeliaan folio dalam aspek penyeliaan pentadbiran.

Jadual 4.14

Kekerapan Subkategori Folio Dalam Aspek Penyeliaan Pentadbiran

Bil	Aspek Penyeliaan Pentadbiran	Kekerapan	Peratus
1	Sistem fail	8	40
2	Pengurusan dan keceriaan bilik B&K	7	35
3	Promosi perkhidmatan B&K	2	10
4	Menghasilkan kertas kerja	3	15
Jumlah		20	100

Jadual 4.14 menunjukkan elemen ini muncul pada penyeliaan sistem fail lapan kali (40%), pengurusan dan keceriaan bilik B&K tujuh kali (35%) promosi perkhidmatan B&K sebanyak dua kali (10%) dan menghasilkan kertas kerja sebanyak tiga kali (15%). Dapatkan ini dibincang dengan mendalam pada bahagian berikutnya.

*Subkategori kaedah penyeliaan secara folio dalam penyeliaan sistem fail*

Kategori ini muncul sebanyak lapan kali iaitu pada pemerhatian pertama dan kedua penyelia A dan pemerhatian ketiga penyelia C, D, F dan G. Manakala pada penyeliaan E muncul sebanyak dua kali iaitu pada pemerhatian kedua dan ketiga. Analisis data pemerhatian menunjukkan memang berlaku penyeliaan pada aspek ini. Hal ini dibuktikan melalui pemerhatian penyelidik yang melihat pensyarah-penyelia menyemak dokumen-dokumen di dalam fail yang dibuat oleh kumpulan guru pelatih mereka. Pensyarah-penyelia membelek-belek semua fail satu persatu. Semasa membelek fail-fail tersebut pensyarah-penyelia memberi fokus kepada apa yang ditulis dan kandungan di dalam fail tersebut.

Didapati rata-rata kumpulan guru pelatih yang berada di bawah seliaan pensyarah-penyelia yang berbeza mempunyai sistem fail yang sama.

Hal ini diperkuuhkan melalui data yang diperoleh melalui temu bual. Semua pensyarah-penyelia yang membuat penyeliaan terhadap aspek ini menjelaskan bahawa sudah menjadi tanggungjawab utama guru pelatih mewujudkan sistem fail yang kemas dan teratur. Ini selaras dengan dapatan daripada analisis dokumen yang menunjukkan sistem fail yang dibuat disusun secara tertib. Demikian juga data daripada sumber analisis dokumen iaitu borang PR1/BK memperkuuhkan dapatan ini. Dalam borang PR1/BK pensyarah-penyelia memberi komen positif terhadap sistem fail. Ini berlaku pada semua pasangan penyeliaan. Contohnya pensyarah-penyelia G memberi penilaian tahap 4 kepada GP19, GP20 dan GP21.

*Subkategori kaedah penyeliaan secara folio dalam penyeliaan pengurusan dan keceriaan bilik bimbingan dan kaunseling*

Kategori ini muncul sebanyak tujuh kali iaitu pada pemerhatian ketiga pensyarah-penyelia A, B, C, D, E, F dan G. Hal ini dapat dilihat menerusi data daripada sumber pemerhatian. Penyelidik membuat semakan kandungan folio. Folio mengandungi kad-kad kata-kata motivasi yang boleh menaikkan semangat belajar murid, bahan-bahan yang ditampal pada sudut-sudut tertentu seperti sudut kerjaya, akademik dan sudut am. Bahan-bahan yang dicetak ditampal pada bahagian dinding bilik bimbingan dan kaunseling. Satu salinan bagi setiap dokumen tersebut dimasukkan dalam satu folio sebagai dokumentasi. Hal ini disahkan melalui analisis dokumen, apabila penyelidik diberi satu salinan bagi setiap bahan bertulis tersebut.

Analisis data juga mendapati pensyarah-penyelia memberi perhatian pada susun atur bilik, jadual waktu perkhidmatan GBKSR, carta organisasi unit bimbingan dan kaunseling dan maklumat-maklumat lain yang berkaitan. Hal ini diperkuuh melalui data temu bual yang diperoleh penyelidik. Hasil daripada temu bual penyelidik bersama para pensyarah-penyelia mendapati semakan folio dalam aspek ini sesuatu yang wajib dan menjadi rutin mana-mana pensyarah-penyelia praktikum. Contohnya pensyarah-penyelia F menjelaskan seperti berikut:

“...folio memudahkan membuat penilaian dan penyeliaan kerana ia adalah dokumen sebenar seperti apa yang berlaku di lapangan”. R(D)O-1/4(9-10)

Hal ini diperkuuhkan dengan analisis dokumen yang dibuat oleh penyelidik. Hasil daripada semakan dokumen yang dibuat mendapati memang pensyarah-penyelia menggunakan kaedah penyeliaan folio untuk membuat semakan terhadap aspek pengurusan dan keceriaan bilik bimbingan dan kaunseling.

*Subkategori kaedah penyeliaan secara folio dalam penyeliaan promosi perkhidmatan bimbingan dan kaunseling*

Elemen ini muncul sebayak dua kali, iaitu masing-masing sekali pada pensyarah-penyelia E dan F. Hal ini terbukti melalui semakan dokumen. Antara dokumen yang berkaitan dengan aspek ini ialah pamphlet atau brosur dan risalah-risalah. Analisis dokumen-dokumen tersebut mengesahkan bahawa tujuan bahan-bahan ini adalah untuk mempromosi perkhidmatan bimbingan dan kaunseling di sekolah masing-masing.

Hal ini diperkuuh melalui data temu bual. Contohnya pensyarah-penyelia F memberi kenyataan berikut apabila diminta menjelaskan tentang penyeliaan secara folio.

“...memanglah budak-budak ni (guru pelatih) kalau kita datang selia mereka dan tengok semua dokumen yang berkaitan dengan promosi perkhidmatan bimbingan dan kaunseling mereka rasa seronoklah...lagipun ini bukti terbaik untuk lihat mereka bekerja. Bukti bertulis dan dokumen ada sekali... semuanya disimpan dalam satu folio ...kalau kita tak ambil berat mereka buat cincai sahaja...” RF(3)I-11/4-(35-39)

Dapatan ini disokong oleh hasil analisis dokumen kepunyaan GP13, GP14, GP15, GP16, GP17 dan GP18. Pensyarah-penyelia E dan F telah membuat catatan berupa pujian kepada guru pelatih mereka apabila berjaya menulis dan mendokumenkan bahan secara terancang dan sistematik.

#### *Kaedah Penyeliaan Menggunakan Rakaman*

Kaedah penyeliaan secara rakaman merujuk kepada kaedah yang menggunakan rakaman sesi kaunseling sebagai bahan perbincangan untuk tujuan penyeliaan. Rakaman dibuat sama ada dalam bentuk audio ataupun video. Dalam konteks kajian ini, rakaman secara audio telah digunakan. Kategori ini muncul hanya sekali sahaja iaitu pada pemerhatian pertama pensyarah-penyelia A. Analisis data daripada sumber pemerhatian menunjukkan memang berlaku perbincangan berdasarkan pita rakaman di antara pensyarah-penyelia A dengan GP1, GP2 dan GP3. Pita rakaman disediakan lebih awal iaitu sebelum sesi penyeliaan. Data daripada sumber temu bual mengesahkan penggunaan kaedah ini. Dalam temu bual yang diadakan, penyelidik bertanyakan alasan menggunakan kaedah rakaman dalam sesi penyeliaan.

Contohnya, Pensyarah-penyalia A memberi jawapan seperti berikut apabila ditanya tentang penggunaan kaedah penyeliaan secara rakaman:

“...banyak faedahnya, cepat, jelas dan tepat. Lagipun rakaman ini boleh menjadi contoh (jika baik) kepada pelajar-pelajar akan datang . . .”  
RA(1)I-20/1(17-19).

Demikian juga data yang diperoleh daripada sumber dokumen milik GP1, GP2 dan GP3. Penyelidik melihat sendiri pita rakaman yang disediakan oleh GP1 yang digunakan dalam sesi perbincangan bersama pensyarah-penyalia A. Pada muka depan pita rakaman tersebut ada tercatat nama klien, isu yang dibincangkan dan tarikh diadakan sesi kaunseling.

#### *Kaedah Penyeliaan Secara Langsung dan Menggunakan Rakaman*

Kaedah penyeliaan secara langsung dan rakaman merupakan kaedah gabungan iaitu menggunakan dua kaedah dalam satu masa. Sesi penyeliaan dijalankan secara langsung dan pada masa sama pensyarah-penyalia membuat rakaman sesi. Selepas tamat sesi, rakaman dimainkan semula. Pada ketika itu berlaku perbincangan di antara pensyarah-penyalia dengan guru pelatihnya pada aspek yang menjadi fokus atau perhatian. Kaedah ini hanya muncul sekali sahaja iaitu pada pensyarah-penyalia F.

Analisis data pemerhatian menunjukkan pensyarah-penyalia F menggunakan kaedah gabungan ini sewaktu membuat penyeliaan ke atas GP16. Hal ini diperhatikan pada pemerhatian ketiga. Penyelidik memerhatikan pensyarah-penyalia F merakam sesi kaunseling yang berlangsung. Rakaman dilakukan menggunakan alat perakam audio MP3.

Sebelum memulakan sesi, pensyarah-penyelia meminta kebenaran daripada GP16 dan klien untuk dibuat rakaman. Selain daripada memohon kebenaran, tujuan dan hak-hak klien juga dimaklumkan supaya perkara ini jelas dan tidak menimbulkan sebarang kesan negatif. Alat perakam diletak berhampiran dengan pelatihnya supaya suaranya menjadi lebih jelas. Sesi kaunseling berjalan selama tiga puluh minit. Sebaik sahaja berakhirnya sesi penyeliaan tersebut murid yang menjadi klien keluar daripada bilik kaunseling. Mereka membuat perbincangan tentang sesi kaunseling yang dijalankan. Perbincangan itu dihadiri oleh GP16, GP17 dan GP18.

Rakaman sesi diperdengar semula dan pensyarah-penyelia F menyatakan bahawa beliau memberi fokus kepada teknik menyoal yang digunakan oleh guru pelatihnya. Walaupun pada peringkat awal suara rakaman kurang jelas namun akhirnya lebih jelas. Apabila sampai kepada kemahiran menyoal, rakaman diberhentikan. Sebanyak empat kali rakaman diberhentikan. Ini bermakna terdapat empat kali kemahiran menyoal yang digunakan GP16 sepanjang sesi. Masa itu pensyarah-penyelia menanyakan pendapat pelatih mengenai kemahiran menyoal yang digunakan sama ada sesuai atau tidak.

Data daripada temu bual mengesahkan kaedah yang digunakannya. Beliau menggunakan rakaman sesi sebagai bahan perantara dalam memberi bimbingan kepada pelatihnya. Semasa bertemu bual, penyelidik bertanyakan rasional penggunaan kaedah rakaman.

Respon terhadap soalan penyelidik adalah seperti berikut:

“... tentang aspek itu banyak rasionalnya. Pertamanya . . . berdasarkan pengalaman saya menyelia praktikum kaedah ini adalah baik kerana kita dapat memperbetulkan kesilapan pelatih secara tepat kerana semuanya ada dalam rakaman. Keduanya rakaman ini boleh tahan lama dan kita

boleh buat perbincangan tentang perkara tersebut pada masa-masa yang lain tak semestinya hari ini juga. Lainlah kalau penyeliaan secara langsung ... kena buat teguran pada hari dan masa itu juga . . untuk elak kita lupa..." RF(2)I-11/3(55-62).

### *Subtema III: Fasa Selepas Penyeliaan*

Subtema ini muncul dalam dua kategori iaitu penilaian dan kontrak penutup. Bahagian berikut membincangkan secara terperinci dapatan kajian bagi setiap kategori.

#### *Kategori Penilaian*

Penilaian ialah suatu sistem atau proses yang meliputi aktiviti-aktiviti mengumpul maklumat tentang strategi dan aktiviti pengajaran dan pembelajaran untuk membuat analisis dan keputusan yang berguna pada masa hadapan (Soon Sang, 2003). Dalam konteks praktikum, penilaian lebih berbentuk mengesan pencapaian. Kategori penilaian dalam penyeliaan praktikum GBKSR muncul dalam satu subkategori iaitu penilaian formatif dan sumatif. Penilaian formatif merujuk kepada pengumpulan maklumat mengenai tahap pencapaian guru pelatih dalam satu-satu aspek praktikum. Borang yang digunakan untuk menyempurnakan penilaian ini ialah PRI/BK.

Penilaian sumatif merujuk kepada pengukuran pencapaian guru pelatih yang dibuat secara formal pada akhir penyeliaan. Penilaian sumatif lebih berbentuk rumusan kepada pencapaian keseluruhan bagi setiap orang guru pelatih. Borang yang digunakan untuk menyempurnakan penilaian ini ialah PR2/BK. Tujuannya untuk mengukur pencapaian

keseluruhan praktikum. Analisis data menunjukkan penilaian formatif muncul sebanyak 21 kali manakala penilaian sumatif muncul sebanyak tujuh kali.

### *Penilaian Formatif*

Analisis data menunjukkan penilaian formatif muncul pada setiap kali penyeliaan bagi setiap guru pelatih. Hal ini terbukti melalui data pemerhatian. Penyelidik menyaksikan semua pensyarah-penyelia memberi salinan asal borang PR1/BK kepada setiap guru pelatih di bawah seliaan mereka selepas sesi penyeliaan dan satu salinan disimpan oleh pensyarah-penyelia. Dapatan ini disokong oleh data temu bual. Contohnya pensyarah-penyelia A telah memberi respon berikut berhubung dengan penilaian formatif:

“...memberi penilaian pencapaian guru pelatih ini menjadi kewajipan dan tugas penting setiap pensyarah-penyelia. Tak sah kalau tak buat ni. Kami bagi borang PR1/BK setiap kali selepas mengadakan sesi penyeliaan...ada tiga penyeliaan untuk seorang guru pelatih bermakna kena bagi tiga borang PR1/BK...” RA(1)I-20/1(50-53)

Menjawab soalan tentang tujuan borang PR1/BK, pensyarah-penyelia F memberi respon seperti berikut :

“ ...yalah kita nak ukur dia punya kebolehan.. em setakat mana hasil daripada sesi tadi kan.. kita bagi tahap 2, 3 dan bagi sebabnya kenapa jadi begitu, tujuannya agar pelatih kita tahu status pencapaian dia *and than* dia kena upgradelah kaku rendah ...” RF(2)I-11/3(60-61)

Hal ini disokong oleh dapatan daripada analisis dokumen. Contohnya semakan borang PR1/BK kepunyaan GP4, GP5 dan GP6 di bawah seliaan pensyarah-penyelia B menunjukkan mereka mempunyai tiga salinan borang PR1/BK. Hal ini disokong oleh maklumat daripada temu bual dengan GP13, GP14 dan GP15 yang mengesahkan mereka mempunyai tiga salinan borang PR1/BK sepanjang diselia oleh pensyarah-penyelia E.

### *Penilaian sumatif*

Analisis data pemerhatian, temu bual dan dokumen menunjukkan bahawa penilaian sumatif muncul sebanyak tujuh kali iaitu sekali bagi setiap orang guru pelatih. Penilaian sumatif dibuat pada penyeliaan terakhir iaitu pada penyeliaan peringkat tiga. Ia merupakan rumusan kepada keseluruhan pencapaian guru pelatih sepanjang tempoh praktikum. Borang yang digunakan ialah PR2/BK. Dalam penilaian ini setiap guru pelatih diberi markah dalam bentuk peratus bukannya dalam bentuk tahap pencapaian seperti pada borang PR1/BK .

Analisis data temu bual menunjukkan berlaku penilaian akhir oleh setiap pensyarah-penyelia namun markah sebenar yang diperoleh guru pelatih adalah rahsia. Sebagai contohnya boleh dilihat pada respon pensyarah-penyelia B seperti berikut:

“Betul...setiap pensyarah atau penyelia praktikum kena bagi borang ini (sambil tunjuk borang PR2/BK kepada penyelidik) kepada guru-guru pelatih. Dalam ni... ada markah akhir, berapa kita bagi, 80%, 90% ke ...”  
RB(3)I-1/3(130-133)

Demikian juga respon pensyarah-penyelia C apabila ditanya tentang status kerahsiaan borang PR2/Bk kepada guru pelatih:

“Ehh ... tak boleh bagi pada guru pelatih, ini rahsia besar (ketawa) tuan...tak sama macam borang PR1... kita bagi pada unit praktikum...kemudian urusan praktikumlah yang buat keluar resultnya...kita tak tahu menahu dah lepas tu ...lagi satu saya nak bagi tuan... markah ini juga kita bincangkan dengan guru pembimbing di sekolah...” RC(3)I-10/4(125-301)

Data menunjukkan bahawa markah penilaian akhir merupakan markah purata antara markah guru pembimbing dengan pensyarah-penyelia. Pemberatannya adalah sama banyak

iaitu 50% bagi pensyarah-penyelia dan 50% guru pembimbing. Hal ini disokong oleh data temu bual bersama dengan pensyarah-penyelia E yang menyatakan seperti berikut:

“...untuk pengetahuan tuan haji... markah ini diambil kira juga dengan markah yang diberikan oleh guru pembimbing... jangan lupa tu budak-budak kita ini diselia juga oleh guru sekolah, yakni yang membimbang dia tu ... diapun kena tengok dan nilai budak kita..lihat pencapaian dia.. kemudian diapun bagi markah awal dan akhir ni.. macam kita ... lepas tu kita bincang dengan dia bila-bila masa untuk dapat markah daripada dia..*final*lah. Kita campur dengan markah dia bagi, kemudian bahagi dua...markah tu ...lah diserah pada unit praktikum...pelatih tunggu keputusan mereka...lepas tu kerja kita beres.”RE(3)I-8/4(131-140)

Dapatan ini disokong oleh temu bual berkelompok yang dijalankan bersama guru pelatih. Semua kumpulan temu bual menyatakan bahawa mereka telah maklum bahawa markah akhir adalah rahsia dan keputusannya diumumkan dalam slip keputusan akhir bersama dengan keputusan ujian bertulis.

Hal ini disokong oleh hasil analisis dokumen jurnal GP21 yang menulis seperti berikut:

Alhamdullillah...segalanya selesai. Penyeliaan praktikum telah tamat. Saya berasa amat seronok hari ini. Walaupun saya tidak dimaklumkan tentang markah sebenar saya, namun saya yakin akan lulus dalam praktikum ini...DTR01-(8/4)

#### *Kategori Kontrak Penutup*

Kontrak penutup merujuk kepada makluman status penamatan sesi penyeliaan. Hal ini berlaku dalam semua sesi penyeliaan. Analisis data pemerhatian menunjukkan semua pensyarah-penyelia memaklumkan secara rasmi penamatan sesi penyeliaan. Kategori kontrak penutup muncul dalam dua subkategori iaitu refleksi dan penamatan.

### *Subkategori refleksi*

Refleksi merujuk kepada proses seseorang guru pelatih berusaha untuk mengingat dan merenung kembali pelaksanaan aktiviti kaunseling untuk menganalisis dan menilai kesannya termasuk memikirkan cara membaiki dan merancang dengan mengubahsuaikannya untuk digunakan dengan lebih berkesan pada masa hadapan (Soon Sang, 2003). Analisis data pemerhatian, temu bual dan dokumen menunjukkan subkategori refleksi muncul sebanyak 21 kali iaitu sekali bagi setiap penyeliaan yang dilakukan oleh tujuh pensyarah-penyelia.

Untuk melaksanakan refleksi, pensyarah-penyelia meminta yang diselia menyatakan pengalaman yang dilalui, manfaat yang diperoleh dan kekuatan serta kelemahan sepanjang proses diselia. Selain itu, cadangan untuk menambahbaik proses penyeliaan juga disentuh dalam refleksi. Sebagai contohnya pensyarah-penyelia A, E dan G meminta guru pelatihnya membuat refleksi kendiri tentang pengalaman yang diperoleh sepanjang tempoh penyeliaan. Hal ini boleh dilibuktikan melalui kata-kata berikut:

Penyarah-penyelia A: "...cuba cikgu ceritakan pengalaman cikgu bersama saya sepanjang tempoh menjalani praktikum di bawah seliaan saya..."

GP1: "...saya rasa banyak yang saya pelajari dan peroleh sepanjang menjalani praktikum ... emm ... saya tahu tugas sebenar saya apabila kembali ke sekolah sebagai GBKSR ... rupa-rupanya banyak dan mencabar... maka saya kena banyak belajar cari pengalaman lagi...tu yang paling jelas. Saya juga belajar kenal cikgu-ckgu di sekolah ini dan bagaimana cara saya nak dapatkan kerjasama daripada dia orang..."  
RA(2)-O17/2(5).

Hal ini disokong oleh dapatan temu bual bersama pensyarah-penyelia E sebagai berikut:

Penyelidik: ...dalam refleksi bersama guru pelatih apa yang saudara fokuskan?

Pensyarah-penyelia E: "...refleksi menjadi amalan saya selepas proses penyeliaan... saya suka pelatih saya ceritakan pengalaman yang diperoleh ... kekuatan dan kelemahan sepanjang penyeliaan dan saya juga meminta mereka memberi cadangan untuk menambahbaik proses penyeliaan agar lebih mantap pada masa-masa akan datang..." RE(2)I-4/3 (20-25)

Demikian juga analisis dokumen iaitu jurnal hasilan GP20 menyokong dapatan tersebut.

Tulisan jurnal GP20 adalah seperti berikut :

"...refleksi yang dibuat oleh pensyarah saya sungguh bermakna. Apabila dia meminta saya menoleh ke belakang melihat kelemahan diri maka saya terjumpa dengan kelemahan saya dalam aspek membuat keputusan..."  
DTR01-(28/1)

#### *Subkategori penamatan*

Analisis data menunjukkan subkategori penamatan proses penyeliaan muncul dalam elemen iaitu penamatan minor dan penamatan major. Penamatan minor merujuk kepada penamatan penyeliaan peringkat pertama dan kedua manakala penamatan major merujuk kepada penamatan penyeliaan pada peringkat ketiga atau peringkat akhir.

#### *Elemen penamatan minor*

Data sumber pemerhatian membuktikan wujudnya elemen penamatan minor. Sebagai contohnya hal ini diperhatikan melalui kata-kata pensyarah penyelia A kepada GP1, GP2 dan GP3 pada akhir penyeliaan pertama seperti berikut :

“...baik cikgu, penilaian pertama saya sudah tamat. Saya mengharapkan anda semua mengambil pengajaran daripada teguran-teguran yang diberikan sekejap tadi. Saya berharap benar agar cikgu-ckgu dapat menjalankan praktikum ini dengan lancar. Kita jumpa kali kedua lebih kurang satu minggu akan datang. Tarikh tepat saya akan maklumkan kemudian...” DTR04-(20/1)

Dapatan ini disokong oleh analisis data temu bual bersama pensyarah-penyelia B. Dalam temu bual yang diadakan pensyarah-penyelia B menyatakan bahawa menjadi amalannya memaklumkan pada guru pelatih tentang penamatan sesi penyeliaan. Apabila ditanya perkara-perkara yang terkandung di dalam makluman penutup itu, pensyarah-penyelia F menyatakan bahawa:

“...kita beritahu pelatih mengenai penamatan sesi penyeliaan.. supaya dia tidak tertanya-tanya. Kita juga beritahu secara umum bila nak datang pula bagi kali seterusnya...” RF(2)I-11/3(129-132)

Hal ini disokong oleh analisis data temu bual bersama GP19, GP20 dan GP21. Mereka menyatakan bahawa memang menjadi amalan pensyarah-penyelia G memaklumkan secara rasmi tentang penamatan sesi penyeliaan. Kata GP19:

“...selepas dia (pensyarah-penyelia) bagi markah penilaian borang PR1/BK yang ketiga, minta refleksi daripada kami semua diapun terus memaklumkan bahawa penyeliaan telah berakhir sepenuhnya. Ini dinyatakan selepas penyeliaan peringkat tiga... macam tadilah...” RG(3)I-11/4 (128-132).

#### *Elemen penamatan major*

Penamatan major merujuk kepada pemberhentian proses penyeliaan secara rasmi. Sewaktu pensyarah-penyelia memasuki fasa penamatan mereka mengucapkan terima kasih kepada guru-guru pelatih di bawah seliaan mereka, melahirkan harapan kepada mereka agar

berjaya dalam kehidupan sebagai GBKSR dan melahirkan harapan agar terus maju pada masa-masa akan datang. Elemen ini muncul sebanyak tujuh kali iaitu sekali bagi setiap pensyarah-penyelia. Penamatan major berlaku pada akhir sesi penyeliaan ketiga dan ianya berfungsi sebagai makluman rasmi tentang berakhirnya sesi penyeliaan. Analisis data pemerhatian dan temu bual mengesahkan aspek ini.

Contohnya pensyarah-penyelia A menyatakan kepada GP1, GP2 dan GP3:

“...dengan ini berakhirlah proses penyeliaan...saya harap cikgu-cikgu memperoleh sesuatu bermakna sepanjang bersama saya. Markah penilaian praktikum akan diserahkan kepada unit praktikum IPG untuk diproses, tunggulah nanti. Kerja saya dah berakhir... sebagai penyelia praktikum. Saya ucapkan terima kasih atas sokongan daripada kamu semua.” RA(3)O-31/3 (130-135).

Dapatan ini disokong oleh data daripada analisis pemerhatian. Contohnya pensyarah-penyelia B mengucapkan terima kasih sambil bersalam dengan GP4 dan GP5 sebagai tanda berakhirnya sesi penyeliaan.

Demikian juga data daripada dokumen catatan jurnal GP19, GP20 dan GP21 membuat catatan yang hampir sama sebagai mengulas penamatan proses penyeliaan. Berikut adalah catatan jurnal oleh GP20

“hari ini merupakan hari akhir saya diselia oleh pensyarah saya. Selepas ini bermakna berakhirlah komponen penting dalam kurikulum latihan perguruan saya iaitu komponen praktikum. Sepanjang menjalani tempoh praktikum banyak pengalaman pahit maung saya alami...segala-galanya selesai pada perkataan akhir pensyarah saya yang menyatakan ... saya amat berpuashati dengan pencapaian kamu ... selamat maju jaya dan awak boleh hubungi saya bila-bila masa walapun proses penyeliaan tamat hari ini”... DTR01(8/4)

Rumusannya pensyarah-penyelia praktikum GBKSR mengamal tatacara yang sistematik semasa menjalankan tugas penyeliaan praktikum GBKSR. Mereka membahagikan fasa-fasa penyeliaan kepada tiga fasa iaitu fasa sebelum, fasa semasa dan fasa selepas penyeliaan. Setiap fasa diisi dengan aktiviti tersendiri yang berbeza antara satu sama lain. Selain itu fokus penyeliaan juga diambil kira, mereka mengikut kesesuaian masa dan fasa penyeliaan. Gabungan antara fasa penyeliaan dan fokus aspek yang diselia menjadikan proses penyeliaan praktikum sistematik dan terancang. Hal ini menunjukkan pensyarah-penyelia praktikum GBKSR di IPG seorang yang praktikal dalam menjalankan tugas menyelia praktikum GBKSR. Hal ini boleh dilihat pada rajah pokok (Lampiran L)

#### 4.2.2 Bentuk-Bentuk Amalan Pensyarah-Penyelia GBKSR

Soalan kajian kedua: Apakah bentuk-bentuk amalan pensyarah-penyelia semasa menyelia praktikum GBKSR?

Bagi menjawab soalan kajian ini, sumber maklumat mengenai bentuk-bentuk amalan pensyarah-penyelia semasa menyelia praktikum GBKSR telah diperoleh melalui sumber pemerhatian, temu bual dan analisis dokumen. Huraian dapatan kajian dibuat secara terperinci bagi menjawab soalan kajian ini berdasarkan dapatan daripada data primer dan sekunder. Dapatan kajian untuk soalan kajian kedua menunjukkan munculnya enam kategori dan enam subkategori. Bahagian berikut adalah huraian terperinci mengenai dapatan tersebut.

Amalan merujuk kepada tingkah laku pensyarah-penyelia semasa menjalankan proses menyelia praktikum GBKSR. Amalan berlaku dalam dua bentuk iaitu lisan dan bukan

lisan. Hasil analisis data sumber pemerhatian, temu bual dan dokumen menunjukkan keseluruhan kategori amalan pensyarah-penyelia muncul sebanyak 324 kali. Data juga menunjukkan bentuk-bentuk amalan pensyarah-penyelia wujud dalam enam kategori. Kategori-kategori tersebut ialah (1) amalan mendidik muncul sebanyak 175 kali (54.0%), (2) amalan sebagai kaunselor 69 kali (21.6%), (3) amalan menilai 63 kali (19.41%), (4) amalan berunding 12 kali (3.7%), (5) amalan sebagai model empat kali (1.0%) dan (6) amalan mengarah satu kali (0.30%). Rajah pokok (Lampiran M) menunjukkan bentuk-bentuk amalan pensyarah-penyelia semasa menyelia praktikum GBKSR.

#### *4.2.2.1 Kategori amalan mendidik*

Mendidik merujuk kepada usaha-usaha membimbing seseorang dalam melakukan sesuatu perkara. Kategori amalan mendidik muncul sebanyak 175 kali (54.0%) dalam empat subkategori iaitu (1) peneguhan sebanyak 149 kali (85%), (2) menegur dan memberi cadangan 12 (6.9%), (3) memberi contoh 9 (5.2%) dan memberi ingatan 5 (2.9%). Jadual 4.15 menunjukkan kekerapan subkategori dalam amalan mendidik.

Jadual 4.15

Kekerapan Subkategoris dalam Amalan Mendidik

Bil	Subkkategori amalan mendidik	Kekerapan	Peratus
1	Memberi peneguhan	149	85.0
2	Menegur dan memberi cadangan	12	6.9
3	Memberi contoh	9	5.2
4	Memberi ingatan	5	2.9
Jumlah		175	100

### *Subkategori amalan memberi peneguhan*

Peneguhan merujuk kepada usaha pensyarah-penyelia memberi komen terhadap pencapaian guru pelatih. Analisis data menunjukkan amalan memberi peneguhan muncul dalam semua aspek penyeliaan oleh semua pensyarah-penyelia. Ianya muncul sebagai subkategori utama dalam kategori amalan mendidik iaitu 149 kali atau mewakili 85.0% daripada keseluruhan subkategori amalan mendidik. Hasil analisis data menunjukkan subkategori amalan peneguhan muncul dalam tiga bentuk iaitu lisan positif, gerak isyarat positif dan bertulis positif.

Amalan peneguhan lisan positif merujuk kepada percakapan pensyarah-penyelia yang berbentuk positif. Antaranya sebutan perkataan-perkataan seperti baik, bagus, ya, dan betul. Manakala gerak isyarat positif merujuk kepada pergerakan anggota pensyarah-penyelia yang bersifat positif. Ini termasuklah senyuman, anggukan kepala, menepuk tangan dan mengangkat ibu jari.

Amalan bertulis positif pula dijelmakan dalam bentuk tulisan. Hal ini kelihatan pada ulasan pensyarah-penyelia pada buku rekod aktiviti dan borang PR1/BK. Hasil analisis data menunjukkan ketiga-tiga bentuk amalan peneguhan ini berlaku serentak. Jadual 4.16 menunjukkan kekerapan subkategori amalan memberi peneguhan mengikut jenis penyeliaan.

Jadual 4.16.

Kekerapan Subkategori Peneguhan Mengikut Jenis Penyeliaan

Bil	Jenis Penyeliaan	Kekerapan	Peratus
1	Klinikal	51	34.2
2	Pentadbiran	69	46.3
3	Program	19	12.7
4	Kemahiran bimbingan dalam Kelas	10	6.8
	Jumlah	149	100

Jadual 4.16 menunjukkan amalan memberi peneguhan muncul sebanyak 51 kali (34.2%) dalam penyeliaan klinikal, 69 (46.3%) dalam penyeliaan pentadbiran, 19 (12.7%) dalam penyeliaan program dan 10 kali (6.71%) dalam penyeliaan kemahiran bimbingan di dalam kelas.

Jadual 4.17

Kekerapan Amalan Memberi Peneguhan Dalam Penyeliaan Klinikal

Bil	Elemen Penyeliaan Klinikal	Kekerapan	Peratus
1	Proses kaunseling	34	66.7
2	Kemahiran kaunseling	16	31.3
3	Aplikasi teori kaunseling	1	2.0
	Jumlah	51	100

Analisis data pemerhatian menunjukkan amalan memberi peneguhan dalam penyeliaan klinikal muncul dalam penyeliaan proses kaunseling, kemahiran kaunseling dan aplikasi teori. Kekerapan kemunculan pada elemen proses kaunseling sebanyak 34 kali (66.7%),

kemahiran kaunseling sebanyak 16 kali (31.3%) dan satu kali (2.0%) pada subkategori aplikasi teori. Hal ini boleh dilihat dalam Jadual 4.18.

Jadual 4.18

Kekerapan Subkategori Memberi Peneguhan Pada Elemen Proses Kaunseling

Bil	Elemen Proses Kaunseling	Kekerapan	Peratus
1	Membina hubungan	8	23.5
2	Meneroka masalah	8	23.5
3	Mengenal pasti masalah	10	29.5
4	Membuat keputusan	8	23.5
Jumlah		34	100

Jadual 4.18 menunjukkan amalan memberi peneguhan pada elemen membina hubungan, meneroka masalah dan membuat keputusan muncul sebanyak lapan kali (23.5%). Manakala pada elemen mengenal pasti masalah ianya muncul sebanyak 10 kali (29.5%). Jumlah keseluruhan kemunculan subkategori memberi peneguhan dalam proses kaunseling sebanyak 34 kali. Bahagian berikut memperincikan setiap subkategori tersebut.

*Subkategori amalan peneguhan dalam penyeliaan membina hubungan*

Analisis data daripada sumber pemerhatian menunjukkan amalan peneguhan muncul sebanyak lapan kali iaitu dua kali bagi setiap pensyarah-penyelia B, C, F dan G. Semasa menyelia guru pelatihnya, pensyarah-penyelia kelihatan tersenyum dan menganggukkan kepala dan pada masa sama kelihatan juga GP4 dan GP7 sedang menjalinkan hubungan

mesra dengan klien masing-masing. Serentak dengan itu, penyelidik mendengar pensyarah-penyelia melafazkan perkataan bagus secara perlahan bersama isyarat tangan.

Hal ini dibuktikan daripada analisis data temu bual apabila pensyarah-penyelia menjelaskan tujuan mereka berbuat demikian untuk memberi semangat dan motivasi serta penghargaan kepada guru pelatih mereka. Hasil analisis dokumen menyokong dapatan ini. Nota lapangan penyelidik mendapati ada persamaan antara jawapan daripada pensyarah-penyelia dengan pemikiran penyelidik tentang amalan dan tujuan peneguhan diberikan.

Dapatan ini diperkuuhkan dengan data daripada sumber dokumen iaitu buku rekod aktiviti kepunyaan GP4 dan GP7 yang menunjukkan pensyarah-penyelia B mengucapkan tahniah atas kejayaan menjalin hubungan baik dengan klien. Hal ini disokong data analisis dokumen kedua iaitu borang PR1/BK. Pensyarah-penyelia B dan F menggunakan perkataan tahniah untuk memberi peneguhan kepada guru pelatihnya manakala pensyarah-penyelia C pula menulis perkataan syabas sebagai respon positif terhadap GP7.

#### *Subkategori amalan peneguhan dalam penyeliaan meneroka masalah*

Amalan memberi peneguhan muncul sebanyak lapan kali dalam penyeliaan penerokaan masalah iaitu dua kali bagi setiap pensyarah-penyelia C, E, F dan G. Analisis data pemerhatian menunjukkan pensyarah-penyelia C, E, F dan G kelihatan tersenyum dengan wajah ceria sewaktu membuat penyeliaan elemen meneroka masalah dan pada masa sama pensyarah-penyelia mengucapkan tahniah dan syabas kepada guru pelatih masing-masing. Hal ini disokong oleh data sumber temu bual apabila pensyarah-penyelia menjelaskan

memang cara mereka memberi penghargaan kepada orang lain melalui senyuman dan ucapan yang manis. Hal ini disokong oleh kata-kata pensyarah-penyelia E dalam temu bual bersama penyelidik seperti berikut:

“...guru ini baru memasuki bidang profesion perguruan dan ini merupakan penyeliaan pertama, jadi apa sahaja yang boleh membantu memberi kekuatan kepada mereka harus kita beri...” RE(1)I-28/1(80-83).

Analisis dokumen borang PR1/BK menyokong dapatan ini. Penyelidik mendapati pensyarah-penyelia C tetap memberi peneguhan dengan mengucapkan tahniah kepada GP8 walaupun pada masa sama dia mengharapkan penambahbaikan terhadap elemen meneroka masalah. Selain itu dapatan ini disokong oleh data daripada sumber pemerhatian.

Penyelidik mendengar pensyarah-penyelia C mengucapkan perkataan berikut dalam satu perbincangan dengan GP8:

Penyelia C: “ ...tahniah awak berjaya mengadakan sesi kaunseling dengan baik...” RC(2)O-22/2(3).

Demikian juga data daripada sumber analisis dokumen membantu menguatkan dapatan ini apabila pensyarah-penyelia C memberi komen seperti berikut terhadap pencapaian GP8:

“...tahniah...umumnya proses kaunseling berjalan dengan lancar... ”  
DR07-(25/1)

Kesimpulan tersebut disokong oleh hasil analisis dokumen. Contohnya catatan jurnal kepunyaan GP16 dan GP19 mencatatkan bahawa mereka berasa senang hati berada di

bawah pensyarah-penyelia masing-masing apabila banyak unsur-unsur peneguhan semasa menyelia. Hal ini membantu menaikkan semangat untuk terus belajar.

*Subkategori amalan peneguhan dalam penyeliaan mengenal pasti masalah*

Subkategori peneguhan muncul sebanyak 10 kali dalam penyeliaan mengenal pasti masalah. Hasil analisis data mendapati pensyarah-penyelia A, B, D, E dan G menzahirkan peneguhan terhadap guru pelatih mereka yang berjaya menunjukkan kebolehan mengenal pasti masalah klien masing-masing. Hal ini muncul pada pemerhatian pertama bagi pensyarah-penyelia di atas. Data daripada sumber pemerhatian pensyarah-penyelia A menunjukkan beliau tersenyum sambil menggangukkan kepala sewaktu melihat GP1 berkeadaan kaku sewaktu sedang menjalankan sesi kaunseling.

Data ini disahkan melalui analisis temu bual. Penyelidik bertanyakan sebab pensyarah-penyelia sentiasa tersenyum walaupun pada ketika itu guru pelatih bimbangannya tidak mampu meneruskan sesi kaunseling. Menjawab soalan ini, pensyarah-penyelia E memaklumkan bahawa dia sengaja tersenyum pada ketika GP1 gagal bercakap untuk mengelak guru pelatih berasa malu kepada klien dan kepadanya sendiri sebagai pensyarah-penyelia. Apatah lagi pensyarah-penyelia dilihat sebagai seorang yang penting kerana boleh menentukan lulus atau gagal seseorang guru pelatih dalam praktikum. Hal ini mengikut pengalamannya, dia pernah bertemu dengan guru pelatih seperti itu tetapi kembali normal selepas mengetahui beliau memberi respon positif terhadap kegagalannya.

Kesimpulan ini disokong data yang diperoleh melalui analisis dokumen. Dalam semakan jurnal kepunyaan GP14 catatannya seperti berikut:

“...pada suatu ketika saya berasa betul-betul serba salah sama ada nak hentikan sesi atau teruskan saja sesi tersebut, namun setelah memikirkan sebaik mungkin dan setelah terpandang pada pensyarah-penyelia yang tersenyum dan menganggukkan kepala serta isyarat tangan supaya meneruskan sesi, saya gagahi juga ... pengalaman ini cukup berguna pada saya...” DTR01-(28/1)

Demikian juga data yang diperoleh daripada sumber dokumen kepunyaan GP8, GP16 dan GP19 di bawah penyeliaan pensyarah-penyelia C, F dan G. Analisis yang dibuat ke atas borang PR1/BK milik guru pelatih masing-masing menunjukkan berlaku amalan peneguhan oleh pensyarah-penyelia mereka. Contohnya pensyarah-penyelia C mengucapkan tahniah dan syabas di atas kejayaan GP8 dapat mengenal pasti masalah klien dengan baik. Hal ini disokong oleh data daripada pemerhatian yang menunjukkan pensyarah-penyelia berkenaan memberi isyarat bagus dengan menggunakan ibu jari.

Demikian juga data pemerhatian pada pensyarah-penyelia G. Hasil pemerhatian yang dijalankan penyelidik mendapati amalan yang hampir sama dilakukan oleh pensyarah-penyelia G. Beliau telah melafazkan ucapan tahniah dan mengangkat ibu jari kepada GP19 sebaik sahaja selesai sesi kaunseling. Analisis terhadap dokumen guru pelatih mengesahkan maklumat ini. Contohnya jurnal GP17 yang menulis tentang perasaannya yang cukup seronok dan puas terhadap sesi penyeliaan yang dijalankan apabila diberi pujian sedemikian rupa oleh pensyarah-penyelia sendiri.

### *Elemen amalan peneguhan dalam penyeliaan membuat keputusan*

Amalan memberi peneguhan juga muncul pada penyeliaan elemen proses membuat keputusan. Hal ini berlaku sebanyak lapan kali. Secara puratanya setiap pensyarah-penyelia mempraktikkan dua amalan peneguhan dalam penyeliaan mereka. Aspek ini muncul pada pensyarah-penyelia A, C, D dan G. Hal ini diperhatikan dalam pemerhatian pertama bagi pensyarah-penyelia A dan D. Manakala bagi pensyarah-penyelia C elemen peneguhan muncul pada pemerhatian ketiga. Bagi pensyarah-penyelia G pula ianya muncul pada pemerhatian dua. Analisis data mendapati hal ini muncul dalam pemerhatian, temu bual dan analisis dokumen.

Data daripada sumber pemerhatian pertama bagi pensyarah-penyelia A dan D membuktikan perkara ini. Ini diperhatikan melalui tindakan kedua-dua pensyarah-penyelia menganggukkan kepala dan serentak dengan itu juga diperhatikan mulutnya mengucapkan perkataan tahniah. Angukan kepala dan ucapan tahniah ini ditujukan kepada GP2 dan GP12 yang telah berjaya melalui proses membuat keputusan dengan baik dalam sesi kaunseling bersama kliennya.

Data daripada temu bual turut menyokong pernyataan ini. Contohnya pensyarah-penyelia C menjelaskan bahawa memang menjadi amalannya untuk memberi peneguhan kepada guru pelatih yang sedang melaksanakan sesuatu tugas. Dalam temu bual tersebut pensyarah-penyelia C menyatakan:

“... memanglah saya akui saya memberi peneguhan positif kepada cikgu (guru pelatih) tadi...sebab ianya penting bagi membangkitkan semangat mereka...” RC(1)I-25/1(77-80).

Data daripada analisis dokumen mengesahkan dapatan ini. Hal ini diperhatikan selepas penyelidik membuat semakan nota lapangan kepunyaan penyelidik seperti berikut:

...saya berasakan proses kuTipsan data pada hari ini amat berjaya. Ini kerana saya dapat perhatikan bahawa pensyarah-penyelia telah menjalankan tugas mereka dengan profesional. Mereka dapat menghayati dan menyelami perasaan seorang guru pelatih yang sedang mengikuti latihan praktikum. Mereka memerlukan sokongan kuat daripada pensyarah-penyelia mereka, terutamanya pada saat awalan praktikum seperti ini. Dan jelas senyuman, anggukkan kepala dan beberapa *golden words* yang diberikan mereka telah melonjakkan motivasi guru pelatih . . . itu antara yang saya Nampak . . . DTR04-(11/3)

#### *Kategori amalan peneguhan dalam penyeliaan kemahiran kaunseling*

Amalan peneguhan juga berlaku pada elemen penyeliaan kemahiran kaunseling. Analisis data menunjukkan bahawa terdapat tiga elemen kemahiran kaunseling yang menerima peneguhan daripada pensyarah-penyelia. Elemen-elemen tersebut ialah kemahiran membuat refleksi, kemahiran menyoal dan kemahiran membuat rumusan. Jadual 4.19 menunjukkan kekerapan elemen amalan peneguhan pada kemahiran kaunseling.

Jadual 4.19

#### **Kekerapan Subkategori Amalan Peneguhan Pada Elemen Kemahiran Kaunseling**

Bil	Elemen Kemahiran Kaunseling	Kekerapan	Peratus
1	Refleksi	8	50.0
2	Menyoal	4	25.0
3	Membuat rumusan	4	25.0
	Jumlah	16	100

Jadual 4.19 menunjukkan subkategori amalan peneguhan paling banyak berlaku pada penyeliaan kemahiran refleksi iaitu sebanyak lapan kali (50%) manakala pada penyeliaan kemahiran menyoal dan membuat rumusan masing-masing muncul empat kali atau mewakili 25%. Data daripada sumber pemerhatian menunjukkan amalan peneguhan berlaku sebanyak dua kali bagi pensyarah-penyelia A, B, D dan F. Hal ini dilihat pada pemerhatian kedua.

Analisis data daripada sumber pemerhatian mendapati keempat-empat pensyarah-penyelia tersebut tersenyum manis dan mengucapkan tahniah dan syabas kepada guru pelatih masing-masing selepas mereka berjaya menunjukkan kefahaman terhadap penjelasan yang diberikan pensyarah-penyelia masing-masing. Dapatan ini disokong oleh analisis dokumen jurnal kepunyaan GP2 yang menyatakan dia menjadi lebih bersemangat walaupun menghadapi kesukaran memahami maksud refleksi isi dan refleksi perasaan.

#### *Subkategori amalan peneguhan dalam penyeliaan kemahiran menyoal*

Demikian juga data pemerhatian menunjukkan amalan memberi peneguhan berlaku pada penyeliaan kemahiran menyoal. Hal ini muncul sebanyak empat kali iaitu masing-masing dua kali pada pensyarah-penyelia D dan G. Ia jelas kelihatan pada pemerhatian kedua pensyarah-penyelia berkenaan. Pensyarah-penyelia D dan G sentiasa tersenyum semasa melaksanakan penyeliaan. Hal ini membuktikan amalan peneguhan dipraktikkan mereka. Kesimpulan ini disokong oleh data yang diperoleh melalui analisis dokumen. Catatan jurnal oleh GP11 dan GP19 menjelaskan mereka berasa senang hati berada di bawah bimbingan pensyarah-penyelia masing-masing. Ini kerana pensyarah-penyelia memahami keperluan

mereka sebagai GBKSR dalam latihan. Amalan positif yang ditunjukkan pensyarah-penyelia menambahkan lagi minat untuk meneruskan praktikum dengan cemerlang.

*Subkategori amalan peneguhan dalam penyeliaan kemahiran membuat rumusan*

Amalan memberi peneguhan juga berlaku dalam elemen membuat rumusan. Data daripada sumber pemerhatian menyokong pernyataan di atas. Analisis data menunjukkan ianya muncul sebanyak empat kali iaitu masing-masing dua kali pada pemerhatian kedua pensyarah-penyelia C dan G. Data sumber dokumen menjelaskan pensyarah-penyelia C mengucapkan tahniah dan syabas kepada GP9 sebagai penghargaan terhadap kemampuan melaksanakan ceramah keibubapaan dengan baik. Hal ini disokong oleh dapatan daripada analisis dokumen iaitu borang PR1/BK. Demikian juga data dari sumber pemerhatian menunjukkan pensyarah-penyelia G telah memberi kata-kata semangat pada GP21 untuk meneruskan usaha-usaha membuat rumusan yang baik dalam sesi kaunseling kendalianya pada masa-masa akan datang.

*Subkategori amalan peneguhan dalam penyeliaan aplikasi teori kaunseling*

Selain daripada muncul dalam aspek proses dan kemahiran kaunseling subkategori amalan memberi peneguhan juga muncul dalam aspek aplikasi teori. Kemunculan pada aspek aplikasi teori hanya sekali sahaja iaitu pada pemerhatian tiga pensyarah-penyelia B. Data daripada sumber pemerhatian menunjukkan pensyarah-penyelia B memberi ucapan syabas dan tahniah terhadap pencapaian baik GP6 semasa mengaplikasi teori REBT dalam sesi kaunselingnya. Hal ini disokong oleh pemerhatian penyelidik terhadap GP6. Wajah GP6

nampak ceria dan puas. Dapatan daripada analisis dokumen mengukuhkan kesimpulan ini apabila penyelidik mendapati pensyarah-penyelia B memberi tahap pencapaian lima pada borang PR1/BK.

*Subkategori amalan peneguhan pada penyeliaan pentadbiran*

Seterusnya amalan memberi peneguhan didapati muncul dalam penyeliaan aspek pentadbiran. Jumlah kemunculannya sebanyak 69 kali. Hal ini dilihat pada semakan buku rekod aktiviti dan jurnal guru pelatih, sistem fail, pengurusan dan keceriaan bilik bimbingan dan kaunseling dan promosi perkhidmatan bimbingan dan kaunseling. Jadual 4.20 menunjukkan kekerapan elemen peneguhan pada penyeliaan pentadbiran.

Jadual 4.20

Kekerapan Subkategori Peneguhan Pada Penyeliaan Pentadbiran

Bil	Elemen Penyeliaan Pentadbiran	Kekerapan	Peratus
1	Buku rekod aktiviti dan jurnal	27	39.0
2	Sistem fail	24	35.0
3	Pengurusan dan keceriaan bilik B&K	14	20.2
4	Promosi perkhidmatan B&K	4	5.8
Jumlah		69	100

Jadual 4.20 menunjukkan amalan memberi peneguhan dalam aspek penyeliaan pentadbiran berlaku sebanyak 69 kali. Amalan ini paling banyak muncul pada aspek semakan buku rekod aktiviti dan jurnal iaitu sebanyak 27 (39.0%) diikuti dengan sistem fail 24 (35%),

pengurusan dan keceriaan bilik bimbingan dan kaunseling 14 (20.2%) dan promosi perkhidmatan bimbingan dan kaunseling empat kali (5.8%).

*Subkategori amalan peneguhan pada penyeliaan elemen buku rekod aktiviti*

Data pemerhatian menunjukkan amalan memberi peneguhan semasa semakan buku rekod aktiviti dan jurnal berlaku pada pemerhatian dua dan tiga oleh pensyarah-penyelia A,C, E, F dan G. Pada setiap kali pemerhatian didapati tiga kali peneguhan ditunjukkan oleh setiap pensyarah-penyelia kecuali pensyarah-penyelia G yang memberi peneguhan sekali sahaja. Hal ini disahkan melalui tindakan pensyarah-penyelia yang memberi ucapan tahniah di atas kemampuan guru pelatih mereka mengurus buku rekod aktiviti dan penulisan jurnal yang baik dan menepati tujuannya.

Dapatan ini disokong oleh sumber data analisis dokumen. Penyelidik membuat semakan pada dua jenis sumber dokumen iaitu buku rekod aktiviti dan borang PR1/BK mendapati mereka menerima ulasan yang positif dan berbentuk motivasi. Sebagai contoh, berikut adalah ulasan pada buku rekod aktiviti kepunyaan GP13:

“... satu catatan yang baik. Memenuhi keperluan mencatat buku rekod aktiviti harian. Kaedah yang sesuai dan boleh dijadikan contoh kepada guru-guru pelatih lain, teruskan ...” DR07-(4/3)

Manakala dapatan analisis dokumen borang PR1/BK kepunyaan GP19 menunjukkan beliau memperoleh pencapaian tahap lima, ulasan yang diberikan seperti di bawah:

“... amat baik dan memuaskan. Cemerlang dalam banyak aspek. Penulisan buku aktiviti dan jurnal mencapai standard ...” DR04-(11/3).

Dapatan temu bual mengesahkan kesimpulan ini. Temu bual penyelidik bersama pensyarah-penyelia D membuktikan bahawa GP10 wajar diberi peneguhan sebagai alat memotivasikanya.

*Subkategori amalan peneguhan dalam penyeliaan elemen sistem fail*

Amalan peneguhan semasa semakan sistem fail berlaku sebanyak 24 kali. Ini dapat diperhatikan pada pemerhatian pertama pensyarah-penyelia A, pemerhatian ketiga pensyarah-penyelia C, D, F dan G. Pensyarah-penyelia B memperlihatkan amalan peneguhan sebanyak dua kali iaitu pada pemerhatian kedua dan ketiga. Contoh amalan peneguhan dilihat pada pensyarah-penyelia C yang memuji sistem fail GP7, GP8 dan GP9 yang mantap. Pujian secara lisan dan disusuli dengan isyarat tangan itu disertai dengan senyuman. Data daripada sumber dokumen mengesahkan dapatan ini. Hal ini dibuktikan dengan penilaian tahap lima diberikan oleh pensyarah-penyelia A, C dan E. Analisis dokumen milik GP6, GP10, GP16 dan GP19 menyokong kesimpulan ini. Mereka memperoleh penilaian tahap empat. Hal ini disahkan oleh dapatan analisis data temu bual. Pensyarah-penyelia E telah memaklumkan kepada penyelidik bahawa menjadi amalan dia memberi peneguhan semasa menyelia guru-guru pelatih. Ini selaras dengan kata-katanya seperti berikut:

“... tuan boleh tengok sendiri hasil kerja guru pelatih saya, fail-fail disusun rapi, lengkap dengan nombor rujukannya sekali ... kemas dan teratur... kenapa saya tak patut puji lagi...kalau macam ini ...” RE(2)I-4/3(78-81).

Dapatan ini disokong oleh hasil analisis dokumen kepunyaan GP1. Tinjauan pada jurnal GP1 mendapati ada menyebut tentang implikasi aspek peneguhan terhadap semangat kerjanya. Catatannya adalah seperti berikut:

“...peringkat awalnya saya gementar juga, maklumlah ini penyeliaan pertama yang saya terima. Gementar kerana saya akui sistem fail saya tidaklah okay sangat . . . cukup makan sahaja. namun kata-kata semangat dan ucapan positif pensyarah-penyelia saya membuatkan saya teruja dan yakin pada kebolehan saya ...” DTR01-(20/1)

*Subkategori amalan peneguhan dalam penyeliaan pengurusan dan keceriaan bilik bimbingan dan kaunseling*

Amalan peneguhan juga muncul dalam aspek penyeliaan pengurusan dan keceriaan bilik bimbingan dan kaunseling. Data daripada sumber pemerhatian mendapati muncul tujuh pemerhatian yang memperlihatkan amalan memberi peneguhan oleh pensyarah-penyelia. Hal ini berlaku pada pemerhatian ketiga ketujuh-tujuh pensyarah-penyelia. Pada setiap pemerhatian amalan peneguhan muncul sebanyak dua kali. Pensyarah-penyelia B contohnya memberi pujian kepada GP4, GP5 dan GP6 kerana berjaya menghiaskan bilik bimbingan dan kaunseling dengan baik. Hal ini disokong oleh analisis data pemerhatian. Penyelidik memerhatikan gerak-geri pensyarah-penyelia B yang memberi isyarat baik menggunakan ibu jari dan anggukan kepala serentak selepas berpuas hati dengan GP4, GP5 dan GP6 yang berjaya menghias bilik bimbingan dengan kemas dan teratur. Hal ini disokong oleh analisis dokumen kepunyaan GP16, GP17 dan GP18 yang berada di bawah seliaan pensyarah-penyelia F.

Hasil semakan buku rekod aktiviti mereka didapati pensyarah-penyelia F menulis seperti berikut:

“... tahniah, saya berpuashati dengan pengurusan dan keceriaan bilik bimbingan...teruskan persembahan baik ini ...” DR07-(8/4)

*Subkategori amalan peneguhan dalam penyeliaan elemen promosi perkhidmatan bimbingan dan kaunseling*

Analisis data menunjukkan amalan memberi peneguhan muncul semasa penyeliaan aspek promosi perkhidmatan bimbingan dan kaunseling. Kemunculannya sebanyak empat kali. Hal ini berlaku pada pemerhatian kedua bagi pensyarah-penyelia E dan pemerhatian ketiga pensyarah-penyelia F. Setiap pemerhatian menampakan dua kali peneguhan diberikan oleh pensyarah-penyelia. Contohnya pensyarah-penyelia E menguntum senyuman semasa melihat-lihat bahan-bahan yang dijadikan alat untuk mempromosi perkhidmatan bimbingan dan kaunseling. Serentak dengan itu GP13, GP14 dan GP15 kelihatan puas. Hal ini diperhatikan melalui keceriaan pada wajah mereka.

Dapatan di atas disokong oleh data daripada analisis dokumen. Semakan dokumen kepunyaan GP16, GP17 dan GP18 menunjukkan pensyarah-penyelia F memberi peneguhan. Hal ini terpapar pada borang penilaian PR1/BK kepunyaaan GP16 seperti berikut:

“... baik, teruskan usaha-usaha anda untuk mempromosi unit bimbingan dan kaunseling sekolah ini. Satu perkembangan baik. Anda telah berjaya memain peranan sebagai GBKSR yang efektif dalam aspek ini ...” DR04-(8/4)

.

Hal ini disokong oleh dapatan analisis temu bual bersama pensyarah-penyelia E seperti berikut:

“... samalah dengan kita sendiri sebagai guru pelatih dulu ... kan kalau dipuji tu naik semangat sikit. Itulah yang saya amalkan dengan guru pelatih saya sejak menjadi pensyarah di sini...” RE(2)I-4/3(68-71)

#### *Subkategori amalan peneguhan dalam penyeliaan program*

Analisis data menunjukkan berlakunya amalan peneguhan dalam penyeliaan program sebanyak 19 kali iaitu enam kali pada penyeliaan menghasilkan kertas kerja, empat kali semasa penyeliaan program keibubapaan dan sembilan kali pada penyeliaan pameran pendidikan kerjaya. Contohnya data daripada sumber pemerhatian menunjukkan amalan memberi peneguhan berlaku semasa penyeliaan menghasilkan kertas kerja pendidikan pencegahan dadah sebanyak dua kali iaitu pada pemerhatian dua bagi penyelia D dan F. Demikian juga pensyarah-penyelia A memperlihatkan amalan peneguhan sebanyak dua kali pada pemerhatian tiga.

Data daripada analisis dokumen menunjukkan amalan peneguhan dipraktikkan oleh pensyarah-penyelia F semasa membuat semakan kertas kerja yang dihasilkan oleh GP16, GP17 dan GP18. Antara ulasan yang muncul pada pada kertas kerja tersebut ialah tahniah, baik dan menepati format penulisan kertas kerja sebenar. Data daripada analisis temu bual bersama pensyarah-penyelia A menyokong dapatan tersebut. Beliau menjelaskan bahawa dia berpuashati dengan perancangan yang dibuat oleh GP1, GP2 dan GP3 dalam

menghasilkan kertas kerja pendidikan pencegahan dadah. Itulah sebabnya dia selalu memberi puji pada mereka bertiga. Analisis data sumber dokumen iaitu borang PR1/BK:

“...tahniah dan syabas. Amat baik, cemerlang dalam banyak aspek...” DR04-(31/3)

Demikian juga halnya berlaku pada penyeliaan ceramah keibubapaan. Pemerhatian kedua yang dibuat ke atas pensyarah-penyelia A dan pemerhatian ketiga pada pensyarah-penyelia C jelas menonjolkan amalan peneguhan. Analisis data pemerhatian menunjukkan bahawa pensyarah-penyelia C memberi peneguhan kepada GP7 yang berjaya menyampaikan ceramah keibubapaan dengan agak baik. Hal ini disokong oleh analisis data pemerhatian. Penyelidik mendengar pensyarah-penyelia C mengucapkan kata-kata berikut pada GP7:

“... okay ... tahniah cikgu. Cikgu dapat menyampaikan ceramah dengan agak baik ...” RC(3)O-10/4(10)

Dapatan ini disahkan melalui analisis data temu bual. Hasil temu bual bersama pensyarah-penyelia C mendapati memberi peneguhan menjadi sebahagian daripada amalannya. Apabila ditanya tentang rasional memberi peneguhan kepada GP7 sedangkan dia hanya melaksanakan ceramah dengan agak baik, beliau memberi jawapan berikut:

“...betullah dia belum mampu menjadi penceramah terbaik, dia dalam proses belajar. Justeru dia perlu diberi peneguhan supaya motivasinya meningkat. Sekurang-kurangnya menjadi pendorong untuk terus belajar dengan lebih tekun lagi...” RC(3)I-10/3(66-70)

Data daripada sumber pemerhatian mendapati amalan peneguhan diberikan semasa penyeliaan pameran pendidikan kerjaya. Hal ini dilihat menonjol pada pemerhatian kedua

bagi pensyarah-penyelia G dan pemerhatian kedua dan ketiga pada pensyarah-penyelia B. Analisis data pemerhatian menunjukkan kedua-dua pensyarah-penyelia melahirkan rasa puas hati di atas inisiatif yang ditunjukkan oleh GP4 dan GP19. Hal ini terbukti melalui keceriaan wajah kedua-dua pensyarah-penyelia tersebut. Dapatan ini disahkan melalui data tembual. Contohnya pensyarah-penyelia B menjelaskan bahawa ia teruja dengan GP4, GP5 dan GP6 yang dapat menjalankan aktiviti pameran pendidikan kerjaya dengan baik. Hal ini disokong oleh data analisis dokumen. Semakan buku rekod aktiviti pelajar menunjukkan bahawa pensyarah-penyelia B membuat ulasan seperti berikut:

“...satu usaha yang amat baik yang ditemui sepanjang pengalaman menyelia praktikum GBKSR. Ini menggambarkan komitmen tinggi daripada pihak cikgu...tahniah” DR07-(1/3)

*Subkategori menegur dan memberi cadangan.*

Menegur dan memberi cadangan merujuk kepada komen yang dibuat terhadap sesuatu dan disusuli dengan penambahbaikan. Matlamat teguran dan cadangan adalah untuk memastikan berlaku proses penambahbaikan terhadap sesuatu aspek. Hasil analisis data mendapati elemen ini muncul sebanyak 16 kali. Kewujudan elemen menegur dan memberi cadangan dikesan pada penyeliaan klinikal, penyeliaan program dan penyeliaan kemahiran bimbingan dalam kelas. Elemen ini wujud sebanyak empat kali bagi penyeliaan kemahiran bimbingan dalam kelas.

Manakala bagi penyeliaan klinikal elemen ini muncul sebanyak lapan kali iaitu empat kali bagi elemen proses kaunseling dan empat kali bagi elemen kemahiran kaunseling. Data daripada sumber pemerhatian menunjukkan elemen menegur dan memberi cadangan

berlaku serentak. Ini bermaksud setiap teguran yang dibuat oleh pensyarah-penyelia disusuli dengan cadangan tertentu. Data pemerhatian menunjukkan bahawa elemen ini muncul sebanyak empat kali dalam kemahiran mencatat nota dan menghadapi peperiksaan. Bahagian seterusnya adalah huraian terperinci mengenai amalan menegur dan memberi cadangan dalam penyeliaan proses kaunseling.

#### *Subkategori amalan menegur dan memberi cadangan dalam membina hubungan*

Menegur merujuk kepada tingkah laku penyelia membuat pembetulan terhadap kesilapan yang dilakukan oleh pelatihnya. Teguran boleh berlaku dalam bentuk lisan dan bukan lisan. Data pemerhatian menunjukkan pensyarah-penyelia F menegur GP16 apabila GP16 menggunakan beberapa perkataan yang kurang sesuai dengan konteks ataupun dengan isu yang dibincangkan. Teguran ini diperhati dan didengar penyelidik di dalam majlis perbincangan yang diadakan. Teguran yang diberikan adalah seperti berikut:

“...maafkan saya cikgu, saya nak perbetulkan sikit. Tadi dalam proses penyeliaan tadi cikgu telah tersilap apabila cikgu memanggil klien dengan panggilan engkau. Cikgu juga berada pada kedudukan yang agak jauh dengan klien cikgu. Cikgu perlu betulkan kedudukan supaya menjadi “L shape” dan jarak dengan antara cikgu dengan klien sekitar 1.5 meter, jangan terlalu jauh dan jangan terlalu dekat. Ini penting untuk mewujudkan hubungan cemerlang dan mesra antara cikgu dengan klien ... okay” DTR04(11/3)

Hal ini disokong oleh analisis data temu bual bersama pensyarah-penyelia B. Kata beliau:

“...jadi semasa dia menjalankan sesi tersebut. Ada perkara-perkara yang dilakukan kesilapan oleh pelatih. Jadi saya menegur...contohnya dari segi bagaimana dia membuat hubungan...kita mesti sentiasa tenang dan bermanis muka apabila berhadapan dengan klien, kedudukan badan juga penting...” RB(2)-I-18/2-(70-74)

Manakala data daripada analisis dokumen menunjukkan bahawa pensyarah-penyelia membuat catatan seperti berikut:

...pastikan cikgu tidak melakukan kesilapan pada masa yang akan datang. Jaga kedudukan, perlakuan bukan lisan dan perkataan yang digunakan semasa membina hubungan dengan klien ... DR01- 20/1

*Subkategori amalan menegur dan memberi cadangan dalam kemahiran membuat rumusan*

Subkategori menegur dan memberi cadangan juga muncul dalam penyeliaan membuat rumusan. Hal ini diperhatikan melalui data daripada sumber pemerhatian dua pensyarah-penyelia C, iaitu sewaktu menjalankan tugas menyelia kemahiran membuat rumusan. Hal ini dilihat melalui teguran yang disampaikan oleh pensyarah-penyelia C pada GP9 dalam perbincangan yang diadakan. Dalam perbincangan tersebut pensyarah-penyelia membuat teguran atas kesilapan yang dilakukan GP9 yang terlalu banyak membuat rumusan. Selain itu kesilapan juga dikesan oleh pensyarah-penyelia apabila GP9 keliru antara rumusan kecil dengan rumusan besar. Hal ini diperkuuh melalui data daripada sumber temu bual. Pensyarah-penyelia memberi jawapan berikut kepada soalan penyelidik yang ingin kepastian amalan menegur terhadap kesilapan yang dilakukan pelatihnya.

Respon yang diberikan adalah seperti berikut:

“...memang dalam penyeliaan tadi, kalau tuan (penyelidik) perasan, tuan dapat perhatikan saya banyak memberi fokus kepada aspek kemahiran membuat rumusan. Sebagai contoh tadi ... kan ... saya ada membuat teguran apabila pelatih saya membuat rumusan yang silap. Dia masih keliru tentang perbezaan maksud rumusan kecil dan rumusan besar. Selain itu dia tidak faham juga bila masanya nak buat kedua-dua rumusan tersebut. Ini tak boleh jadi ni” RC(2)I-22/2 (60-65)

Demikian juga semakan terhadap dokumen buku rekod aktiviti pelatihnya. Pensyarah-penyelia memberi ulasan seperti berikut:

... diharapkan semoga cikgu belajar daripada kesilapan. Pastikan anda dapat bezakan antara rumusan kecil dengan rumusan besar. Rumusan kecil boleh berlaku beberapa kali tetapi rumusan besar hanya dibuat sekali sahaja iaitu pada hujung sesi ... apapun tahniah ..." DR07-(22/2)

*Subkategori amalan menegur dan memberi cadangan dalam penyeliaan proses membuat keputusan*

Data daripada sumber pemerhatian menunjukkan pensyarah-penyelia C membuat teguran dan ulasan apabila guru pelatihnya silap melaksanakan proses membuat keputusan. Bahkan beliau tidak jemu-jemu memberi bimbingan dan contoh cara menyempurnakan fasa membuat keputusan. Contoh teguran yang dibuat oleh pensyarah-penyelia C adalah seperti berikut:

“ ... (guru pelatih) awak tidak boleh buat begitu... mengambil tindakan bermaksud ..... jadi dalam kes tadi Din (nama klien) kena dibantu macamana kaedah yang boleh diambilnya (Din) untuk merapatkan semula hubungannya yang renggang dengan ayahnya... awak boleh sarankan contohnya.. balik dari sekolah tengah hari nanti terus ke rumah, dan cium tangan ayahnya.. sambil minta maaf. Kan dalam perbincangan tadi dia mengaku tidak pernah berbuat seperti itu sebelum ini” RC(3)O -22/2(6)

Hal ini diperkuuh dengan analisis dokumen. Dalam ruangan ulasan pensyarah-penyelia menulis seperti berikut:

... kesilapan yang dilakukan semasa proses mengambil keputusan tadi adalah perkara biasa. Ingat teguran tadi.. tindakan yang hendak diambil biar selari dengan masalah dan realistik pada kaca mata murid... ”DR07-22/2.

Demikian juga halnya dengan pensyarah-penyelia G. Analisis data sumber pemerhatian menunjukkan wujud amalan memberi teguran dan memberi cadangan dalam sesi penyeliaan. Hal ini terbukti dengan analisis data pemerhatian. Pensyarah-penyelia G telah membuat teguran terhadap kesilapan yang dilakukan GP21 semasa menjalankan proses membuat keputusan.

*Subkategori memberi contoh*

Amalan memberi contoh merujuk kepada usaha-usaha yang diambil oleh pensyarah-penyelia untuk memberi contoh kepada guru pelatih. Tujuan amalan memberi contoh untuk memberi kefahaman lebih kepada guru pelatih dalam melakukan sesuatu perkara. Elemen memberi contoh muncul sebanyak sembilan kali, iaitu tiga kali dalam penyeliaan program dan enam kali dalam penyeliaan kemahiran kaunseling. Analisis data menunjukkan elemen memberi contoh muncul sebanyak satu kali dalam penyeliaan menghasilkan kertas kerja dan dua kali dalam penyeliaan program keibubapaan.

Manakala bagi kemahiran kaunseling subkategori memberi contoh muncul sebanyak dua kali dalam kemahiran menyoal dan empat kali dalam kemahiran membuat refleksi. Analisis data menunjukkan subkategori memberi contoh muncul paling banyak pada penyeliaan kemahiran membuat refleksi, iaitu masing-masing pada pemerhatian kedua bagi pensyarah-penyelia A,B,D dan F. Bagi kemahiran menyoal pula subkategori memberi contoh muncul sebanyak dua kali iaitu pada pemerhatian kedua bagi pensyarah-penyelia D dan G. Bagi penyeliaan program keibubapaan, subkategori ini muncul pada pemerhatian kedua bagi pensyarah-penyelia A dan pemerhatian tiga bagi pensyarah-penyelia C. Seterusnya

subkategori memberi contoh kelihatan pada pemerhatian kedua pada penyelia D iaitu ketika penyeliaan menghasilkan kertas kerja.

Analisis data temu bual menunjukkan subkategori memberi contoh berlaku dalam penyeliaan kemahiran refleksi. Contohnya pensyarah-penyelia A memberi contoh refleksi isi kepada GP1 seperti berikut :

“...jadi sekarang ini awak merancang untuk poteng kelas petang bagi membolehkan awak balik awal supaya bapa tidak marah...” RA(2)O-17/2(4 )

Hal ini disokong oleh analisis data temu bual bersama pensyarah-penyelia D. Beliau memberi contoh refleksi perasaan kepada GP10 seperti berikut :

“...sekarang awak berasa marah pada abang dan pada masa sama kecewa dengan sikap ibu bapa yang menyebelahi abang anda...” RD(2) I-4/3(3 )

*Subkategori memberi ingatan.*

Ingin merujuk kepada kebolehan seseorang dalam pemilihan dan penerimaan rangsangan sebagai maklumat dan pengalaman untuk disimpan dalam otaknya (Atan Long, 1978). Memberi ingatan merujuk kepada tingkah laku pensyarah-penyelia memberi peringatan terhadap sesuatu perkara. Tujuannya adalah untuk memastikan perkara-perkara yang tidak diingini daripada berlaku. Analisis data menunjukkan subkategori ini hanya wujud tiga kali iaitu sewaktu pemerhatian pertama pensyarah-penyelia F dan G dan pemerhatian kedua pada pensyarah-penyelia C.

*Subkategori memberi ingatan dalam membina hubungan*

Dapatan daripada analisis data menunjukkan subkategori amalan memberi ingatan dalam membina hubungan muncul sebanyak dua kali. Ini wujud daripada data pemerhatian pensyarah-penyelia D. Hal ini timbul sewaktu sesi kaunseling belum bermula lagi apabila penyelidik mendengar pensyarah-penyelia D mengingatkan GP6 dengan berkata:

“ ..ingat sewaktu nak mulakan sesi, (pada masa tersebut penyelia dan pelatih sedang menunggu kemasukan klien dalam bilik) jaga penampilan melalui wajah yang ceria, sentuhan fizikal dan pertentangan mata... ”  
RB(2)O-18/2(4)

Mendengar peringatan tersebut, GP6 mengangguk kepala tanda akur dan faham akan ingatan yang diberikan. Hal ini diperkuuh melalui data dari sumber temu bual. Peyelidik bertanyakan sebab peringatan itu diberikan sebelum sesi bermula. Pensyarah-penyelia D memberi jawapan bahawa dia mengenali guru pelatih tersebut sebagai seorang yang serius dan sukar untuk mengukir senyuman. Mengikut pensyarah-penyelia lagi, dengan memberi peringatan lebih awal diharap sesi menjadi lebih berkesan dan mencapai objektifnya.

Hal ini diperkuuhkan melalui data sumber dokumen kepunyaan GP6, pensyarah-penyelia B seperti berikut :

...ternyata peringatan yang saya beri lebih awal tentang perlu menampilkan wajah positif sewaktu nak mulakan sesi berhasil. Anda berjaya membina hubungan baik dengan klien melalui wajah yang ceria, dan sentuhan yang dilakukan ... ”DR07- (18/2).

Data ini diperkuuh dengan dapatan analisis dokumen berkaitan. Penyelidik telah membuat semakan jurnal GP6 dan ternyata pelatih tersebut memuji tindakan pensyarah-

penyelianya yang memberi ingatan awal tentang keperluan menjaga penampilan diri bagi mewujudkan hubungan baik dengan klien. Tulisan GP6 dalam jurnal adalah seperti berikut:

Hari ini saya anggap saya telah berjaya mewujudkan hubungan mesra dengan klien saya. Ini terbukti dengan kelancaran proses sesi bimbingan dengan murid saya. Saya berterimakasih kepada penyelia kerana mengingatkan saya lebih awal tentang perkatra itu ... DTR01-(18/2)

*Subkategori memberi ingatan dalam meneroka masalah*

Selain daripada membina hubungan, proses meneroka masalah juga melibatkan amalan memberi ingatan. Subkategori ini muncul dalam empat pensyarah-penyelia iaitu C, E, F dan G. Amalan ini dipraktikkan sewaktu pensyarah-penyelia menyelia pelatih yang sedang meneroka masalah kliennya. Hal ini terbukti daripada sumber pemerhatian yang menunjukkan pensyarah-penyelia memberi ingatan kepada pelatihnya yang tertinggal aspek-aspek yang perlu diteroka dalam sesi kaunseling yang dijalankan. Hal ini disahkan melalui data sumber temu bual dengan pensyarah-penyelia yang mengakui bahawa pelatihnya sebelum itu terlupa membuat penerokaan dari aspek-aspek tertentu. Contohnya pensyarah-penyelia C dan G menyatakan GP8 dan GP19 tertinggal meneroka aspek emosi klien manakala pensyarah-penyelia E dan F pula menjelaskan pelatih mereka terlupa bertanyakan secara mendalam punca permasalahan yang timbul. Hal ini masing-masing dapat dibuktikan berdasarkan perbualan berikut :

Pensyarah-penyelia C : "... cikgu awak terlupa untuk meneroka emosi klien tadi. saya nak ingatkan lain kali.. penerokaan terhadap emosi sangat penting jika klien datang mengadu masalah berkaitan dengan kecelaruan emosi kepada anda..." RC(2)O-22/2(4)

Demikian juga kata-kata pensyarah-penyelia G:

Pensyarah-penyelia G: "... awak perasaan tak apa yang awak tertinggal dalam sesi penerokaan tadi. Awak dah teroka pemikiran dia, punca masalah dia tapi awak terlupa soal kesan isu tersebut terhadap emosinya...dalam konteks ini kesediaan yang dialami klien tadi. Jadi saya nak ingatkan meneroka kesan emosi yang dialami klien sangat penting jika isu itu berkaitan dengan emosi.. sangat penting untuk diterokai." RG(1)O-8/2(4 )

#### *4.2.2.2 Kategori Amalan Sebagai Kaunselor*

Kategori amalan sebagai kaunselor muncul sebanyak 69 kali atau 21.6% daripada keseluruhan amalan penyelia semasa menyelia GBKSR. Kategori ini wujud dalam dua subkategori iaitu memberi maklum balas untuk peningkatan profesionalisme dan membantu guru pelatih menghadapi kebimbangan. Jadual 4.21 menunjukkan subkategori amalan sebagai kaunselor.

Jadual 4.21 :

#### *Subkategori Amalan Sebagai Kaunselor*

Bil	Subkategori Amalan Sebagai kaunselor	Kekerapan	Peratus
1	Memberi maklumbalas untuk peningkatan profesionalisme	65	94.2
2	Membantu menghadapi kebimbangan	4	5.8
Jumlah		69	100

Jadual 4.21 menunjukkan kekerapan subkategori sebagai kaunselor. Didapati subkategori memberi maklumbalas untuk peningkatan profesionalisme muncul sebanyak 65 kali

(94.2%) dan subkategori membantu guru pelatih menghadapi kebimbangan sebanyak empat kali atau 5.8%.

*Subkategori memberi maklumbalas untuk peningkatan profesionalisme.*

Memberi maklumbalas merujuk kepada usaha-usaha pensyarah-penyelia memberi reaksi terhadap perkembangan dalam aspek penyeliaan. Hasil analisis data menunjukkan subkategori ini muncul pada setiap kali berlangsungnya penyeliaan. Ini bermaksud setiap kali penyeliaan dilakukan semua pensyarah-penyelia mengadakan perbincangan dan memberi maklumbalas kepada guru pelatih masing-masing. Tujuannya adalah untuk melihat kekuatan dan kelemahan yang terdapat dalam aspek yang diselia. Matlamat akhir sesi memberi maklumbalas adalah untuk peningkatan amalan tingkah laku profesionalisme guru pelatih dalam semua aspek.

Subkategori memberi maklumbalas untuk peningkatan profesionalisme merupakan subkategori yang kerap muncul berbanding dengan subkategori membantu yang diselia menghadapi kebimbangan. Analisis data daripada pelbagai sumber membuktikan perkara ini. Data daripada sumber pemerhatian ke atas semua pensyarah-penyelia menunjukkan subkategori ini wujud. Hal ini berlaku dalam semua aspek penyeliaan sama ada penyeliaan klinikal, pentadbiran, program dan kemahiran bimbingan di dalam kelas.

Contohnya data daripada sumber pemerhatian dua yang dibuat pada pensyarah-penyelia C mengesahkan berlaku perbincangan antara pensyarah-penyelia dengan guru pelatih. Guru pelatih diberi maklum balas oleh pensyarah-penyelia mereka terhadap apa yang

dilaksanakan. Contohnya pensyarah-penyelia C memberi maklum balas kepada GP8 dalam aspek penerokaan masalah seperti berikut:

GP8: "... saya tak tahu macam mana nak teruskan sesi kaunseling tersebut. Maksud saya bila murid menyatakan ada masalah dengan ibu bapanya, saya fikir saya kena cepat-cepat bagi nasihat agar sesi cepat tamat..."

Pensyarah-Penyelia C: "...Ok macam ni... awak sepatutnya minta klien awak jelaskan lebih lanjut apa yang dimaksudkan dengan masalah dengan ibu bapanya... minta dia cerita dengan terperinci aspek apa, apa punca dan kesan kepada klien..." RC(2)O-22/2(4)

Begitu juga dengan analisis data temu bual pensyarah-penyelia D menunjukkan subkategori memberi maklumbalas untuk meningkatkan profesionalisme berlaku. Ini dibuktikan melalui perbualan berikut :

Penyelia: Ok ... sekarang kita bincang sikit pelaksanaan sesi bimbingan tadi. Saya nak fokuskan perbincangan ini dalam aspek kemahiran menyoal sepanjang sesi tadi.

GP11: Ok.... kemahiran menyoal ya encik..tak tahulah betul atau tidak teknik menyoal yang saya gunakan.

Pensyarah-Penyelia D:"...saya ada membuat analisis tentang amalan kemahiran menyoal kamu dalam sesi tadi..." RD(2)O-4/3(5)

#### *Subkategori membantu guru pelatih menghadapi kebimbangan*

Membantu guru pelatih menghadapi kebimbangan merujuk kepada usaha-usaha yang dilakukan oleh pensyarah-penyelia untuk memberi ketenangan kepada guru pelatih. Hasil

analisis data menunjukkan subkategori ini wujud satu kali sahaja iaitu sewaktu pensyarah-penyelia A memberi semangat kepada pelatihnya agar dapat menjalankan ceramah keibubapaan dengan baik. Hasilnya, perlatih dapat melakukan dengan baik walaupun pada awalnya pelatih menyatakan kebimbangannya terhadap keupayaan ceramahnya. Hal ini diperkuuhkan dengan analisis dokumen, penyelidik menyemak jurnal harian yang tertulis seperti berikut :

...Syukur pada awalnya... saya risau juga tapi ok akhirnya... DTR01-(17/2)

#### *4.2.2.3 Kategori Amalan Menilai*

Penilaian merupakan sebahagian daripada penyeliaan. Penilaian merujuk kepada ukuran tahap pencapaian seseorang dalam sesuatu perkara atau aspek. Kemunculannya terserlah pada semua peringkat dan pada semua penyeliaan.

Subkategori ini muncul sebanyak 63 kali atau 18.4% daripada tingkah laku pensyarah-penyelia. Amalan menilai muncul pada setiap kali proses penyeliaan berlangsung dan dilakukan oleh semua pensyarah-penyelia. Masanya ialah pada bahagian akhir sesi penyeliaan. Analisis data menunjukkan pensyarah-penyelia membuat penilaian berdasarkan aspek yang diselianya menggunakan borang PR1/BK. Hal ini disahkan oleh data analisis dokumen dan disokong oleh data temu bual bersama pensyarah-penyelia.

Penyelidik membuat analisis dokumen berkaitan iaitu catatan pensyarah pada buku rekod aktiviti guru pelatih dan borang PR1/BK. Proses penyeliaan yang dilakukan berakhir

dengan pensyarah-penyelia memberi penilaian pada tahap pencapaian tertentu. Terdapat lima tahap pencapaian yang menjadi panduan untuk pensyarah-penyelia membuat ukuran. Tahap tersebut ialah tahap 1 hingga 5. Setiap kali pensyarah-penyelia melaksanakan tugas menyelia iannya berakhir dengan penilaian. Sebagai contohnya pensyarah-penyelia F membuat penilaian terhadap tahap pencapaian pelatihnya dalam aspek kemahiran menyoal seperti berikut:

...pelajar menunjukkan pencapaian sederhana dalam aspek kemahiran menyoal. Boleh dipertingkatkan lagi dalam sesi yang akan datang. Cuba bezakan antara soalan tertutup dengan soalan terbuka. Harap buat rujukan dan bacaan susulan. DR04-(11/3)

Perkara ini diperkuuhkan dengan data temu bual yang diadakan antara penyelidik dengan pensyarah-penyelia F. Beliau membuat pengesahan bahawa penilaian merupakan tugas yang wajib dilakukan oleh pensyarah-penyelia setiap kali membuat penyeliaan. Kata-kata ini selaras dengan arahan yang dikeluarkan oleh BPG yang bertajuk “Garis Panduan Praktikum Latihan Perguruan Praperkhidmatan.”

Demikian juga halnya terserah pada data analisis dokumen pensyarah-penyelia C. Pensyarah-penyelia C telah membuat penilaian terhadap pencapaian GP8 pada tahap tiga bagi aspek penerokaan masalah. Analisis data daripada sumber temu bual membuktikan wujud subkategori ini. Contohnya pensyarah-penyelia C memberi respon seperti berikut:

“...nampak pada peringkat kedua bila masuk sesi kedua ni pandai dia bila masuk kedua ni saya nampak perubahan apabila tadi dia berjaya buat rumusan awal...” RC(2) I-22/2 (13-15)

Demikian juga sumber data yang diperoleh daripada pensyarah-penyelia lain. Semua pensyarah-penyelia yang ditemui bual menjelaskan perkara yang hampir sama dengan apa yang dijelaskan oleh pensyarah-penyelia F. Beliau menjelaskan bahawa membuat penilaian sudah menjadi tugas semua pensyarah setiap kali menyelia guru pelatih. Mereka memberi komen yang berbentuk penilaian dalam buku catatan aktiviti kepunyaan guru pelatih dan melengkapkan borang PR1/BK pada setiap kali menyelia. Analisis dokumen borang PR1/BK mengesahkan dapatan ini apabila penyelidik menyemak bagi memastikan setiap pensyarah-penyelia memiliki salinan borang PR1/BK.

#### *4.2.2.4 Kategori Amalan Berunding*

Amalan berunding merujuk kepada tingkahlaku pensyarah-penyelia berbincang dengan guru pelatih bagi menyelesaikan masalah yang dibangkitkan oleh guru pelatih mereka. Kategori ini muncul sebanyak 12 kali atau mewakili 3.7% daripada keseluruhan bentuk amalan pensyarah-penyelia.

Hal ini boleh dilihat pada hasil analisis pemerhatian. Penyelidik mendapati berlaku perundingan antara kumpulan GP16, GP17 dan GP18 dengan pensyarah-penyelia F. Perbincangan dijalankan berdasarkan bahan rakaman yang diperdengarkan. Fokusnya ialah pada kemahiran menyoal yang terdapat dalam rakaman tersebut. Apabila sampai kepada pelatih menyoal kliennya, rakaman diberhentikan. Didapati sebanyak empat kali rakaman diberhentikan. Ini bermakna empat kali pertanyaan timbul sepanjang sesi kaunseling. Pada masa tersebut pensyarah-penyelia bertanyakan pendapat guru pelatih mengenai kemahiran menyoal yang digunakan sama ada sesuai atau tidak.

Data pemerhatian menunjukkan pensyarah-penyelia berbincang dengan guru pelatihnya tentang pelaksanaan aktiviti pameran pendidikan kerjaya. Fokus perbincangan dua perkara. Pertama, tentang objektif program dan kedua, kesan yang bakal diperoleh pelajar hasil daripada aktiviti tersebut. Untuk menjawab persoalan tujuan program, pelatih memberi jawapan seperti berikut:

“Tujuan utama pameran pendidikan kerjaya adalah untuk memberi pendedahan maklumat tentang kerjaya yang ada di Malaysia, kedua adalah untuk meningkatkan semangat belajar dalam kalangan murid-murid dan ketiga untuk merapatkan hubungan pihak sekolah dengan agensi-agensi yang mengambil bahagian dalam pameran ini” DTR04- (11/3)

Seterusnya pensyarah-penyelia meminta guru pelatih memberi penjelasan bagaimana pameran pendidikan kerjaya ini dapat mencapai tiga objektif seperti yang digariskan. Pelatih menjawab secara panjang lebar untuk memberi penjelasan pada soalan yang dikemukakan oleh penyelianya. Tujuan pertama iaitu untuk memberi pendedahan pekerjaan kepada murid dapat dicapai melalui tinjaun pada kaunter pekerjaan. Ini kerana dalam majlis tersebut terdapat enam kaunter pekerjaan utama yang sedia ada iaitu kerjaya sebagai polis, jururawat, tentera, ahli bomba, doktor dan guru. Murid-murid diberi tugasan khusus oleh guru untuk mendapat maklumat tentang enam dunia pekerjaan tersebut.

Murid diminta mendapatkan maklumat tentang dunia pekerjaan tersebut melalui temu bual dengan penjaga kaunter yang bertugas, melalui gambar-gambar yang dipamerkan serta bahan-bahan edaran yang disediakan. Diharapkan dengan mengetahui banyak maklumat tentang dunia pekerjaan tersebut, murid-murid bersemangat untuk belajar bagi mencapai cita-cita yang diidamkan. Apabila hal ini terjadi maka tujuan utnuk membangkitkan semangat belajar dalam kalangan murid dapat dicapai. Seterusnya untuk mencapai objektif

ketiga agak mudah. Mengikut guru pelatih tersebut, apabila berlangsungnya majlis seperti ini sudah tentu pihak berkenaan dan pihak sekolah berhubung antara satu sama lain dan dijangka perhubungan ini akan bertambah erat apabila guru besar memberi persetujuan untuk menjadikan aktiviti pameran ini sebagai aktiviti tahunan. Hal ini disahkan melalui analisis dokumen buku rekod aktiviti guru pelatih. Pensyarah-penyelia memberi ulasan seperti berikut :

...satu usaha yang amat baik dan jarang ditemui sepanjang pengalaman saya menyelia latihan praktikum. Ini menggambarkan komitmen tinggi pada pihak cikgu. DTR07-11/3

Dapatan ini disokong oleh analisis data temu bual apabila pensyarah-penyelia memaklumkan beliau amat berpuashati dengan penyeliaan yang diadakan apabila ditanya penyelidik tentang tahap pencapaian pelatih yang diselia.

#### *4.2.2.5 Kategori Amalan Sebagai Model*

Model merujuk kepada tingkah laku mempamer sesuatu secara jelas dengan harapan akan diperhati seterusnya ditiru oleh orang yang melihat pameran tingkah laku tersebut. Melalui pemerhatian dan peniruan inilah diharapkan seseorang mendapat ilmu dan kemahiran. Analisis data menunjukkan kategori sebagai model muncul dalam empat kali (1.0%) iaitu sekali oleh pensyarah-penyelia B, C, dan dua kali oleh penyelia F. Data daripada sumber pemerhatian jelas menggambarkan amalan pemodelan ini. Pensyarah-penyelia telah mempamerkan wajah yang ceria dan manis sepanjang proses penyeliaan dijalankan. Kemanisan wajah dan senyuman pensyarah-penyelia dibawa semasa mengadakan sesi perbincangan dengan pelatihnya. Apabila bercakap dalam majlis perbincangan dengan

pelatihnya dia memberi perhatian yang serius dan memastikan matanya setentang dengan mata pelatih semasa berdepan. Ketiga-tiga aspek pembinaan hubungan ini iaitu bermanis muka, sentuhan dan bertentang mata, jelas kelihatan pada ketiga-tiga pensyarah-penyelia di atas. Pada masa sama diperhatikan juga pelatih yang diselia berada dalam keadaan sama seperti yang ditunjukkan oleh pensyarah-penyelialnya.

Analisis data temu bual mengesahkan dapatan ini. Apabila ditanya dalam temu bual tentang sebab pensyarah-penyelia sentiasa menampilkkan wajah manis, pensyarah-penyelia memberi jawapan tujuannya adalah untuk mempamerkan contoh yang betul kepada guru pelatih dalam aspek membina hubungan dengan kliennya. Ini dapat dilihat daripada respon pensyarah-penyelia B seperti di bawah:

“Jadi, semasa dia menjalankan sesi tersebut. Ada perkara-perkara yang dilakukan kesilapan oleh pelatih. Jadi, saya menegur bagaimana contohnya dari segi bagaimana dia membina hubungan ataupun *repor* dengan pelajar ataupun dengan klien. Kita mesti sentiasa tenang dan bermanis muka apabila berhadapan dengan klien, sekali sekala boleh sentuh pelajar (klien) jika keadaan sesuai dan memerlukan. Ada dalam kalangan pelatih ini dia terus masuk je kepada pokok perbincangan tentang klien tu...dia tak bina hubungan menyebabkan klien tu rasa tertekan.” RB(2)I-18/2(11-18).

Hal ini selari dengan analisis yang dilakukan pada nota lapangan penyelidik yang menulis seperti berikut:

... dan barulah saya faham akan tujuan dia (penyelia) berbuat demikian iaitu untuk memberi contoh teladan kepada pelatihnya kaedah yang betul untuk mewujudkan hubungan betul dengan klien” DTR04-(20/1)

Demikian juga jawapan yang hampir sama diberikan oleh pensyarah-penyelia C apabila ditanya sebab mereka menunjukkan contoh penampilan wajah positif itu. Beliau memberi jawapan semoga dengan apa yang mereka pamerkan itu dapat

diperhatikan seterusnya ditiru oleh guru pelatih mereka masing-masing. Hal ini ketara berlaku pada pensyarah-penyelia C apabila penyelidik memerhatikan beliau menunjukkan tangannya pada bahagian matanya sendiri dan pada masa sama penyelidik mendengar dia berkata seperti berikut:

“Tengok mata saya, bertentangan dengan mata awak sekarang iaitu semasa saya sedang berbincang sekarang”. RC(1)O-25/1(2)

Data daripada temu bual mengesahkan hal ini apabila ditanya tentang tujuan pensyarah-penyelia C berbuat demikian. Semasa menjawab soalan ini beliau memberi respon seperti berikut:

“... ya lah betullah, saya angkat tangan dan tunjukkan pada bahagian mata saya. Saya nak tunjuk perlakuan yang tepat semasa berinteraksi dengan pelatihnya. hal ini penting untuk wujudkan hubungan mesra dengan pasangan kita ..” RC(1)I-25/1(113-115)

#### *4.2.2.6 Kategori Amalan Mengarah*

Amalan mengarah merujuk kepada tindakan pensyarah-penyelia yang memberi arahan kepada guru pelatih mereka dalam melakukan sesuatu perkara. Ini bertujuan untuk memastikan guru pelatih melakukan sesuatu perkara dengan baik dan sesuai dengan situasi. Analisis data menunjukkan amalan mengarah berlaku satu kali sahaja atau mewakili 0.3% daripada kategori amalan pensyarah-penyelia dalam penyeliaan GBKSR. Data pemerhatian menunjukkan pensyarah-penyelia E memberi arahan kepada GP15 dengan menggunakan kertas yang bertulis semasa menyelia aspek kemahiran menyоal. Didapati pensyarah-penyelia E berada pada bahagian depan GP15 sewaktu dia sedang mengadakan sesi kaunseling dengan klienya. Dia mengangkat kertas bersaiz A4 yang bertulis perkataan

**SOALAN TERBUKA** ketika GP15 menyoal kliennya. Ada ketikanya beliau mengangkat kertas lain yang tertulis perkataan **SOALAN TERTUTUP**.

Hal ini disahkan melalui analisis temu bual, apabila pensyarah-penyelia E menjelaskan bahawa dia memain peranan sebagai pengarah kepada GP15 semasa GP15 mengemukakan soalan-soalan dalam sesi kaunseling bersama kliennya. Hal ini disokong oleh analisis dokumen nota lapangan yang ditulis oleh penyelidik. Mengulas sesi penyeliaan, penyelidik menulis seperti berikut:

...dia bertindak sebagai pengarah sewaktu pelatihnya menjalankan sesi kaunseling tersebut. Inilah kekuatan (nama pensyarah-penyelia) yang belum saya temui dalam empat pasangan penyeliaan sebelum ini DTR04-(28/1)

Rumusannya penstrukturran proses dan bentuk-bentuk amalan penyeliaan praktikum dalam kalangan pensyarah-penyelia praktikum GBKSR mempunyai kaedah dan struktur tersendiri. Pengurusan dan penstrukturran amalan penyeliaan disusun sedemikian rupa bagi memberi perkhidmatan penyeliaan terbaik kepada GBKSR. Dapatan kajian soalan kajian dua boleh dilihat pada rajah pokok (Lampiran M). Bahagian berikutnya akan memaparkan dapatan kajian mengenai matriks penyeliaan praktikum GBKSR. Ianya diperoleh berdasarkan soalan kajian 3.

#### 4.2.3 Matriks Penyeliaan Praktikum GBKSR

Soalan kajian 3: Bagaimanakah bentuk matriks penyeliaan praktikum GBKSR?

Tujuan kajian ini adalah untuk meneroka proses pelaksanaan penyeliaan praktikum dan memahami bentuk-bentuk amalan pensyarah-penyelia semasa menyelia praktikum GBKSR. Seterusnya memaparkan matriks penyeliaan praktikum GBKSR. Dalam usaha mencapai semua tujuan kajian tersebut, penyelidik telah menggunakan pendekatan kualitatif kaedah kajian kes. Model SAS oleh Holloway (1995) sebagai asas kerangka teoritikal kajian. Seramai 28 orang partisipan telah terlibat dalam kajian ini.

Pemilihan partisipan dibuat secara sampel bertujuan. Semua partisipan primer telah memenuhi empat kriteria yang ditetapkan terlebih dahulu. Kriteria tersebut ialah (1) dicalonkan sendiri oleh ketua jabatan tempat mereka bertugas, (2) menunjukkan prestasi kerja cemerlang, (3) berkhidmat sebagai pensyarah dan penyelia praktikum GBKSR sekurang-kurangnya lima tahun dan (4) pernah melahirkan guru pelatih berpencapaian cemerlang ataupun kepujian dalam praktikum GBKSR sebelum ini. Tiga kaedah telah digunakan untuk mengutip data iaitu pemerhatian, temu bual dan analisis dokumen. Data-data dianalisis secara manual menggunakan prosedur program Nvivo.

Dapatan keseluruhan kajian menunjukkan munculnya satu tema, tiga subtema, 18 kategori, 20 subkategori, 11 elemen dan dua subelemen. Sebagai hasil daripada rumusan keseluruhan dapatan kajian dengan mengambilkira padanan dengan model SAS yang menjadi kerangka teoritikal kajian penyelidik mengemukakan satu set pernyataan mengenai ciri-ciri penyeliaan praktikum GBKSR dan diberi nama sebagai Matriks Penyeliaan Praktikum GBKSR. Kewujudan Matriks Penyeliaan Praktikum GBKSR hasil daripada ciri-ciri perbezaan dan persamaan dengan model SAS. Hal ini boleh dilihat seperti pada jadual 4.22.

Jadual 4.22 :

Matriks Penyeliaan Praktikum GBKSR

Peringkat/Fasa Penyeliaan	Jenis Penyeliaan	Kaedah Penyeliaan	Amalan Pensyarah-Penyelia
<i>Sebelum Penyeliaan</i>	Penstruktur dan kontrak Penyeliaan		
<i>Semasa Penyeliaan</i> Peringkat Pertama	Orientasi Kontekstual  <i>Membina hubungan</i> <i>Meneroka masalah</i> <i>Mengenal pasti masalah</i> <i>Mengambil keputusan</i>  Penyeliaan sistem fail	Secara langsung Secara langsung Secara langsung Secara langsung Secara langsung Secara bertulis	<i>Berunding, Peneguhan, Maklumbalas, Menilai</i> <i>Mendidik, Berunding, Maklumbalas, Peneguhan, Menilai</i> <i>Berunding, Maklumbalas, Peneguhan, Menilai</i> <i>Mendidik, Berunding, Maklumbalas, Peneguhan, Menilai, Mendidik, Berunding, Maklumbalas, Peneguhan, Menilai</i> <i>Mendidik, Berunding, Maklumbalas, Peneguhan, Menilai</i>
Peringkat kedua	<i>Membina hubungan</i>  <i>Meneroka masalah</i> <i>Membuat keputusan</i> <i>Kemahiran menyoloal</i>  <i>Kemahiran membuat rumusan</i> Semakan buku Rekod Aktiviti/Jurnal Verbatim & Folio Menghasilkan kertas kerja Kemahiran mencatat nota Kemahiran menghadapi peperiksaan	Secara langsung Secara rakaman Secara langsung Secara langsung Dan rakaman Secara langsung Secara bertulis Secara langsung Secara langsung Secara langsung Secara langsung	<i>Mendidik, Berunding, Maklumbalas, Pemodelan, Peneguhan, Menegur &amp; cadangan, Menilai</i> <i>Maklumbalas, Menilai, Berunding, Peneguhan, Mendidik, Mengingat, Berunding, Menilai</i> <i>Mengarah, Mendidik, Berunding, Menegur, Peneguhan, Menilai</i> <i>Memberi contoh, Berunding, Peneguhan, Menilai</i>  <i>Berunding, Peneguhan, Maklumbalas, Menilai</i>  <i>Berunding, Peneguhan, Maklumbalas, Menilai</i> <i>Berunding, peneguhan, Maklumbalas, Menilai</i>  <i>Berunding, Peneguhan, Maklumbalas, Menilai</i>  <i>Berunding, peneguhan, Maklumbalas, Menilai</i>
Peringkat Ketiga	Aplikasi teori Semakan Buku Rekod Aktiviti & Jurnal Sistem fail Pengurusan dan keceriaan bilik BK Promosi perkhidmatan bimbingan dan kaunseling Menghasilkan kertas kerja Program keibubapaan Pameran Pendidikan Kerjaya	Secara langsung Secara bertulis Secara bertulis Secara bertulis Secara bertulis Secara bertulis Secara bertulis Secara langsung	<i>Mendidik, Berunding, Peneguhan, Maklumbalas, Menilai</i> <i>Berunding, Peneguhan, Maklumbalas, Menilai</i> <i>Berunding, Peneguhan, Maklumbalas, Menilai</i> <i>Berunding, Peneguhan, Maklumbalas, Menilai</i> <i>Berunding, Peneguhan, Maklumbalas, Menilai</i>  <i>Berunding, Peneguhan, Maklumbalas, Menilai</i>  <i>Berunding, Peneguhan, Maklumbalas, Menilai</i>  <i>Berunding, Peneguhan, Maklumbalas, Menilai</i>
<i>Selepas Penyeliaan</i>	<i>Penilaian</i> <i>Kontrak penutup</i>		<i>Berunding, Peneguhan, Maklumbalas, Menilai</i> <i>Berunding, Peneguhan, Maklumbalas, Menilai</i> <i>Berunding</i>

Catatan:

(1) Huruf condong menunjukkan ciri-ciri persamaan/hampir samadengan komponen dalam model SAS oleh Holloway (1995)

(2) Huruf menegak menujukkan komponen tambahan kepada Model SAS oleh Holloway (1995)

Jadual 4.22 menunjukkan pernyataan ciri-ciri dalam penstruktur dan pentadbiran penyeliaan praktikum GBKSR. Ini meliputi empat konstruk penyeliaan iaitu (1) fasa-fasa

dalam kronologi penyeliaan, (2) jenis-jenis penyeliaan, (3) kaedah yang digunakan dalam penyeliaan, dan (4) bentuk-bentuk amalan pensyarah-penyelia sewaktu melaksanakan penyeliaan praktikum GBKSR. Ciri-ciri dalam matriks tersebut telah dikongsi dengan semua partisipan kajian melalui proses *member cheking* (Merriam, 1998). Respon daripada ketujuh-tujuh partisipan menunjukkan matriks tersebut selaras dengan proses dan amalan mereka dalam menyelia praktikum GBKSR. Salah seorang daripada mereka memberi komen “...bagus, sesuai dan menepati realiti penyeliaan praktikum GBKSR”. Manakala yang lain bersetuju untuk menamakan jadual tersebut sebagai matriks penyeliaan praktikum GBKSR.

#### 4.3 Rumusan

Dapatan kajian menunjukkan pensyarah-penyelia praktikum GBKSR di IPG menjalankan proses penyeliaan secara teratur dan terancang. Proses pelaksanaannya bermula dengan aktiviti yang diadakan pada peringkat sebelum, semasa dan selepas sesi penyeliaan. Pensyarah-penyelia juga didapati memberi fokus yang tepat terhadap aspek-aspek penyeliaan selaras dengan kurikulum pembelajaran GBKSR dan bidang perkhidmatan GBKSR seperti yang digariskan oleh KPM. Hal ini menjadikan pengisian praktikum GBKSR lebih bermakna dan menyeronokkan.

Demikian juga halnya dalam soal penentuan amalan atau tingkah laku semasa memberi perkhidmatan bimbingan kepada GBKSR. Dalam aspek ini para pensyarah-penyelia praktikum telah memperlihatkan tahap profesional yang tinggi apabila berjaya menggunakan kaedah penyeliaan yang sesuai dengan tahap perkembangan penyeliaan dan

keperluan GBKSR. Keseluruhan laporan di atas adalah hasil daripada dapatan kajian untuk menjawab tiga soalan kajian iaitu (1) bagaimanakah proses pelaksanaan penyeliaan praktikum GBKSR, (2) apakah bentuk-bentuk amalan pensyarah-penyelia semasa menyelia praktikum GBKSR dan (3) bagaimanakah bentuk matriks pola penyeliaan praktikum GBKSR.